

BAB 1

GERAKAN TARIQAH DI ASIA TENGGARA

Kedatangan Islam Di Nusantara

Kedatangan Islam di Asia Tenggara telah bermula sejak abad pertama hijrah, melalui kegiatan dan gerakan para pedagang Islam, yang menggunakan laluan perdagangan antara China dan India melalui Selat Melaka. Kerajaan Islam yang pertama di Asia Tenggara didirikan di Perlak, Sumatera pada abad ketiga hijrah (9 Masihi)¹. Inilah kerajaan Islam yang dianggap tertua di Nusantara. Namun begitu aliran *madhab* yang digunakan adalah *madhab Syī‘ah*. Berdasarkan dari sumber-sumber naskhah Melayu tua² yang di tulis oleh para ‘ulamā’ terdahulu, menjelaskan kepada kita bahawa Islam telah bertapak lama di Nusantara seawal abad pertama hijrah lagi.

Para sarjana bersepakat mengatakan bahawa Islam di Nusantara dibawa oleh pedagang Islam. Mereka telah mendirikan beberapa penempatan di pelabuhan yang mereka singgahi. Perkembangan Islam di Nusantara tampak lebih jelas sekitar abad ke-14 dengan kemunculan beberapa Kerajaan Islam di Alam Melayu seperti Kerajaan Samudera Pasai (433H/1042M) di asaskan oleh Meurāh Khaīr dengan gelaran Maharaja Mahmūd Shah (1042-1078M) sampai pada zaman kemuncaknya di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Bahian Shah Mālik al-Zāhir (1326-1349M).

Ini dibuktikan dengan catatan Ibn Battūta yang melawat Samudera Pasai pada tahun 1345M, mengatakan bahawa kedudukan ‘ulamā’ ketika itu dipandang tinggi dan sangat dimuliakan.³ Selain itu, kemunculan Kerajaan Islam Aceh yang diasaskan oleh Johan Shah,⁴ berjaya mengIslamkan penduduk cheh. Pemerintahannya memakan masa selama 30 tahun 11 bulan 26 hari (1204-1235M). Kematian beliau digantikan oleh puteranya Sultan Ahmad⁵ dengan menggunakan gelaran Paduka Seri Sultan Riāyat Shah. Aceh memainkan peranan yang penting dalam proses penyebaran Islam sehingga digelar “Serambi Mekah” selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada 1511M.

Kerajaan Demak adalah kerajaan Islam pertama di Pulau Jawa yang diasaskan oleh Raden Fatah atau Pangeran Jinbun, putera kepada pemerintah terakhir Majapahit Brawijaya V (1468-1478M)⁶. Kemudian muncul pula kerajaan Pajang,⁷ Kerajaan Mataram, Banten dan Ceribon di Pulau Jawa dan beberapa kerajaan Islam yang lain di Nusantara telah memarakkan agenda penyebaran Islam di sini.

Islam juga berkembang di Filipina, yang dikatakan datang dari Sulu, diperkenalkan oleh Tuan Masyaika⁸. Namun begitu, berdasarkan kepada *Tarsila* atau Salasilah *Sulu* seorang ahli ṣufi dikenali Sharīf Awliā Karīm al-Makhdūm, telah mendarat di Pulau Jolo sekitar tahun 1380M dan mengajar agama Islam di Buangsa. Mengikut Dr. Adib Majūl, seorang ahli sufi dikenali Makhdūm Amīn-ullāh (atau Syed al-Nikāb) juga berada di Pulau Jolo, mengajar Islam kepada penduduk di Pulau itu.⁹

Kemunculan kerajaan Islam Sulu, di bawah pimpinan Sharīf al-Hāshim telah membantu penyebaran Islam di Kepulauan Mindanao, Luzon dan sekitarnya.¹⁰ Kemunculan Kesultanan Melayu Melaka sebagai kerajaan *maritim* di Nusantara pada abad ke-15, berjaya mendominasikan kegiatan perdagangan. Gerakan ketenteraan yang berdasarkan model pemerintahan Islam, telah menarik minat para sarjana dan ilmuan Islam untuk menjadikan Melaka sebagai pusat penyebaran dakwah Islam. Menurut Mahyuddin Hj. Yahyā, era kegembilangan Melaka pada pertengahan abad ke-15, menjadi begitu kuat sehingga dikatakan tiada kuasa lain dapat menandinginya di Alam Melayu. Walaupun kekuasaannya tidak sampai ke Jawa, namun pengaruh Majapahit lumpuh akibat kebangkitan Melaka.¹¹

Pada zaman pemerintahan Sultan Mansūr Shah (1459-1477M), Islam berkembang dengan pesatnya di Melaka. Ajaran *taṣawwuf* mula berkembang dengan luasnya serta ramai ‘ulamā’ dari India dan Timur Tengah¹² datang mengajar di Melaka. Baginda Sultan sangat berminat dengan pengajian Kitab *Durr al-Manzūm*,¹³ kitab *taṣawwuf* yang dibawa oleh Maulāna Abu Bakar¹⁴. Sehingga diperintahkan oleh Sultan Mansūr Shah untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.¹⁵ Kedatangan ‘ulamā’ dari luar telah membanjiri zaman Kesultanan Melaka seperti Maulāna Abu Bakar, Maulāna Yusof, Maulāna Sadar Jāhan, Tun Jana Katib, Maulāna Jalāluddīn, sebagaimana yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* dalam ceretera ke-32.

Kejatuhan Melaka pada 1511M, telah menyebabkan munculnya dua buah kerajaan Melayu Islam yang berpengaruh ketika itu iaitu Kerajaan Johor-Riau yang diasaskan oleh Sultan ‘Allāuddīn Rīāyat Shāh¹⁶ yang berpusat di kota Johor Lama pada tahun 1528M dan juga Kerajaan Islam Acheh Darussalam yang ketika itu dipimpin oleh Sultan ‘Allā-iddīn ‘Alī Mughāyat Shāh (1511-1530M).

Acheh sebagaimana yang diketahui menerima Islam sejak abad ke-12M lagi Kegiatan penyebaran Islam di Nusantara, di ambil alih oleh Acheh yang mencapai era keemasan, apabila jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka pada 1511M. Acheh dengan sifat pemerintahannya yang anti kepada barat (Portugis) serta agama Kristian telah melancarkan gerakan dakwah Islāmiyah melalui pelbagai cara. Termasuklah penyerangan terhadap Melaka dan penawanan beberapa wilayah di Semenanjung Tanah Melayu seperti Pahang, Kedah, Perak dan beberapa daerah di Kepulauan Sumatera.

Pada zaman pemerintahan Sultan ‘Allāudīn Mānsūr Shāh (1581-1587M) Islam berkembang pesat di Acheh dan ramai ‘ulamā’ mengunjungi Acheh. Mereka bukan sahaja mengembangkan ilmu malahan mendirikan dayah-dayah¹⁷ bagi mengajar mengajar ilmu-ilmu tersebut.¹⁸ Kerajaan Islam Acheh juga berjaya menghasilkan usat engajian Islam yang terkenal dengan usaha para ‘ulamā’ tempatan dan luar serta kemunculan gerakan tasawwuf yang subur dengan beberapa aliran-aliran yang berbeza seperti aliran *Wahdah al-Wujūd* dan *Wahdah al-Shuhūd*.

Pertembungan kedua-duanya ini menjadi titik tolak kepada gerakan perkembangan ilmu-ilmu taṣawwuf di gelanggang Nusantara ini sejak dari pertapakan Islam di Nusantara pada awal abad pertama *hijrah* sehingga pada awal abad ke 15 M. Perkembangan gerakan taṣawwuf oleh para ‘ulamā’ ṣufi seiring dengan pertapakan Islam di Nusantara. Berdasarkan kepada ciri-ciri kedatangan Islam di beberapa buah kerajaan Islam terawal,¹⁹ maka terbuktilah bahawa kedatangan Islam di Nusantara, dibawa oleh golongan ṣufi atau ahli taṣawwuf.

Pada sekitar abad kedua hijrah, kerajaan Islam di Perlak yang berasaskan pada aliran *Syī‘ah*, iaitu Dinasti Syeīd telah dibangunkan oleh Sultan ‘Allāuddīn Syeīd Maulāna ‘Abd. ‘Azīz Shah (840-864M). Institusi Pendidikan Islam yang terulung ketika ini didirikan semasa pemerintahan Sultan ‘Allāiddīn Malik Mohamad Amīn Shah Johan Berdaulat²⁰(932-956M) dikenali dengan nama Perguruan Tinggi Dayah Cut Kala. Sejarawan mengatakan pembinaan institusi-institusi pendidikan adalah menjadi satu metod perkembangan dakwah Islam para ‘ulamā’ ṣufi kepada masyarakat ketika itu.²¹

Gerakan Taṣawwuf dan Tarīqah di Nusantara

Apabila kita membincangkan proses penyebaran Islam di Nusantara, kita tidak dapat lari dari mengaitkan beberapa konsep ajaran Islam yang bersifat kerohanian, perkara *ghaib*, *khabar sam'iyyat* dan seumpamanya. Ajaran taṣawwuf dan tarīqah juga kadangkala dikenali sebagai ilmu *hakikat*, *makrifat*, *ilmu ihsān*, *ilmu hati*, *ilmu khusu'* serta beberapa istilah yang kadangkala asing bagi kebanyakan mereka yang tidak mengkaji secara mendalam konsep hakikat kejadian alam dan hubungan ketuhanan dan makhluk. Allah Ta'āla ada menerangkan kepada kita berhubung dengan perkara di atas di dalam firmanya :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ اللَّيْلِ
وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولَئِكَ الْأَلَبَابِ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ
قِيَامًا وَقَعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبُّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بِاطْلَالِ
سَبَحَانَكَ فَقَنَّا عَذَابَ النَّارِ

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.²²

Proses kedatangan Islam di Nusantara adalah satu skop perbincangan yang meluas. Sebahagian sarjana mengaitkan kedatangan Islam melalui hubungan

perdagangan Asia Tenggara yang ketika itu, menjadi laluan utama dan persinggahan pedagang-pedagang Arab Muslim, India dan China. Teori lain mengatakan, gerakan penghapusan golongan pemberontakan *Syī'ah* semasa zaman pemerintahan Bani Umayyah dan Bani ‘Abbāsiyyah di Timur Tengah menyebabkan golongan ini telah melarikan diri dari Semenanjung Tanah Arab ke beberapa tempat di timur wilayah Islam ketika itu seperti di China, Champa, Afrika, serta di Asia Tenggara.²³

Kedatangan mereka ini akhirnya telah membawa kepada proses Islamisasi penduduk Nusantara bermula pada awal abad pertama dalam Islam. Kedatangan Islam di Nusantara telah menyebabkan kemunculan beberapa bandar dan kota-kota yang terkenal, hasil dari hubungan perdagangan yang menjadi wasilah antarabangsa ketika itu. Ini terjadi kerana, perhubungan antara negara-negara hanyalah melalui jalan laut.

Maka tidak hairanlah proses Islamisasi di Nusantara bermula dari kota-kota pelabuhan yang ada²⁴ Kemunculan beberapa buah pelabuhan seperti Samudera Pasai, Melaka, Acheh dan lainnya, telah menjadikan agama Islam sebagai satu tapak yang kuat untuk bergerak. Kekuatannya lebih jelas dengan kemunculan golongan cerdik pandai Islam dari golongan istana. Ini disebabkan perkembangan intelektual Islam. Selain itu ikatan ukhuwwah negara Islam, telah mewujudkan golongan ‘ulamā’ tempatan yang meluas ilmunya serta jaringan keintelektualan dengan ‘ulamā’ dari Timur Tengah.

Pada tahap inilah Islam tersebar melalui golongan ‘ulamā’ yang dikenali sebagai ‘ulamā’ taṣawwuf. Sekali gus sebagai guru-guru ḥarīqah sufiyyah yang memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam. Gerakan dakwah Islam melalui ajaran taṣawwuf dan kemunculan ḥarīqah - ḥarīqah sufiyyah mula berkembang luas di Nusantara sejak abad ke 17.²⁵

Professor Dr.Burhanuddin al-Helmi, salah seorang tokoh pejuang politik Islam di tanahair dalam satu ucapannya menyatakan :

“Kemudian setelah saya siasati kedatangan Islam ke Nusantara kita ini dan datuk nenek kita memeluk agama Islam yang hanif ini terutamanya dan kesan-kesannya ialah daripada ‘ulamā’-‘ulamā’ syi‘ie dan ‘ulamā’-‘ulamā’ taṣawwuf. Samada ‘ulamā’-‘ulamā’ itu datang secara saudagar atau secara mubaligh bukan masuk melalui ‘ulamā’-‘ulamā’ feqah. Islam masuk ke Nusantara kita ini berkembang tidak dengan kekerasan atau paksa tetapi dengan kemahuan hati dan pilihan jiwa yang dapat mengatasai pelajaran agama Hindu dan Budha bagaimana yang diperjuangkan oleh Wali Songo di Jawa dan lain-lain kepulauan. Maka beransur-ansur nampaklah saya kesenian ilmu taṣawwuf.”²⁶

Pertumbuhan ilmu taṣawwuf sebenarnya telah bermula seiring dengan kelahiran Islam sendiri. Ianya adalah terjemahan sebenar cara hidup Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat-sahabatnya. Sehingga ianya mula disusun dalam satu bentuk ilmu sepetimana pembentukan dan penyusunan ilmu fiqh, *tauhid*, dan lainnya dengan pelbagai nama, istilah-istilah dan kaedah-kaedah yang tertentu.²⁷ Para ‘ulamā’ taṣawwuf seperti juga para ‘ulamā’ fiqh dan *ahli kalam* meletakkan methodologi dan penyusunan tertentu dalam ilmu ini.

Memanglah pembentukan ilmu-ilmu Islam pada awalnya, tidak ada satu bentuk pengistilahan khusus, sepetimana yang ada pada hari ini. Namun dasar-dasarnya dan kaedah-kaedah melaksanakannya, sudah terdapat pada zaman baginda Nabi s.a.w.²⁸ Bagaimanapun ajaran dalam ilmu taṣawwuf / ḥaqqah prinsip-prinsipnya, amalan-amalan kerohanianya dan aspek-aspek penting bagi ilmu tersebut telahpun wujud. Ilmu dan amalan ḥaqqah / taṣawwuf adalah lahir bersama-sama dengan kelahiran Islam itu sendiri.

Ia dihayati oleh Nabi s.a.w dan diajarkan kepada para sahabat sehingga menjadi amalan biasa yang menyeluruh di kalangan ṣahābat, ṭābi‘īn dan salaf as-salih. Malahan pengistilahan ilmu yang ada masa kini, adalah kerana perkembangan amalan kerohanian itu yang semakin pesat. Ia memerlukan penyusunan dan ajaran yang sistematik. Malahan tanggapan kebanyakan orang awam mengatakan bahawa pelbagai aliran ḥaqqah yang ada pada hari ini adalah ajaran baru Islam, diasaskan oleh tokoh-tokoh tertentu, adalah mengelirukan terutama bagi mereka yang tiada asas kefahaman persejarahan ilmu dan amalan Islam yang sebenar.²⁹

Lengkap dan idealnya ilmu-ilmu Islam itu hanyalah pada zaman Nabi s.a.w dan awal Islam. Inilah peringkat yang sentiasa menjadi rujukan terbaik sesuai dengan sabda Nabi s.a.w maksudnya :

"Sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian kurun yang mengikuti kurun mereka itu, kemudian kurun yang mengikuti mereka itu, kemudian akan meluaslah kedustaan,maka janganlah kamu berpegang kepada kata-kata mereka dan amalan mereka."³⁰

Bagaimanapun istilah *sufi*³¹ ini muncul pada lingkungan akhir abad kedua hijrah. Ianya berkembang dengan luas dan menjadi perbincangan dan perdebatan yang hebat di kalangan para ‘alīm ‘ulamā’. Akhirnya menjadi satu ilmu pengetahuan serta amalan teori dan amali dalam bentuk yang tersendiri dalam Islam³². Perkembangan taṣawwuf pada kurun-kurun seterusnya semakin tersusun dengan bentuk-bentuk khusus serta sifat-sifat istimewanya, prinsip, bidang ilmu tersendiri, istilah-istilah, penulisan, karya-karya, tokoh-tokoh terkenal serta pertumbuhan ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah menjelang kurun kelima.

Seterusnya wujud beberapa konsep serta penisbahan dengan nama para Syaykh yang mempelorinya. *Al-Qadiriyyah*, misalnya telah dinisbahkan kepada Syaykh ‘Abd Qādir bin Abī Sālih al-Jilāni (w. 562 H), *Al-Rifa’iyyah* yang dinisbahkan kepada Syaykh Ahmad bin ‘Alī al-Rifa’i (w. 540 H), *al-Suhrawardiyyah* dinisbahkan kepada Syaykh Shihāb al-Dīn Abū Hafs ‘Umar al-Suhrawardī (w. 632H), *al-Shadhiliyyah* yang dinisbahkan kepada Syaykh Abū al-Hassan ‘Ali al-Shādhilī (w. 656H), *al-Kubrāwiyyah* dinisbahkan kepada Syaykh Najm al-Dīn al-Kubrā (w. 618 H), *al-Yasāviyyah* dinisbahkan kepada Syaykh Ahmad bin Ibrāhīm bin ‘Ali al-Yāsī.

Al-Naqsyabandiyyah dinisbahkan kepada Syaykh Muhammad bin Muhammad Baha’ al-Dīn al-Naqsyabandī (w.791 H), *Chishtiyyah* dinisbahkan kepada Syaykh Mu‘in al-Dīn Hassan Chistī (w. 633 H) dan puluhan malah ratusan lagi ḥarīqah lainnya. ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah yang telah berkembang serta berpengaruh di negara-negara Islam di Afrika terutama di Mesir, Timur Tengah telah menjalar ke segenap pelusuk alam Islam

sehingga sampai ke Nusantara³³. Kesan pemikiran ahli-ahli sufi sampai ke Alam Melayu dengan pelbagai cara, terutama melalui penulisan-penulisan dan penghasilan karya-karya genre taṣawwuf yang menjadi sumber rujukan para ‘ulamā’ di Nusantara.

Perkembangan ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah di negara-negara Islam khususnya di Timur Tengah, memberi kesan kepada masyarakat Islam di Nusantara. Penyebaran dakwah Islam yang seiring dengan penulisan-penulisan ilmiah, telah menjadi sumber rujukan para ‘ulamā’ di Nusantara. Perkembangan ini telah memberi kesan kepada kemunculan beberapa tokoh ‘ulamā’ Nusantara, yang berusaha menyebarluaskan dakwah Islamiyyah. Penyebaran dakwah secara langsung ini, dikaitkan juga dengan kedatangan ahli taṣawwuf dari Parsi dan Asia Tengah ke Nusantara dengan membawa bersama mereka karya-karya ilmiah.

Pengaruh mereka semakin mendalam dengan terhasilnya karya-karya ‘ulamā’-‘ulamā’ tempatan, yang mengabadikan idea-idea dan ajaran taṣawwuf ini dalam bentuk kitab-kitab *tūrath*, buku-buku dan manuskrip. Sejarah penyebaran Islam di Nusantara, tidak dapat lari dari peranan golongan taṣawwuf atau dipanggil ahli ṣufi. Pengkaji sejarah telah merumuskan akan peri pentingnya peranan mereka dalam dakwah Islam di Nusantara³⁴. ‘Ulamā’-‘ulamā’ taṣawwuf ini ada yang datang daripada negara luar dan ada juga muncul daripada kalangan ‘ulamā’ tempatan.

Kedatangan para ‘ulamā’ dari luar ini telah membawa bersama-sama mereka ajaran taṣawwuf dan aliran ḥarīqah ṣufiyyah. Ajaran ini kemudiannya telah menjadi amalan penduduk tempatan. Kebanyakan aliran ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah yang diperkenalkan, mula berkembang sejak abad kedua hijrah lagi. Dunia Islam ketika itu begitu mashyur dengan aliran taṣawwuf, ibadah dan ḥarīqah -ḥarīqah ṣufiyyah. Di kalangan rakyat massa yang biasanya disebut sebagai *popular sufism* atau *popular religion*³⁵.

Antara tokoh-tokoh taṣawwuf yang terkenal sepanjang kurun ialah Hassan al-Basrī (w. 110H), Ja‘afar al-S̄adiq (w. 148 H) ‘Uwaīs al-Qurnī, Ibrāhīm Adhām (w. 161 H), Rabi‘ah al-Adawiyyah (w. 185 H), Abū Ḥarith al-Muhāsibī (w. 243 H), Abu Yazid al-Bistāmī (w. 261 H), Abū al-Qāsim al-Junaīd al-Baghdadi (w. 297 H) Syaykh Abū Tālib al-Makkī (w. 386 H), Abū al-Qāsim al-Qusyārī (w. 465 H), Syaykh al-Hujwiri (w. 465 H), Syaykh Abū ‘Ali al-Daqqaq (w. 405 H), Syaykh ^cAbd. Q̄adir al-Jilani (w. 562 H), Syaykh Abū Ḥāmid al-Ghazālī (w.505H), Syaykh Najm al-Dīn al-Kubra (w. 618 H), Syaykh Abū al-Hassan al-Syadhbīlī (656 H), Syaykh Ibn al-‘Arabi (638 H) Syaykh Muhammad Baha’ al-Dīn al-Naqsyabandī (791 H) dan lain-lain lagi.³⁶

Perkembangan taṣawwuf pada kurun ketujuh dalam Islam, begitu terkenal dengan aliran *Wahdah al-Wujūd* yang secara khusus telah diperkenalkan oleh Ibnu ‘Arabī³⁷. Beliau menghasilkan banyak karya dan antara yang paling terkenal ialah *Futūhāt al-*

Makkīyyah dan *Fusūs al-Hikam*. Konsep ajaran taṣawwuf Islam yang dibawa oleh Ibnu ‘Arabī ini telah menjadi popular di kalangan daerah-daerah Islam di sebelah Timur terutama di Parsi³⁸. Perkembangan pemikiran seperti ini telah menjalar dengan hebatnya di Nusantara dengan kemunculan beberapa tokoh ‘ulamā’ yang beramal dengan ajaran taṣawwuf dan ḥarīqah sufiyyah.

Secara umumnya, bolehlah dikatakan bahawa faktor kedatangan aliran ḥarīqah ini hasil dari perkembangan ilmu Islam yang berlaku di Timur Tengah serta negara Islam. Ia memberi kesan kepada para ‘alim ‘ulamā’ tempatan yang menuntut di sana. Aliran ini berkembangan melalui pelbagai cara. Antaranya, melalui karya penulisan yang bercorak keagamaan, kesusasteraan, hikayat-hikayat, naskhah, teks, syair-syair, seni kaligrafi khat, musik dan pelbagai lagi, sebagai satu tarikan dalam perspektif Islam serta menjadi aspek dari spiritual Islam³⁹.

Contoh-contoh tersebut, terdapat di dalam karya-karya kesusasteraan Islam di alam Melayu. Misalnya, karya-karya sastera yang dihasilkan oleh Hamzah Fansūrī⁴⁰. Beliau adalah antara tokoh ṣufi yang menghasilkan karya dalam bentuk prosa dan syair-syair Islam. Namun, beliau banyak terpengaruh dengan karya-karya ahli ṣufi terkenal Farīd al-Dīn Attār⁴¹. Antara karya beliau yang terkenal ialah *Syair Burung Pungguk*, *Syair Dagang*, *Syair Burung Pingai*, *Syair Sidang Fakir* dan *Syair Perahu*. Manakala karangan beliau dalam bentuk kitab ilmiyyah ialah *Asrārul Ḥarīqah fī bayān ‘Ilmī Sulūki wa al-Taūhid*, *Syarāb al-Āsyikin*, *Al-Muhtadi* dan *Rubā’i’ e Hamzah al-Fansūri*.

Method dakwah Wali Songo (Wali Sembilan) misalnya menggunakan pendekatan yang berbeza dalam perkembangan dakwah taṣawwuf ini. Contohnya, Sunan Bonang dan Sunan Giri dalam usaha dakwahnya, menggunakan unsur-unsur budaya tempatan dengan mengIslamkan beberapa kesusasteraan Hindu-Jawa. Mereka mengarang beberapa lagu gending dan gamelan yang bertemakan ajaran agama dan moral Islam, puisi dan beberapa nyanyian. Sunan Kalijaga misalnya, telah mengarang cerita wayang kulit yang berunsur Islam dan beberapa kesenian lain termasuklah seni pakaian, seni ukir, dan kesusasteraan⁴². Inilah antara beberapa contoh yang boleh diketengahkan daripada beberapa contoh lain.

Menjelang abad ke-10M, keadaan dunia Islam telah menjadi kucar-kacir dengan sebab kelemahan kerajaan ‘Abāsīyyah sehingga beberapa wilayah di bawah penguasaan Bani ‘Abāsīyyah memerdekaan diri. Dunia Islam mulai dilanda kegawatan dan kekecohan, perang saudara, perebutan wilayah dan jawatan. Kacau bilau negara yang sangat hebat ketika itu, menyebabkan beberapa pihak dan golongan termasuklah golongan ‘ulamā’ mula mengasingkan diri. Ini disebabkan oleh penguasaan nafsu kebendaan yang melampau yang tidak dapat ditahan dalam jiwa umat Islam ketika itu. Sebahagian dari mereka ini, memilih jalan hidup sebagai ahli-ahli ṣufi yang mengamalkan ajaran-ajaran ḥarīqah dan taṣawwuf⁴³. Mereka ini, kemudiannya telah keluar dari tanah Arab untuk menyebarkan Islam mengikut fahaman mereka dan berperanan penting dalam penyebaran agama Islam pada abad ke-13M dan selepasnya di Asia Tenggara.

Kedatangan para ‘ulamā’ sufi di Asia Tenggara seperti Syaykh Ismā‘il dan Fakir Muhammad, Syarīf Amīr al-Syirāzi, Ṭaj al-Dīn Al-Asfahāni, Syaykh ‘Abd. ‘Azīz, Maulānā Abū Bakar dan Maulānā Yūsuf direkodkan dalam manuskrip dan kitab-kitab lama. Ini menunjukkan bahawa ‘ulamā’ sufi ini datang terus dari Timur Tengah, Parsi dan India⁴⁴. Antara kegiatan ahli sufi yang terpenting ialah mendirikan beberapa institusi pendidikan formal yang dikenali sebagai *zāwiyah*, *khawānik*, dan *rabth*. Institusi ini kemudiannya berkembang menjadi sekolah-sekolah tersendiri yang dikenali sebagai pondok , pasantren atau dayah.

Golongan ini berpendapat bahawa adanya institusi ini, agama Islam dapat diperkenalkan dengan lebih sempurna dan mendalam serta lebih terjamin. Dari sinilah lahirnya para ‘ulamā’ dan ahli sufi tempatan yang kemudiannya menggantikan mereka yang datang dari luar⁴⁵. Perkembangan gerakan ḥarīqah sufīyyah di Nusantara ini boleh dilihat dengan jelas pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Islam Acheh di kepulauan Sumatera, selepas kejatuhan Kesultanan Melayu Islam Melaka.

Kemunculan beberapa orang tokoh ‘ulamā’ dari pelbagai aliran ḥarīqah sufīyyah serta perhatian pemerintah Acheh terhadap kegiatan Islam dan juga perkembangan pendidikan Islam, telah menyebabkan Acheh dinobatkan sebagai *Serambi Mekah*⁴⁶. Ḥarīqah -ḥarīqah sufīyyah mula berkembang di alam Melayu. Antaranya, kedatangan ḥarīqah *Syatāriyyah*, di bawa oleh Syaykh Aminuddīn ‘Abd al-Ra’uf bin ‘Alī Al-Fansuri al-Sinkili⁴⁷ atau lebih dikenali *Syī’ah (Syaykh) di Kuala* yang menerima *ijāzah* ḥarīqah

Syatāriyyah dari gurunya semasa mengaji di Madinah iaitu Syaykh Syarīf al-Dīn Ahmad al-Dajā'ani al-Qusyāsyi (1535-1660 M) dan Syaykh Ibrāhīm al-Qurānī (1616-1689 M).

Tarīqah *Naqsyabandīyyah* yang di nisbahkan kepada Syaykh Muhammad bin Muhammad Baha' al-Dīn al-Naqsyabandī disebarluaskan di Nusantara ini oleh Syaykh Ismā'il bin 'Abdullāh al-Minangkabawi. Antara 'ulamā' yang menjadi pengasas dalam tarīqah Naqsyabandīyyah ialah Syaykh 'Abd Wahāb Rokan al-Khalidī al-Naqsyabandī (1811-1926)⁴⁸ yang terkenal dengan gelaran *Tuan Guru Babus-Salam* Langkat, Sumatera. Selain daripada itu terdapat juga beberapa orang 'ulamā' yang terdiri dari syaykh-syaykh atau guru-guru tarīqah lain yang terkenal di Nusantara ini seperti Syaykh Muhammad Khātib Sambas, Syaykh Muhammad Salleh al-Zawāwi, Syaykh 'Abd Samad Al-Falimbangī, Syaykh Daud al-Fatāni, Syaykh Arsyād al-Banjārī dan lainnya.

Di Malaysia, kemunculan tarīqah -tarīqah sufīyyah telah bermula sejak awal abad ke 19 lagi kesan dari kembalinya para 'ulamā' Melayu yang bergiat cergas dalam bidang pendidikan khususnya di Mekah dan Madinah ketika itu.⁴⁹ Walaupun terlebih awal daripada itu telah ada gerakan tarīqah sufīyyah. Kegiatan dakwah tarīqah sufīyyah juga telah pun wujud di kalangan masyarakat di Kepulauan Melayu lain seperti di Sumatera, Pulau Jawa, Patani dan beberapa negeri lain. Aliran tarīqah sufīyyah ini disebarluaskan melalui institusi pendidik tidak formal seperti pondok atau pengajian agama yang dijalankan di madrasah, masjid dan surau, penulisan-penulisan atau karya-karya yang terhasil.

Perkembangan *tarīqah* ṣufiyyah ini adalah hasil sistem pendidikan yang lebih menjurus kepada ajaran taṣawwuf dan amalan kerohanian dalam Islam. Apa yang menarik perhatian ialah, ahli-ahli ṣufi ini berjaya mendapat tempat dihati golongan pemerintah dan istana. Malahan sebahagian mereka menjadi pemimpin beberapa kerajaan Islam samada sebagai raja, sultan atau pembesar negara. Sebagai contoh, *Wali Songo*⁵⁰ atau dikenali sebagai Wali Sembilan yang bertanggungjawab dalam peluasan kuasa Islam di Pulau Jawa. Sunan Ampel telah berjaya mendirikan kerajaan Islam pertama di Jawa iaitu Kerajaan Demak Bintoro. Dengan bantuan para ‘ulamā’ ṣufi, mereka telah menempatkan Raden Fattah⁵¹ sebagai Sultan pertama kerajaan Islam Demak.

Dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1456-1477M), telah datang seorang ‘ulamā’ ṣufi dari Mekah bernama Maulānā Abū Bakar membawa kitab taṣawwuf karangan gurunya bernama *Durr al-Manzūm*.⁵² Kedatangan beliau telah digambarkan dengan mendapat sambutan yang meriah oleh sultan dan para pembesarnya. Malahan sultan sendiri telah menjadi murid dan berguru dengan Maulānā Abū Bakar. Berdasarkan kepada ajaran taṣawwuf yang terdapat dalam kitab ini dan Maulānā Abu Bakar sendiri adalah seorang ‘ulamā’ ṣufi, berkemungkinan raja dan rakyat Melaka ketika itu beramal dengan ajaran *tarīqah* dan taṣawwuf ketika itu.⁵³ Kedudukan Maulānā Abū Bakar didalam pemerintahan Melaka ketika itu menjelaskan lagi bahawa para ‘ulamā’ ṣufi yang telah berjaya menyebarkan ajaran Islam dan menjadi tumpuan sekalian rakyat ketika itu.⁵⁴

Pertalian golongan ‘ulamā’ ḥanafi dan pemerintahan jelas sekali dalam peristiwa pengIslamian Raja Patani oleh Syaykh Sa‘īd seorang ‘ulamā’ dari Pasai.⁵⁵ Syaykh Sa‘īd ini telah dilantik menjadi guru agama di istana raja Patani dan di beri gelaran *Datuk Seri Raja Fakih*.⁵⁶ Peristiwa ini berlaku sekitar tahun 1457M, di mana ketika itu dalam masa yang sama, Melaka dibawah pemerintahan Sultan Mahmūd. Maulānā Ishāq,⁵⁷ seorang lagi ‘ulamā’ ḥanafi berbangsa Arab telah dilantik menjadi ketua di daerah kerajaan Balambangan setelah berkahwin dengan puteri Raja Balambangan.⁵⁸ Begitu juga dengan Syeid Husseīn al-Hāfiẓ telah diberi kepercayaan menjadi pembesar negara Perak semasa pemerintahan Sultan Mahmūd Iskandār Syah (1653-1720M), Sultan Perak ke sebelas.⁵⁹

Dalam pemerintahan Kesultanan Islam Melayu Riau, golongan pemerintah dan ‘ulamā’ telah bergabung untuk menjalankan pentadbiran kerajaan dan negara. Ada di antara pemerintahnya memimpin ajaran *ṭarīqah*. Contohnya Yang di Pertuan Muda Riau Raja ‘Alī (1845-1857M), Raja Haji ‘Abdullāh dikenali *Marhum Mursyīd*(1857-1858) dan Raja Mohammad Yusof al-Aḥmadī (1858-1899M) adalah pemimpin kepada *ṭarīqah* Naqsyabandīyyah. Aliran *ṭarīqah* ini diamalkan oleh hampir sebilangan besar pembesar dan rakyat di Riau ketika itu. Pemerintahnya juga menjadi *Syaykh Mursyīd* seperti Yang Dipertuan Muda Raja ‘Abdullāh sendiri. Beberapa orang ‘ulamā’, terlibat dalam jentera pentadbiran kerajaan Riau. Antaranya Syaykh Ismā‘il⁶⁰, Raja ‘Alī Haji⁶¹, Syeīd ‘Abdullāh Bahrīn, Syaykh Ahmad Jabrāti dan Syaykh Arsyād al-Banjāri. Inilah bukti berkesannya peranan golongan ahli taṣawwuf dalam penyebaran Islam di Nusantara.

Di Aceh muncul beberapa ‘ulamā’ taṣawwuf yang berpegang kepada amalan ḥarīqah seperti Syaykh Hamzah Fansūri (w.1600M) dan muridnya Syaykh Syams al-Dīn al-Sumatrāni (w.1630M) dari aliran ḥarīqah Qādirīyyah, Syaykh Nūruddin al-Raniri (w. 1666M)⁶² and Syaykh ‘Abd. Ra’ūf bin ‘Alī al-Fansūri (w.1693M)⁶³ juga dikenali dengan gelaran *Syī‘ah di Kuala* adalah ‘ulamā’ sufi dari aliran ḥarīqah Syatārīyyah. Mereka ini muncul sebagai ‘ulamā’ yang dihormati dan berperanan dalam pentadbiran kerajaan Aceh. Syaykh Syams al-Dīn al-Sumatrāni misalnya pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636M), adalah penasihat utama baginda. Syaykh Nūruddīn al-Raniri telah dilantik menjadi *Qādī Mālik al-‘Adil* semasa Sultan Iskandar Muda Thāni (1636-1641M) memerintah.⁶⁴ Selain dari itu terdapat banyak lagi contoh-contoh peranan para ‘ulamā’ sufi ini, dan memadai dengan apa yang telah disebut di atas.

Perkembangan dunia Islam pada abad ke 19, khususnya di Mekah ketika itu dipenuhi dengan kegiatan pendidikan. Ia merupakan tempat tumpuan penuntut ilmu khususnya penuntut dari Nusantara. Lulusan agama dari Mekah atau di Tanah Arab dianggap satu kemuliaan dan juga seolah-olah sebagai satu pengesahan dalam ilmu agama. Di Malaysia sendiri khususnya, ‘ulamā’ -‘ulamā’ yang muncul adalah mereka yang telah menamatkan pengajian dari Mekah dan Madinah pada masa tersebut. Melihat kepada suasana inilah, maka perkembangan di Mekah, selain dari tempat mengerjakan ibadah haji, juga menjadi tumpuan para ilmuan khususnya dari Kepulauan Melayu atau mereka yang berminat dalam ilmu taṣawwuf atau dakwah ḥarīqah ṣufiyyah⁶⁵.

Berdasarkan kepada fakta ini, adalah benar jika dikaitkan bahawa kemunculan aliran-aliran ḥarīqah yang berkembang di Kepulauan Melayu ketika itu adalah hasil pendidikan terus dari para ‘ulamā’ di Mekah dan Madinah. Syed Naguīb al-‘Aṭās menyatakan, aliran ḥarīqah yang berkembang di Tanah Melayu datang terus dari Mekah melalui para penuntut, mereka yang mengerjakan haji di Mekah dan golongan pendakwah dari Arab dan India.⁶⁶

Tarīqah Ahmad'iyyah Di Malaysia

Kemunculan aliran ḥarīqah - ḥarīqah ṣufiyyah di Nusantara ini sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu adalah datang terus dari Mekah atau Madinah. Para pengembang aliran ḥarīqah di alam Melayu ini ada mempunyai hubungan sebagai murid dengan para guru-guru ḥarīqah atau *masyāikh ḥarīqah* di Mekah. Ini menjadi bukti bahawa ḥarīqah di alam Melayu ini adalah jauh dari sebarang kesesatan. Fakta ini adalah perlu untuk menolak tuduhan bahawa aliran ḥarīqah yang berkembang tidak mempunyai sandaran yang kukuh dari Islam.

Beberapa contoh misalnya, aliran ḥarīqah Syatāriyah yang terkenal di Mekah, diperkembangkan sebahagian besarnya di Alam Melayu oleh murid-murid Syaykh ‘Abd Ra‘uf bin ‘Alī al-Fansūri (1001H-1105H/1592-1693M) iaitu Syaykh Burhānuddīn Ulakan di Pariaman, Minangkabau, Syaykh ‘Abd al-Muhyī Karang Pamijahan di Jawa Barat, Syaykh Yūsuf Tāj al-Khalwāti (1626-1699M)⁶⁷ di Sulawesi Selatan(Bugis) dan

Banten, Syaykh ‘Abd al-Mālik bin ‘Abdullah (Tok Pulau Manis) (1650-1736M) di Terengganu, Syaykh ‘Abd al-Mubīn bin Muhammad Jailāni al-Fatāni dikatakan kebanyakannya adalah berguru terus dengan para ‘ulamā’ di Mekah.

Antara para ‘ulamā’ di Mekah dan Madinah yang masyhur dan terkenal ketika itu seperti *al-‘Arif Billāh Sayyidī* Syaykh Ahmad al-Qusyayi al-Syatāri (w.1071H/1660-1661M), Syaykh Ibrāhīm al-Qurānī (1616-1690M), Syaykh Muhammad bin Sulāmān al-Qurdi, Syaykh ‘Abd al-Karīm Samānī al-Madānī (w.1720M) dan beberapa ‘ulamā’ yang lain. Mereka ini adalah para Syaykh ḥarīqah atau guru-guru sufi yang masyhur.

Ḩarīqah Ahmadīyyah di Malaysia ini mulai muncul akhir abad ke 19. Ia dikembangkan di dunia Arab oleh Ahmad bin Idrīs⁶⁸ yang dilahirkan di Fez, Morocco daripada keluarga Syarīf di Morokko. Beliau berguru dengan ‘Abd al-Wahāb al-Tāzi dan menerima *ijazah ḥarīqah al-Qādirīyyah al-‘Azīzīyyah*. Kemudian beliau menerima ḥarīqah Shādīlīyyah dari Abu Qāsim al-Wazir dan juga ḥarīqah al-Khalwātiyyah dari Syaykh Hassan bin Hassan Bek al-Qanāi⁶⁹.

Ajaran beliau kemudian telah dikembangkan oleh salah seorang muridnya iaitu Ibrāhīm al-Rasyīdi yang telah berhasil mencapai *maqām Qutb*. ḥarīqah ini kemudiannya di kenali sebagai ḥarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidīyyah. Ibrāhīm al-Rasyīdi ini mempunyai beberapa orang murid dari Asia Tenggara khususnya di Malaysia. Di kalangan murid-muridnya yang mashyur adalah seperti Muhammad Syāfi‘ī bin

Muhammad Sāleḥ atau dikenali sebagai Tuk Shāfi‘e dari Kedah, Muhammad Sa‘īd bin Jamāluddīn al-Linggi dari Negeri Sembilan dan ‘Abdul Samad bin Muhammad Sāleḥ al-Kelantani (Tuan Tabal).

Kemudiannya ḥarīqah ini dikembangkan oleh salah seorang muridnya Muhammmad bin Ahmad al-Dandarāwi yang berasal dari bahagian Selatan Qahirah, Mesir. Dari beliaulah ḥarīqah ini berkembang dan dinamakan ḥarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidīyyah al-Dandarāwiyyah. Beliau juga dikatakan berhasil mendapatkan *maqām al-Qutb al-Rāwi*.⁷⁰

Selepas kewafatan Muhammad bin Ahmad al-Dandarāwi pada tahun 1909M, pimpinan ḥarīqah Ahmadīyyah al-Dandarāwiyyah ini dipegang oleh anaknya Sayyidi ‘Abās bin Muhammad. Beliau ini tinggal terus di Mekah sebagai salah seorang ahli sufi yang terkenal di Mekah pada permulaan abad ke20.⁷¹ Antara anak-anak muridnya yang terkenal dari Malaysia ialah Tuan Hj. Mansor bin Hj. Muhammad Sa‘īd dan keluarga Hj. Muhamad Sa‘īd yang berasal dari Negeri Sembilan. Murid-murid kepada Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi inilah yang telah meybarkan ajaran dan aliran taṣawwuf yang terkandung dalam ḥarīqah Ahmadīyyah ini. Mereka inilah juga menjadi wakil atau *khālifahnya* di Asia Tenggara dan Kepulauan Melayu.

Beliau yang dimaksudkan ialah *Al-‘Arif Billāh* Syaykh Muhammad Sa‘īd bin Jamāludin al-Linggi, Negeri Sembilan.⁷² Beliau dianggap sebagai orang yang pertama

mendirikan atau menyebarkan ḥarīqah Ahmad iyyah di Asia Tenggara atau terkenal dengan gelaran *Sahib al-Wilayah al-Tamimah* (mempunyai wilayah sempurna). Beliau mendapat kepercayaan dari gurunya untuk mengembangkan ajaran ḥarīqah Ahmad iyyah dan berkuasa penuh di daerah penyebaran dakwah Islam ini. Sebagai seorang guru ṣufi beliau di panggil *Sayykh Mursyid*⁷³ dan *maqamnya* tergolong dalam *awlia' Allah* mempunyai martabat dan hemah yang tinggi , mempunyai *kasyaf* dan *'arif bil-Allah*.⁷⁴ Bapanya seorang guru di Masjid al-Harām, dan telah berjaya melahirkan beberapa orang 'ulamā' dari didikannya.

Sayykh Muhammad Sa'īd telah berguru dengan beberapa orang 'ulamā' yang terkenal seperti Sayykh Hasbullah al-Makkī, Sayykh Abū Bakar Shata' atau dikenali sebagai Ahmad al-Mansyawi Sayykh 'Umar Barakāt, Sayyid Ja'afar al-Barzanī Mufti Shafī'e di Mekah, Sayykh Muhammad Yūsuf al-Khayyāt, Sayykh 'Umar Abū Bakar Bajūnīd, Muhamad Sa'īd Yamanī dan lain-lain lagi. Antara 'ulamā' Asia Tenggara yang sebaya dengan Sayykh Muhammad Sa'īd yang seperguruan di Mekah ialah Hj. Ismā'il Kelantan, Sayykh Muhammad Nūr bin Sayykh Nik Mat Kechik al-Fatāni, Mufti Hj. Ibrāhīm Kelantan, Mufti Wan Mūsa Kelantan, Tengku Mahmūd Zuhdī Syaykh al-Islam Selangor, Sayykh Ahmad Al-Marzūqi al-Fatāni, Kiyā'i Maksum Lasem Jawa, Kiyā'i Mansur Jakarta dan ramai lagi ⁷⁵.

Tarīqah Ahmad iyyah al-Dandarāwiyyah di Negeri Sembilan

Syaykh Muhamamad Sa‘id telah diarahkan oleh gurunya supaya kembali ke Tanah Melayu untuk menyebarkan ajaran tarīqah ini. Walau bagaimanapun, beliau dikatakan belum bersedia kembali ke Tanah Melayu, kerana ingin menambahkan lagi ilmunya di Mesir. Demi mentaati perintah gurunya, beliau kembali ke Tanah Melayu dan kepulangan beliau hanya dalam keadaan sehelai sepinggang dan bersama-sama dengan serban dan jubah pemberian gurunya Sayyidi Ahmad al-Dandarāwī.⁷⁶

Dengan sifat tawadduk dan kasih serta taat dengan gurunya inilah, beliau telah selamat kembali dengan perjalanan dari Jeddah bersama-sama dengan rombongan haji yang pulang dari Mekah dan sampai di Singapura (Tanah Melayu) pada sekitar tahun 1900M.⁷⁷ Sebagai wakil Sayyidi Ahmad al-Dandarāwiyyah di Nusantara ini, beliau kemudiannya telah mendirikan pusat kegiatan ajaran tarīqah Ahmadiyyah di Ampangan Seremban, Negeri Sembilan. Setelah kewafatan beliau, anaknya Hj. Ahmad Hj. Muhammad Sa‘id telah mendirikan sebuah lagi pusat pengajian yang dikatakan antara pusat pengajian Islam yang terbesar di wilayah ini dikenali sebagai *Madrasah as- Sa‘id iyyah* di Rasah , Seremban, Negeri Sembilan.⁷⁸ Madrasah ini telah menjalankan sistem pendidikan Islam secara sistematik dan menekankan kepada aspek-aspek dan amalan kerohanian dan kehidupan ṣufi, peradaban dan akhlak yang tinggi kepada murid-muridnya.

Kewafatan Syaykh Muhammad Sa‘id telah meninggalkan beberapa kesan yang mendalam kepada *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah. Pengantinya, Syaykh ‘Abdullah terus memimpin ḥarīqah ini. Sebagai pemimpin ḥarīqah yang baru, beliau bertanggungjawab sepenuhnya dalam pelbagai aspek mencakupi kegiatan lahiriyah dan baṭiniyyah di kalangan keluarga *ikhwān* Ahmadīyyah. Dalam banyak hal, Syaykh ‘Abdullah telah menyerahkan kewajipan seperti memimpin majlis *ḥāfiẓah*, *majlis zikir* dan *rātib* kepada adiknya Syaykh Ahmad. Ini adalah kerana layaknya seorang pemimpin itu senantiasa dikelilingi oleh mereka yang bakal-bakal pimpinan kemudiannya.

Syaykh ‘Abdullah seolah-olah telah membayangkan bakal pemimpin Ahmadīyyah masa hadapan ialah adiknya Syaykh Ahmad. Hubungan kedua-duanya amat baik sekali dalam suasana yang harmoni, puji-memuji dan saling memuliakan antara satu sama lain sehingga apa yang dimaksudkan oleh Syaykh Ahmad adiknya, itulah juga maksud dan kata-kata Syaykh ‘Abdullah. Syaykh Ahmad sifatnya sebagai pembantu kanan kepada Syaykh ‘Abdullah dilihat mempunyai keazaman yang lebih mendalam memperkembang luaskan lagi ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah. Keilmuan yang ditimbanya selama lebih kurang tujuh tahun telah membantunya mendirikan madrasah yang dikenali dengan Madrasah al-Sa‘idiyyah sempena mengambil berkat nama ayahnya.

Tujuan mendirikan pusat pengajian ini adalah untuk melaksanakan konsep *ta’līm* dan *tarbiyyah* kepada para *ikhwān* yang menjalani kehidupan sebagai seorang *sālik* untuk mencapai darjat *ma’rifatullāh* yang sebenar. Jelasnya madrasah ini telah memberi

sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu-ilmu tradisional ilmu pada abad ke-20. Murid-muridnya bukan hanya dari kalangan umat Islam Semenanjung Tanah Melayu ketika itu, tetapi juga dari Singapura, Indonesia dan Sumatera. Sistem pengajiananya adalah berteraskan kepada pengajian ilmu *tauhid*, fiqh dan taṣawwuf.⁷⁹

Kewafatan Syaykh ‘Abdullah pada tahun 1956M telah digantikan oleh adiknya Syaykh Ahmad. Ini seperti yang dijangkakan di kalangan *ikhwān* ḥarārah Ahmadīyyah. Walaupun di katakan terjadinya sedikit salah saham di kalangan keluarga *ikhwān*, khususnya *khālidah-khālidah* kanan yang tua. Namun begitu hal ini telah berjaya diselesaikannya. Syaykh Ahmad telah melangkah setapak lagi dalam menyemarakkan ajaran ḥarārah Ahmadīyyah, apabila beliau dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 1950M. Peristiwa ini dianggap sebagai ujian yang berat untuk beliau hadapi, namun atas desakan para ‘ulama’ serta kakitangan kerajaan yang terdiri dari murid-murid beliau sendiri dan juga permintaan Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu, maka terpaksa beliau menerima jawatan tersebut.

Bagaimanapun penerimaanya itu setelah beliau melakukan *Istikhārah*, *munajāt* dan *ijtihād* berminggu-minggu lamanya untuk mendapat keredhaan Allah.⁸⁰ Hasil *istikhārah* beliau inilah, mendorongnya menerima jawatan tersebut kerana sebagai seorang ṣufi, sememangnya isyarat-isyarat dan *natiyah* yang diperolehi setelah berusaha dan melalui kaedah-kaedah tersebut mempunyai rahsia-rahsia dan hikmah yang tersendiri dan perlu dihormati. Sebagai seorang Mufti dan juga pemimpin ḥarārah Ahmadīyyah,

adalah dianggap sebagai rahmat Allah kepada perjalanan ḥarīqah ini khususnya di kalangan para pengamal tasawwuf ketika itu. Inilah satu keistimewaan dalam perkembangan dakwah ḥarīqah Ahmadīyyah yang mana pemimpinnya ketika itu sebagai seorang pegawai kerajaan dan juga seorang *Syaykh Mursyīd*.

Kesibukan Syaykh Ahmad sebagai pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah dan juga sebagai Mufti Kerajaan Negeri Sembilan tidak menghalang beliau untuk menyumbang karya-karya penulisan yang berharga dan bernilai. Seperti juga bapanya Syaykh Muhammad Sa‘īd, karya-karya beliau tidak hanya di bidang taṣawwuf dan ḥarīqah Ahmadīyyah sahaja, malahan mencakupi pelbagai cabang agama Islam itu sendiri. Namun begitu aspek-aspek taṣawwuf adalah yang terbanyak dalam bidang penulisan beliau. Kebanyakan karya-karya beliau ditulis dalam bahasa Arab dan juga bahasa Melayu.

Syaykh Ahmad meninggal pada tahun 1964M dan digantikan oleh adiknya Syaykh ‘Abdul Rāshid yang tinggal di Singapura. Namun begitu, majlis-majlis *hāul* dan *dhikir* yang dijalankan di Malaysia, beliau tidak ketinggalan menghadirinya. Bagaimanapun, urusan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah diserahkan oleh beliau kepada pimpinan *ikhwān* yang terdiri dari kalangan saudara-maranya seperti Syaykh Muhammad Nor. Apabila meninggalnya Syaykh Muhammad Nor pada 1981M, kepimpinan syaykh ḥarīqah diserahkan kepada Syaykh Muhammad Hamīd⁸¹.

Seperti kebiasaannya, Syaykh Hamīd juga mempunyai pembantu kanan dalam menjalankan urusan perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Ini memandangkan keadaan beliau yang telah uzur dan umur semakin meningkat. Maka untuk majlis-majlis *ḥaul* dan *dhikir* diserahkan kepada anak saudaranya Syaykh Faīz bin Syaykh Ahmad.⁸² Pengajian-pengajian agama serta *ta'lim* dijalankan oleh Syaykh Murtaḍā bin Syaykh Ahmad, abang Syaykh Faīz, di masjid-masjid dan juga tempat-tempat pengajian di seluruh Negeri Sembilan. Kegiatan pengajian ini melibatkan secara tidak langsung kedudukannya, sebagai Mufti Kerajaan Negeri Sembilan sekarang.

Secara umumnya penglibatan *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan pada hari ini adalah penerusan kepada usaha para syaykhnya yang terdahulu. Para *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan amat bertuah kerana di kalangan pemimpinnya adalah seorang Mufti Kerajaan Negeri sendiri. Dato' Mufti Hj Murtadha berperanan sebagaimana peranan yang telah dimainkan oleh bapanya dahulu iaitu Hj Ahmad bin Muhammad Sa'īd al-Dandarāwi.

Tarīqah Ahmadīyyah Al-Ja‘afariyyah

Tarīqah Ja‘afariyyah ini adalah salah satu cabang ḥarīqah Ahmadīyyah Idrisiyyah yang diasaskan oleh Sayyidī Ahmad bin Idrīs ra. Ia mulai diperkenalkan di Malaysia khususnya di Negeri Sembilan apabila salah seorang daripada *khālifah*nya dilantik oleh

pemimpin ḥarīqah Ja‘afariyyah yang berpusat di Mesir dan Sudan sekarang iaitu Syaykh ‘Abd Ghāni bin Muhammad Sōleḥ al-Ja‘afari. Beliau telah diamanahkan untuk memimpin perjalanan ḥarīqah Ahmad iyyah Ja‘afariyyah di sebelah Semenanjung Tanah Melayu. Oleh kerana cawangan ḥarīqah Ja‘afariyyah ini dari cabang Ahmad iyyah Idrisiyyah,⁸³ maka kajian ini dianggap oleh penulis sebagai kajian yang terkini dalam kajian berhubung ḥarīqah Ahmad iyyah di Malaysia.⁸⁴

Ḩarīqah Ahmad iyyah al-Ja‘afariyyah, adalah salah satu daripada cabang ḥarīqah Ahmad iyyah daripada murid Sayyidi Ahmad bin Idrīs iaitu Sayyidi Muhammad bin ‘Alī al-Sanūsī (1781-1859M).⁸⁵ Beliau berguru dengan Sayyidi Ahmad bin Idrīs semasa di Mekah dan bermulazamah bersama-sama dengan sehingga ikut serta berpindah ke Sabya di Yaman apabila penentangan kaum *Wahābi* di Mekah terhadap ajaran-ajaran taṣawwuf dan ḥarīqah ṣufiyyah. Beliau tinggal di Sabya sehingga Sayyidi Ahmad bin Idrīs meninggal pada malam Sabtu bersamaan 21 Rejab tahun 1253H/1837M.⁸⁶ Selepas kewafatan Sayyidi Ahmad bin Idrīs ra., antara muridnya yang meneruskan usaha mengembangkan ḥarīqah Ahmad iyyah ini ialah Sayyidi Muhammad ‘Alī bin Sanūsī yang bersama-sama dengannya berpindah ke Yaman pada tahun 1244H/1829M. Anak kepada Sayyidi Ahmad bin Idrīs iaitu Sayyidi ‘Abd Al-‘Alī (L1246H/1877)⁸⁷ telah mendapat *tarbiyyah* dan didikan daripada Sayyidi Muhammad bin ‘Alī al-Sanūsī.⁸⁸

Sayyidi Muhamad bin ‘Ali al-Sanūsī berpegang dengan *madhab Maliki* dan berasal daripada keturunan Nabi s.a.w. Beliau telah berguru dengan ramai di kalangan ‘ulamā’-‘ulamā’ di Fez, Morocco antara tahun 1822-1829M. Kemudiannya, beliau telah pergi ke Mesir dan berguru dengan sejumlah besar ‘ulamā’ -‘ulamā’ di al-Azhar sehingga beliau telah sampai ke Mekah dan bertemu dengan Sayyidi Ahmad bin Idris.⁸⁹ Setelah kewafatan gurunya , beliau telah mendirikan *zawiyah* *tarīqah* nya sendiri di Jabal Abi Qubis berdekatan dengan Masjidil Harām di Mekah pada tahun 1837M. Di sanalah bermulanya satu lagi ajaran *tarīqah* *sufiyyah* yang dikenali dengan *tarīqah* Sanūsiyyah.⁹⁰

Pada tahun 1841M, kerajaan Mekah telah melakukan tekanan ke atas para pengikut-pengikut *tarīqah* -*tarīqah* *sufiyyah* sehingga Sayyidi Muhamad bin ‘Ali al-Sanūsī telah diusir keluar dari Mekah. Beliau kemudianya telah menjadikan daerah Libya sebagai pusat kegiatannya. Di sinilah Sayyidi ‘Abd Al-‘Al anak kepada Sayyidi Ahmad Idris mula berdamping dengan beliau. Dakwah Islamiyyah yang dibawa oleh Sayyidi Muhammad bin ‘Ali al-Sanūsī mendapat sambutan menggalakkan sehingga beliau mempunyai pengikut yang ramai dan murid-muridnya dikenali sebagai *Al-Ikhwān*.⁹¹ Pada tahun 1859M, beliau meninggal dunia di Jaghbub. Selepas kewafatannya salah seorang muridnya dan *khalifah*nya telah menggantikannya. Beliau ialah Sayyidi ‘Abd al-‘Al bin Ahmad bin Idris.⁹² Beliau adalah anak yang ketiga daripada Sayyidi Ahmad bin Idris.

Sayyidi ‘Abd Al-‘Al kemudiannya telah meneruskan usaha gurunya Muhammad bin ‘Alī al-Sanūsī sehingga akhirnya beliau kembali ke perkampungan Zainiyah, Mesir di mana ramai penduduk daerah tersebut pengikut dan murid bapanya Ahmad bin Idris. Beliau kemudiannya telah berkahwin dan dikurniakan seramai sembilan orang anak iaitu Muhammad dikenali sebagai Sharīf, Muṣṭafa, Ma’mūn, Muhammad Sanūsī, Muhammad ‘Arabī, Muhammad Idrīs, Murtadha, Abū Al-Hassan dan Al-Amin yang meninggal semasa kecil.⁹³ Setelah mengharungi pelbagai dugaan dan ujian maka pada hari Jumaat 28 Zulqaedah 1296H/bersamaan 24 November 1878, Sayyidi ‘Abd Al-‘Al⁹⁴ meninggal dunia dan dimaqāmkan di masjid bandar Danqala.

Sayyidi Muhammad Syarīf bin ‘Abd Al-‘Al anaknya, menggantikan kepimpinannya sebagai syaykh ḥarīqah. Beliau inilah kemudiannya telah mengasaskan banyak masjid dan rumah-rumah *khatwat* dan markas-markas untuk menyebarkan ajaran ḥarīqah Idrisiyyah di bandar Khartoum khususnya, yang mana dahulunya diasaskan oleh datuknya Sayyidi Ahmad bin Idris. Beliau kemudiannya telah meninggal dunia pada Julai 1936.⁹⁵

Ṭarīqah Ahmadīyyah Ja‘afariyyah muncul apabila salah seorang murid dan *khālifah* Sayyidi Muhammad Sharīf bin ‘Abd Al-‘Al yang terkenal di kalangan ‘ulamā’ al-Azhar iaitu Sayyidi Ṣoleh bin Muhammad bin Ṣoleh al-Ja‘afari (1328H-1399H) mengembangkan ajaran ḥarīqah ini.⁹⁶ Beliau adalah salah seorang ‘ulamā’ yang disegani

di al-Azhar, Mesir dan dari keturunan Rasulullah s.a.w.dari nasab Sayyidi Imam Ja'afar al-Sadiq hingga kepada Maulana Abi 'Abdillah Imam Al-Hussein ra. *Bermadhab* Maliki dan dilahirkan di bandar Danqala di Sudan. Kemudian berhijrah ke Mesir menuntut di Kuliah Syari'ah Islamiyyah, al-Azhar.⁹⁷ Berhubung dengan amalan beliau dalam *tarīqah* sufiyyah, beliau menyatakan dalam salah satu karyanya :

وقد أجازنى بهذا الطريق شيخى وأستاذى مربى
المريدين الشريف السيد محمد عبد العالى عن
والده سيد عبد العالى عن شيخه العلامة السيد
محمد بن على السنوسى عن شيخه العارف بالله
السيد أحمد بن ادريس رضى الله عنهم

Dan sesungguhnya aku diijazahkan dengan tarīqah ini (Ahmadīyyah) oleh syaykhku dan guruku murabbi sekalian murid al-Sayykh al-Sharif Sayyidi Muhammad Abd Al-'Al daripada bapanya Sa'id 'Abd al-'Al daripada Syaykhnya al-'Alāmah al-Sayyidi Muhammad bin 'Alī al-Sanūsī daripada Syaykhnya al-'Arif Billāh al-Sayyidi Ahmad bin Idrīs r.anhum.

98

Antara guru-guru beliau semasa di al-Azhar ialah Syaykh Muhammad Ibrāhīm al-Samāluthī, Syaykh Muhammad Bahit al-Muti'īe, Syaykh Habīb Allāh al-Shanqīthī, Syaykh Yusuf al-Dajuwā, Syaykh 'Ali al-Syaib dan lainnya. Beliau kemudiannya berjaya memperolehi *Ijazah* Tertinggi dan *Ijazah* pengkhususan dalam pengajian Syari'ah Islamiyyah. Beliau menjadi Imam dan tenaga pengajar di Masjid al-Azhar menyebarkan dakwah Islamiyyah dan ilmu antara *syari'at* dan *haqīqat*. Syaykh Sōleḥ al-Ja'afari selalu melakukan *khalwat* dan tidak keluar daripada Azhar melainkan ketika menunaikan fardhu haji ke Baitullāh al-Harām, menziarahi *maqām* baginda Nabi s.a.w. menziarahi *ahl al-baīt* serta para *awliā'* Allah.⁹⁹

Pada petang Isnin 18 Jamādīl Awal 1399H Syaykh Sōleḥ al-Ja‘afari telah meninggal dunia. Beliau di *maqāmkan* di Masjid al-Azhar, Mesir. Antara beberapa orang penuntut Malaysia yang mengambil *ijāzah* beramal dengan amalan ḥarīqah Ahmadīyyah Ja‘afariyyah ialah Hj Murtadha bin Hj Ahmad (Mufti Kerajaan Negeri Sembilan sekarang), Hj Muhammad Faiz bin Hj Ahmad, Prof. Mahmud Saēdon bin Awang Osmān (Penasihat Agama Kerajaan Brunei sekarang) dan beberapa orang lagi.¹⁰⁰ Selepas beliau meninggal dunia maka anaknya Sayyidi ‘Abd Ghāni bin Sōleḥ al-Ja‘afari telah memimpin perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah Ja‘afariyyah samada di Sudan atau di Mesir.

Sayyidi ‘Abd Ghāni bin Sōleḥ al-Ja‘afari adalah merupakan salah seorang ‘ulamā’ yang terkenal di Mesir ketika ini. Beliau sekarang menjadi pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah Ja‘afariyyah yang mempunyai ratusan ribu murid dan pengamal ḥarīqah ini diseluruh dunia. Sebahagian besar tenaga pengajar di Universiti al-Azhar beramal dengan amalan ḥarīqah ini. Begitu juga tidak ketinggalan para pelajar Malaysia yang mengambil *ijāzah* untuk beramal dengan amalan Ja‘afariyyah ini. Antara *khalifah* dan murid beliau yang dilantik sebagai wakilnya di Malaysia ialah Ṣāhib al-Fāḍhilah Hj Muhammad Fuād bin Hj Kamāluddīn al-Ja‘afari. Hj Muhammad Fuād telah diamanahkan oleh Syaykh ‘Abd Ghāni bin Sōleḥ al-Ja‘afari sebagai wakilnya dan *khalifahnya* di Malaysia.¹⁰¹

Dengan kemunculan ḥarīqah Ahmadīyyah Ja‘afariyyah yang dipimpin oleh Hj Fuād bin Hj. Kamāluddīn, maka bertambahlah satu lagi cabang ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Kemunculan dan kegiatan kumpulan ini baru bermula sekitar tahun

1995. Bagaimanapun keazaman dan kegigihan usaha pendokong ḥarīqah Ahmadīyyah al-Ja‘afariyyah, mereka berjaya menjalankan kegiatan dakwah Islāmiyyah dan majlis-majlis dhikir dan majlis ilmu. Hj. Fuād dibantu oleh beberapa orang sahabatnya yang bersama-sama mendapat *bai’ah* semasa di Mesir. Apa yang dapat dilihat ialah sambutan masyarakat setempat dan sekitarnya amat menggalakkan. Sehingga beberapa program berjaya dijalankan seperti *Iḥyā’ Kutub al-Turāth*, Majlis *Iḥtifāl* Hari-Hari kebesaran Islam, program *Qiamullail*, Majlis *Haul* dan *Dhikirullah*, Kuliah Tetap, Bersiri dan Bulanan dan yang terbaharu ialah menjalankan program pendidikan dengan tertubuhnya Ma‘ahad Al-Taufiqī al-Husainī Dato’ Abdullah, Rembau, Negeri Sembilan.¹⁰²

Walaupun ḥarīqah Ahmadīyyah Ja‘afariyyah ini masih baru di Malaysia, namun amalan dan prinsip asasnya adalah sama dengan amalan dan dhikir-dhikir dalam ḥarīqah Ahmadīyyah al-Dandarāwiyyah. Ini adalah kerana pengasasnya adalah Sayyidi Ahmad bin Idrīs sendiri. Sebab itulah apabila Hj Fuād Kamāluddīn menghidupkan kegiatan ḥarīqah Ahmadīyyah, ramai di kalangan *ikhwān* ḥarīqah di daerah Rembau kembali berkumpul dan menyertai program yang dianjurkan. Contohnya menghidupkan kembali majlis *haul* dan dhikir, mengajar kitab-kitab karangan Sayyidi Ahmad bin Idrīs iaitu *Al-Ahzāb Li Sayyidi Ahmad bin Idrīs*, menghidupkan kembali amalan mengaji kitab-kitab *turāth* seperti *Hikam*, *Sirr al-Salikin*, *Minhājul Ābidīn* dan sebagainya.

Apa yang menjadi perbezaan di antara ḥarīqah Ja‘afariyyah dan Dandarāwiyyah ialah sanad atau salasilah dalam ilmu taṣawwuf. Bagaimanapun salasilah Dandarāwiyyah

bertemu dengan Ja‘afariyyah pada Sayyidi Ahmad bin Idris iaitu pengasas ḥarīqah Ahmadīyyah itu sendiri. Perbezaan lain cuma pada perkara-perkara *furu‘iyah* seperti cara penerimaan *bai‘ah* dari segi lafaz *bai‘ah* dan penekanan-penekanan tertentu dalam amalan. Selain itu murid-murid ḥarīqah Ahmadīyyah Ja‘afariyyah di bahaskan dengan “*Abna‘ al-Ja‘afari*”. Manakala kebiasaan pengikut Ahmadīyyah Al-Dandarāwiyyah di Negeri Sembilan dan Bukit Abal, Kelantan, digelar “*Ikhwān*”. Salasilah *Abna‘ Ja‘afari* di Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Hj Muhammad Fuad bin Hj Kamāludīn serta salasilah *ikhwān* di Negeri Sembilan dan Bukit Abal, Kelantan, boleh dilihat dalam lampiran 1, 2 dan 3.

Pemimpin/ Syaykh ḥarīqah Ahmadīyyah Negeri Sembilan

1. Syaykh Hj. Muhammad Sa‘id Jamāluddīn al-Lingga

Beliau dikenali sebagai Al-‘Arif Billāh Syaykh Muhammad Sa‘id bin Syaykh Jamāluddīn al-Lingga. Lahir di kampung Shu‘āib ‘Ali, Mekah pada Sabtu 3-4 Shaaban 1292 H/1875M. Disebut dalam *manaqib* yang ditulis oleh anaknya Syaykh Ahmad Hj Muhammad Sa‘id bertajuk *Kanz al-Mu‘id fi Manaqib al-‘Arif Billāh Syaykh Muhammad Sa‘id*, ketika kelahirannya, bapanya berada di Tanah Melayu sedang mengembangkan pengajian agama Islam. Beliau dijaga serta di asuh oleh ibu dan neneknya sehingga berumur tujuh tahun. Beliau kemudiannya telah di bawa pulang ke Patani dan diberi pelajaran dan juga didikan sehingga berumur dua belas tahun.¹⁰³

Dari segi nasab keturunannya, datuk sebelah bapanya bernama Hj. Idrīs bin Hj. ‘Abd Mu’min bin Muhammad Nakhūda al-Minangkabawi bin Ahmad bin ‘Umar bin Saleh bin ‘Abdullah yang berasal dari Arab Hadramaut. Manakala nenek sebelah bapanya bernama Hajah Rahimah bte Khātib Mūsa bin ‘Amāluddīn bin Awāluddīn bin Daeng ‘Abdul Mālek. Disebut dalam *manaqib* yang ditulis oleh . . . Syaykh Ahmad bahawa keturunan Syaykh Muhammad Sa‘id adalah termasuk dalam keturunan Bugis yang mempunyai pertalian dengan Daeng Lima Bersaudara pada salasilah nenek sebelah bapanya yang ketiga apabila disebut bahawa Dato’ Awāluddīn adalah anak saudara Daeng Kemboja yang dikenali sebagai Marhum Janggut anak kepada Daeng Parani iaitu anak Raja Bugis bernama Raja Lamadusalad.¹⁰⁴

Bermula Hajah Rahmah anak Khātib Mūsa, Anak Amāluddīn anak Awalluddīn yang dimahsyurkan dengan Dato’ Awwal anak faqih yang dimahsyurkan bahawasanya ianya daripada anak-anak bapa-bapa saudara Daeng Kemboja yang dimahsyurkan dengan Marhum Janggut Yamtuan Muda Riau dan Marhum Janggut itu bapanya Upu Daeng Parani daripada anak-anak raja Bugis yang dimahsyurkan dengan Daeng Relaka dan telah beristeri Upu Daeng Parani dengan Tun Erang yang dikenal akan dia dengan Tengku Tengah saudara Sultan Sulaiman Badr al-Alam Shah Raja Riau dan Johor dan Pahang dan negeri-negeri yang berhubung dengannya...¹⁰⁵

Di sebut juga dalam *manaqib* tersebut bahawa Dato’ Awāl berasal dari Minangkabau dengan beristerikan Daeng Embon anak Zūlaikha bte Dato’ Karkung dari Minangkabau yang mendiami Kampung Semabok, Sumatera yang mempunyai pertalian saudara dengan *Al-'alim al-Faḍil al-Humām al-Kamil Shāhib al-Wilayah* Syaykh Ismā‘il Khālidī.¹⁰⁶ Fakta ini dipercayai adanya pertalian sebelah bapanya Haji Idrīs bin

Haji Mu'min al-Lingga bin Muhammad Nakhuda al-Minangkabawi bin Ahmad bin 'Umar bin Saleh dari Hadramaut. Dari datuknya Syaykh Nakhuda inilah yang dikatakan berasal dari Minangkabau, dan di sinilah beliau wafat.

Selanjutnya *manaqib* ini menjelaskan juga keturunan datuk sebelah ibunya yang bernama Hajah Safiyyah bte Haji Saleh al-Fatani, seorang 'ulamā' di Patani yang masyhur dengan ilmu *ma'rifahnya* serta mempunyai *karāmah* dan *wilayah* sesuai dengan gelarannya dalam *manaqib* tersebut iaitulah *al-'Alīmah al-Fādil wa al-Fahāmah al-Kāmil al-Uṣlādh al-Kābir al-Haj Muhammad Saleh al-Fatani*. Hajah Safiyyah juga adalah seorang guru al-Qur'an di Mekah yang terkenal serta mempunyai keindahan suara dalam membaca al-Qur'an. Sementara datuknya yang kedua dari sebelah ibunya dikenali sebagai *al-'Alīmah al-Kābir al-Fahāmah al-Syāhir Ṣahib al-Wiṭayah al-Bahīrah wa al-Karāmah al-Syaykh 'Abdul Rasyid al-Fatani* neneknya iaitu Hajah Maryam juga adalah dari keturunan bangsawan dan kalangan pembesar iaitu anak saudara raja negeri Senggora.

Demikian secara ringkas susur galur keturunan Syaykh Muhammad Sa'id al-Lingga sebagaimana yang tercatat dalam *manaqibnya*. Beliau berasal dari keturunan yang baik-baik dan mulia. Sifat ini wujud dalam dirinya, ke *aliman* serta keperibadiannya yang mulia adalah perwatakannya yang terasuh dari kalangan keluarga yang baik dan dihormati. Kemuliaan inilah yang diberikan oleh Allah kepada pewaris para nabinya.

Apabila umurnya mencapai dua belas tahun beliau telah mula mempelajari beberapa ilmu agama seperti *fiqh*, *usūluddīn*, *tasawwuf*, *nahu*, *saraf* dan lain-lain lagi dibawah asuhan gurunya *al-'Alī'āmah al-Kābir al-Faqīh al-Syāhīr Syaykh Zāīn al-'Abidīn bin Muhammād al-Fatā'īni* yang terlebih dikenali dengan Tuan Minal (Tuk Meena). Pengajian agama di pondok wilayah Patani selama lima tahun telah memberikan kesan terhadapnya sehingga beliau dengan izin gurunya telah mengaji agama ke Mekah. Usia beliau ketika itu telah meningkat kepada tujuh belas tahun.

Di Mekah, Muhammād Sa'īd telah berguru dengan beberapa 'ulamā'- 'ulamā' masyhur, terkenal serta terdiri dari bangsa Arab seperti Syaykh Hasbullah al-Makki, Sayyid Abū Bakar Shata' dari India digelar Ahmad al-Manshāwi, Syaykh 'Umar al-Barākat al-Shāmi, Syaykh Muhammād Sa'īd Babsīl, Mufti Makkah ketika itu, Syaykh Muhammād Yūsuf al-Khayyāt, Syaykh 'Umar bin Abū Bakar Bajunied, Syaykh Muhammād Sa'īd al-Yamānī¹⁰⁷

Antara 'ulamā' Nusantara yang bermastautin di Makkah yang menjadi gurunya adalah Syaykh Ahmad Khātib, Syaykh Zainuddin al-Sambawi, Syaykh Wan 'Alī Kutan al-Kelantani, Syaykh Ahmad bin Muhammād Zain al-Fatā'īni, Syaykh Muhammād Nawāwi al-Bantēni dan Syaykh 'Abdul Karīm dari Banten seorang Syaykh ḥarīqah *Shādiliyyah* di Mekah. Guru beliau semasa di Madinah ialah Sayyidi Ja'afar al-Barzanjī dan di Mesir berguru dengan Syaykh al-Azhar Syaykh Shamsuddin al-Anbāni, Syaykh Ahmad al-Rāfi'i Mufti mazhab Maliki yang terkenal.

Beliau akhirnya kembali ke Mekah dan beramal dengan ilmu yang diperolehinya serta memanfaatkannya dengan mengajar di Masjid al-Harām, Mekah.. Sehingga dipertemukan oleh Allah dengan Syaykh Ahmad bin Muhammad al-Dandarāwi. Syaykh Muhammad Sa‘id kemudiannya telah mengambil *bai’ah tarīqah* Ahmad iyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah ketika umurnya menjangkau tiga puluh tahun. Beliau mengabdikan diri sepenuhnya dalam jalan hidup keşufian sehingga diberi kepercayaan oleh guru di dalam segala ilmu *haqīqat* serta dibenarkan mengajar ilmu *tarīqah* ini kepada murid-murid yang ingin beramal dalam jalan keşufian ini. Dengan kepercayaan dan kebenaran untuk menyebarluaskan lagi ajaran *tarīqah* Ahmad iyyah, beliau kemudiannya diberi amanah yang lebih besar lagi, apabila Syaykh Ahmad al-Dandarāwi mengangkatnya menjadi *khalifah tarīqah* dan wakil al-Dandarāwi di Kepulauan Melayu.

Beliau adalah seorang guru *mursyid* yang telah sampai ke martabat ahli kesempurnaan. Perkara ini diberi persaksian oleh gurunya sehingga digelar sebagai *al-Ārif Billah wa Sahib al-Witayah al-Tammah* atau seorang yang *tarif* dengan Allah dan mempunyai wilayah yang sempurna.¹⁰⁸ Beliau sudah tergolong dalam wali yang mempunyai hemah yang tinggi, mempunyai *kasyaf* dan yang *tarif* dengan Allah.¹⁰⁹ Sebahagian para pengkaji mengatakan bahawa ajaran *tarīqah* yang diterima Syaykh Muhammad Sa‘id, mempunyai persamaan dengan ajaran oleh Syaykh ‘Abdul Samad bin Muhammad Sāleh atau Tuan Tabal di Kelantan. Penulis bersetuju dengan fakta ini. Tuan Tabal menerima *ijāzah tarīqah* ini dari Syaykh Ibrāhīm al-Rāsyidi iaitu murid kepada Sayyidi Ahmad bin Idrīs pendiri *tarīqah* Ahmad iyyah. Manakala Syaykh Muhammad

Sa‘īd menerima *ijāzah* ḥarīqah dari Syaykh Ahmad al-Dandarāwi, murid kepada Syaykh Ibrāhīm al-Rāsyidi.¹¹⁰ Selain dari Muhammad Sa‘īd terdapat beberapa orang murid al-Dandarāwi yang berkebolehan serta ditugaskan oleh beliau untuk menyebarkan ajaran ini termasuklah Syaykh Mahmūd Mūsā di Mekah, Sayyidi ‘Abdul Wāhid di Madinah, Sayyidi Taufiq dan Syaykh ‘Abdul Wahāb di Syria, Sayyidi ‘Abdul Rasūl di India, Syaykh Muhammad Hamīd di Sudan, Syaykh ‘Abdul Hamīd dan Syaykh ‘Abdul Latīf di Mesir dan Sayyidi Abu Hassan al-Az̄hārī.¹¹¹

Syaykh Muhammad Sa‘īd kemudiannya telah meninggalkan Mekah dengan arahan gurunya al- Dandarāwi supaya kembali terus ke Tanah Melayu. Beliau telah mentaati arahan gurunya tanpa berpatah balik ke kediaman dan terus kembali ke Tanah Melayu dengan menumpangi kapal laut yang kebetulan membawa jamaah haji kembali melalui Jeddah terus ke Singapura pada tahun 1900M. Setelah sampai ke Singapura beliau telah dibawa oleh kalangan saudara maranya ke daerah Rembau, Negeri Sembilan. Di sanalah beliau telah mendirikan rumahtangga. Kemudian, beliau berpindah ke Ampangan, Seremban serta telah mendirikan pusat gerakan dakwah ḥarīqah Ahmad iyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah di sana.

Bermula dari sinilah dakwah Islamiyyah telah diperkenalkan dan tersebar di seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Melayu bahkan menjangkaui negeri Singapura, Patani, Siam, Kemboja, Burma, Sumatera, Kepulauan Riau dan Brunei.¹¹² Pelbagai ujian dan juga cubaan yang terpaksa ditempuhinya dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah terhadap penduduk tempatan. Contohnya, semasa membawa ajaran ini di Kelantan, ada di kalangan pengikutnya yang mengalami *jadhbah* atau *majdhub*¹¹³ semasa berdhikir. Keadaan ini berlaku ke atas para muridnya yang beramat dengan *tariqah* ini sehingga menjadi satu isu dan pertikaian di kalangan masyarakat di Kelantan.

Masalah ini telah diberi perhatian yang khusus oleh baginda Sultan Kelantan ketika itu iaitu Sultan Muhammad ke IV (1870-1920M) sehingga beliau merujuk kepada gurunya Syaykh Ahmad al-Fatani di Mekah pada tahun 1905M.¹¹⁴ Di Kelantan, beliau telah menjalankan kegiatannya di Kampung Jalan Atas Banggol, Kota Baharu. Ajarannya ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai termasuklah pelbagai golongan remaja, belia, orang jahil, golongan ‘*alim* ‘ulamā’ seperti anak murid Tuan Tabal sendiri dan juga golongan kaya dan miskin.

Penerimaan penduduk tempatan adalah berbeza kerana sebahagian mereka telah terdedah dengan ajaran Tuan Tabal yang hampir sama dengan ajaran yang dibawa oleh Muhammad Sa‘id dan sebahagian lain adalah mereka yang tidak pernah mengalami pengalaman kerohanian, semata-mata mengharapkan keberkatan *Syaykh Mursyid*. Sebab itulah keadaan-keadaan yang dialami oleh mereka yang melalui pengalaman kerohanian

ini adalah berbeda-beda sehingga menyalahi pandangan mata syara' dan zahir serta menimbulkan pelbagai persoalan di kalangan masyarakat ketika itu.

Setelah menjalankan kegiatan dakwahnya selama hampir dua puluh enam tahun akhirnya pada tahun 1926M Syaykh Muhammad Sa‘īd al-Linggī ahli ṣufi yang menjadi *khālidah* ḥarīqah Ahmadīyyah di Nusantara ini meninggalkan dunia. Beliau meninggalkan tiga orang isteri dan enam belas orang anaknya sebagai penyambung tugas dan amanah Ilāhi. Selepas kewafatannya, anak-anaknya meneruskan dakwah dan ajaran ḥarīqah ini akhirnya bertapak kuat di alam Melayu terutama di Negeri Sembilan, seperti *al-kasyf wa al-Nafis*, syair tanpa tajuk dalam bahasa Arab yang mengkritik kaum *Wahābi* dan juga penulisan berhubung dengan selawat ke atas Nabi.¹¹⁵ Karya Syaykh Muhammad Sa‘īd yang dipercayai telah dihasilkan oleh beliau ialah :

1. *Risālah al-Fawāid*
2. *Kasyf al-Ghibā'* 'an Haqīqah al-Ribā'
3. *Sūlṭam al-Ta'rīfiḥa 'Ilm al-Tasyrīf*
4. *Risālah Futūh (fi al-'ilm saraf)*
6. *Al-Ahzāb al-'Irfāniyyah wa al-Awrād al-Nurāniyyah*¹¹⁶
7. *Al-Kasyf wa al-Tanfīs 'an Ashāb Sayyidi Ahmad bin Idrīs*
8. *147 Nazham dan Bait Syair Menyatakan Kesesatan Kaum Wahābi*
9. *Al-Kasyf wa al-Tanfīs 'An Sayyidi Ahmad bin Idrīs*

10. *Syarah Kunūz al-Jawāhir . Nūrānīyyah Li Qawāid*

al-Tarīqah al-Ahmadiyyah

11. *Kayfiyat Mengerjakan Tarāwih*¹¹⁷

12. *al-Sirr ilā al-Qiyām bi al-Jumaat*

13. *al-Wazāif li al-Ṣalikin fī Bidāyat al-Sulūk*

14. *Risalah Fath*

Secara umumnya dikatakan bahawa Syaykh Muhammad Sa‘id telah berjaya menyebarkan ajaran tarīqah Ahmadīyyah di Tanah Melayu serta di beberapa buah negeri yang lain sehingga melahirkan beribu-ribu anak murid dari pelusuk Nusantara. Ini bersesuaian dengan peranannya yang melakukan dakwah tersebut dengan cara mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Pada masa yang sama juga beliau telah berjaya mengasaskan satu konsep pendidikan dimana para pengamal tarīqah ini telah didedahkan kepada pengajian Islam secara tidak formal atau pengajian melalui kuliah, *ta‘līm* dan juga *tarbīyyah* kepada *ikhwān*. Dalam banyak hal keluarga besar Ahmadīyyah banyak terutang budi kepada Syaykh Ahmad yang telah banyak memberi sumbangan yang besar dalam bidang penulisan, pendidikan dan sebagaimana yang akan disentuh kelak.

Selepas kewafatan Syaykh Muhammad Sa‘id, keluarga *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan telah mengadakan *musyawarah* untuk melantik pengganti kepada syaykh tarīqah Ahmadīyyah yang baru. Akhirnya dengan petunjuk Allah, maka

mereka sepakat untuk memilih dan mengangkat Syaykh ‘Abdullah bin Syaykh Muhammad Sa‘id sebagai pemimpin *ikhwān* yang bertanggungjawab dalam segala aspek kegiatan *lahiriyyah* dan *rōhaniyyah* melibatkan seluruh pengamal *tarīqah* Ahmadīyyah di Alam Melayu ini.

2. Syaykh Hj ‘Abdullah bin Syaykh Muhammad Sa‘id:

Tokoh kedua yang disebutkan ini adalah anak kepada Syaykh Muhammad Sa‘id sendiri. Tidak banyak yang diketahui tentangnya kerana kurangnya penulisan berhubung dengan riwayatnya cuma diperolehi melalui penyampaian secara lisan oleh mereka yang dikatakan sezaman atau sempat bersama-sama beliau. Apatah lagi pada masa yang sama beliau dalam banyak hal telah seakan-akan memberi alamat kepada Syaykh Ahmad iaitu pembantu kanannya yang bakal mewarisi kepimpinan *ikhwān* *tarīqah* Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Bagaimana pun pengalaman beliau semasa memimpin *ikhwān* bermula selepas kewafatan Syaykh Muhammad Sa‘id pada tahun 1926M sehingga kewafatannya pada tahun 1956M.

Anak sulung kepada Syaykh Muhammad Sa‘id dengan isterinya bernama Zubaidah bte Haji Sa‘id. Lahir pada 1905M di Jalan Melayu, Kuala Lumpur. Pada masa kecilnya beliau tinggal di Bukit Tembok, Seremban dan bersekolah di Sekolah Melayu Temiang, Seremban. Beliau berada di bawah asuhan bapanya sendiri selama dua belas tahun serta menerima *ijazah* *tarīqah* Ahmadīyyah sebelum kewafatannya pada 1926M.

Beliau telah menuntut ilmu agama di Mekah bersama-sama dengan adiknya Syaykh Ahmad pada tahun 1927-1934M.¹¹⁸ Sekembalinya dari Mekah beliau mengajar agama di beberapa tempat di Negeri Sembilan dan Selangor secara meluas. Disamping itu, terdapat juga para murid-murid yang tinggal bersama-sama untuk belajar secara tetap. Jumlahnya sentiasa bertambah sehingga menjangkau hampir tujuh puluh orang.¹¹⁹ Penulis beranggapan bahawa pelajar yang tinggal bersama-sama beliau tersebut adalah mereka yang tinggal di pondok-pondok kecil sekitar Gedung Lalang atau berhampiran Surau Ampangan tempat terasasnya pengajian Syaykh Muhammad Sa'īd dahulu.

Sebagai *khālidah* ḥarīqah yang baru, beliau mengekalkan kegiatan ḥarīqah ini di Gedung Lalang, Ampangan tempat ayahnya Syaykh Muhammad Sa'īd dahulu. Di sanalah dijalankan kewajipan biasa yang dilakukan iaitu majlis *zikir*, *rātib* dan *ḥaul*. Majlis *dhikir* dan juga *rātib* ini dilakukan oleh *ikhwān* ḥarīqah secara beramai-ramai di surau atau masjid atau secara persendirian di rumah. Manakala majlis *ḥaul* ini biasanya diadakan untuk memperingati kewafatan dan perjuangan tokoh-tokoh Ahmadīyyah dan dengan keberkatan mereka ini akan membantu perjalanan para *ikhwān* Ahmadīyyah.¹²⁰

Syaykh ‘Abdullāh mengembangkan kegiatan dakwah Islāmiyyah dan ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah di merata tempat di Negeri Sembilan. Antara rakan seperjuangannya dan sahabat karibnya iaitu Tuan Haji Muhammad Jempul iaitu guru kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.¹²¹ Beliau dikurniakan tauliah mengajar agama dan tauliah perakuan sebagai Syaykh ḥarīqah yang memimpin perjalanan ḥarīqah Ahmad

iyyah di Negeri Sembilan oleh Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, juga sebagai YDP Agong Malaysia yang pertama ketika itu.

Pada masa tertentu beliau menyerahkan beberapa urusan perjalanan ḥarīqah Ahmad iyyah kepada adiknya sendiri Syaykh Ahmad. Kedua-duanya telah berusaha keras menyebarkan dakwah Islam, saling bantu-membantu dan berusaha mengembangkan ḥarīqah ini. Majlis *dhikir* dan *ḥaul* di Ampangan ditugaskan kepada Syaykh Ahmad dan beliau hadir sama jika tiada keuzuran.¹²² Walaupun kedua-dua tokoh ini tinggal berlainan tempat, ini tidak menghalang silaturrahīm dan keakraban mereka dalam ḥarīqah ini.

Para *ikhwān* seolah-olah telah diisyaratkan bahawa Syaykh Ahmad adalah pengganti selepas ketiadaan beliau, malahan kata-katanya juga diterima pakai oleh muridnya dan murid Syaykh Ahmad sendiri dan begitulah sebaliknya. Dalam majlis-majlis ḥarīqah, mereka akan sentiasa berkumpul bersama-sama dan tradisi ini berkekalan sehingga kewafatan Syaykh ‘AbdulFah pada tahun 1956M. Kewafatan beliau ketika berusia lima puluh satu tahun dirasakan sebagai satu kehilangan besar kepada seorang tokoh ‘ulamā’ di Negeri Sembilan dan seorang syaykh ḥarīqah yang memimpin perjalanan *ikhwān* Ahmad iyyah khususnya.

3. Syaykh Ahmad bin Syaykh Muhammad Sa‘id al-Dandarawi

Beliau lebih dikenali sebagai Syaykh Ahmad al-Dandarawi iaitu anak kepada Syaykh Muhammad Sa‘id lahir pada tahun 1914M di Ampangan, Seremban. Beliau bersekolah di Sekolah Melayu Ampangan. Beliau telah mendapat didikan dalam ilmu al-Quran dari neneknya Hajah Sofiyyah, seorang *qāriyah* yang mahir membaca al-Quran sejak berumur enam tahun lagi. Kebolehannya memahami makna dan tafsiran al-Quran membuktikan bahawa bakal muncul seorang ‘ulamā’ pewaris bapanya.

Di bawah asuhan Syaykh Muhammad Sa‘id, keilmuannya semakin terserlah. Beliau kerap kali diminta membantu mengajar bahasa Arab pada waktu petang untuk *ikhwān* dan para pelajar yang belajar selepas Asar. Kecerdikannya yang luarbiasa membantunya menguasai beberapa ilmu selain dari ilmu agama seperti matematik. Dalam satu ujian khas untuk guru-guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), beliau memperolehi markah tertinggi sedangkan beliau ketika itu adalah penuntut darjah tiga.¹²³ Pada tahun 1927-1934 beliau menuntut di *Madrasah al-Salāfiyyah*, Mekah dan beberapa pusat pengajian Islam yang lainnya.¹²⁴ Disinilah beliau bertemu dengan beberapa orang ‘ulamā’ serta berguru dengan mereka.

Antaranya ialah Syaykh ‘Abdul Sattār al-Qutūbi al-Hindi al-Muhaddith, Syaykh ‘Umar Bajunid dalam ilmu Fiqh, Syaykh ‘Abd. Qādir al-Qutubi dalam ilmu *Tauhīd* dan ilmu bahasa Arab dari Syaykh ‘Ali Husseīn al-Mālikī. Sepanjang pengajiannya, beliau

memperolehi ilmu agama yang luas sehingga menjadi kesayangan gurunya. Beliau juga dikunjungi oleh para penuntut yang lain untuk menimba ilmu darinya. Kerapkali beliau menjadi tumpuan dan sebagai tempat rujukan para pelajar sehingga beliau mendapat jolokan *al-Mursyid* kerana keilmuan dan ke'ālimannya.¹²⁵ Beliau telah kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1934M.

Sebagai pembantu kanan kepada Syaykh 'Abdullāh, beliau mempunyai banyak inisiatif untuk menyebar luaskan lagi dakwah Islamiyyah melalui ajaran *tarīqah Ahmad* iyyah. *Ta'līm* di masjid-masjid, surau dan juga pengajaran dakwah tasawwuf dan *tarīqah* yang dijalankan telah membuka mata masyarakat sekeliling betapa perlunya penghayatan serta amalan *tarīqah* dalam kehidupan seharian. Sambutan masyarakat Islam amat menggalakkan apabila terdirinya Madrasah as-Sa'īdīyyah di Rasah pada tahun 1935M oleh Syaykh Ahmad.

Madrasah ini mulai menjadi antara pusat pengajian terpenting di Negeri Sembilan pada permulaan abad ke-20 selain dari beberapa buah pondok dan madrasah seperti Madrasah al-'Aliyyah Islāmiyyah, di Kuala Pilah.¹²⁶ Antara tujuan utama terdirinya madrasah ini adalah untuk menyampaikan secara lebih berkesan lagi ajaran *tarīqah Ahmadīyyah* melalui *ta'līm*, *tarbīyyah* dan *tarqīyyah* kepada seluruh *ikhwān*. Selain dari itu ianya adalah sebagai tapak yang paling kuat untuk menyemarakkan lagi gerakan dakwah *tarīqah Ahmadīyyah* ini. Para pelajarnya tinggal di pondok-pondok yang dibina sendiri seperti kebiasaan sekolah pondok yang lain.

Dengan terdirinya madrasah ini, maka sebahagian besar *ikhwān* telah berjaya dididik dan diberikan ilmu pengetahuan seperti ilmu syāriat, *tauhīd* dan taṣawwuf. Untuk menjadi *sālik* yang sempurna perjalannya kepada Allah, mereka perlu mengetahui ketiga-tiga ilmu ini. Madrasah ini memberi kesan yang amat penting kepada perkembangan pendidikan Islam di Negeri Sembilan.

Sesuai dengan konsepnya yang membawa risalah Islam yang suci sebagaimana yang tersebut dalam makalah yang ditulis oleh Syaykh Ahmad :

Dan tujuan didirikan ini madrasah ialah semata-mata bagi menghemburkan setengah daripada pengajaran yang bergantung dengan agama oleh mereka yang mengejar padanya, dan menunjuk akan manusia pada jalan Allāh Ta‘āla setengah daripada barang yang mengandung ia akan makna menyuruh akan mereka itu kepada yang ma‘ruf dan mencegah akan mereka itu daripada mengerjakan yang mungkar...¹²⁷

Ketokohan Syaykh Ahmad sememangnya terserlah melalui tugasnya memimpin majlis-majlis *dhikir*, *rātib* dan *haul*. Tugas ini diserahkan kepada beliau oleh Syaykh ‘Abdullāh sebagai *khālifah tarīqah Ahmadīyyah* ketika itu. Ini bertepatan dengan pandangan beberapa pihak, alamat yang ditunjukkan oleh Syaykh ‘Abdullāh itu bahawa Syaykh Ahmad bakal penggantinya. Tujuan beliau berbuat demikian juga adalah untuk menunjukkan pemimpin dan *ikhwān tarīqah Ahmadīyyah* hendaklah mempunyai hubungan yang baik. Hormati sesama mereka dan menjaga adab-adab sebagai seorang *salik*. Contoh inilah yang berjaya menarik sebahagian besar masyarakat Islam menerima ajaran *tarīqah Ahmadīyyah* dari pelbagai lapisan dan kakitangan kerajaan sehingga kini.

Hubungan Syaykh Ahmad dengan muridnya dapat dilihat dalam masa asuhannya kepada para pelajarnya di Pondok Rasah. Sebagai seorang pemimpin kanan *tarīqah* Ahmadīyyah, akhlak dan ketaatan kepada guru adalah aspek yang paling ditekankan. Mereka diasuh dengan pelajaran dan *tarbīyyah* akhlak yang baik. Beliau tegas terhadap disiplin ilmu. Mereka yang malas belajar akan diberikan kata dua, larangan merokok, memakai seluar pendek, keluar ke bandar tanpa tujuan, makan merata-rata di kedai bukan Islam dan lain-lain perkara lagi adalah antara disiplin madrasah tersebut. Pelajar juga akan digerakkan *tahajjud* sebulan penuh Ramadhan, membaca al-Qurān, berdhikir sehingga terbit fajar. Pelajar juga akan diuji akan hafalan-hafalan mereka termasuklah ayat al-Qurān, *matan* hadith dan mata pelajaran lainnya. Begitulah di antara sebahagian kecil peraturan di Madrasah al-Sa‘īdīyyah di Rasah, Seremban.¹²⁸

Ketokohan Syaykh Ahmad semakin terserlah apabila beliau telah ditawarkan jawatan sebagai Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 1950M. Sebagai seorang sufi dan tidak mahu keduniaan menjadi penghalangnya *tagarrub* kepada Allah, amat berat bagi Syaykh Ahmad menerima jawatan tersebut sehingga beliau telah bermunajat dan dengan *nātījah* dari Allah, beliau menerima tawaran tersebut. Penerimaan jawatan Mufti tersebut sekaligus, menjadikan beliau sebagai pemimpin *tarīqah* dan memegang jawatan tertinggi agama di Negeri Sembilan.

Disinilah kelebihan beliau sebagai tokoh Ahmadīyyah dan juga pemimpin dalam masyarakat Islam di Negeri Sembilan. Sekaligus mengukuhkan kedudukan gerakan *tarīqah*

iqah Ahmad iyyah. Menjelang kemerdekaan pada 1957M, beliau telah mewakili kerajaan Negeri Sembilan dalam program-program rasmi agama peringkat Persekutuan.¹²⁹ Atas jasanya yang besar dalam menjalankan tugas inilah, beliau dianugerahkan sebagai Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Kerajaan Persekutuan dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh kerajaan negeri.¹³⁰

Pada tahun 1956M, Syaykh ‘Abdullah telah meninggal dunia dan sebagai pemimpin terkanan, Syaykh Ahmad telah memimpin ḥarīqah Ahmad iyyah sebagai syaykh yang baru. Sememangnya kepimpinan beliau ini wajar sekali kerana selain dari kedudukannya yang terkanan dalam *ikhwān* ḥarīqah Ahmad iyyah dan sejumlah besar muridnya, beliau juga adalah seorang ‘ulamā’ yang paling disegani oleh masyarakat dan rakyat ketika itu.

Kemasyhurannya sebagai seorang Mufti dan penghidupan sufinya serta sumbangannya menjadikan beliau tokoh yang disegani oleh masyarakat Negeri Sembilan. Bagaimanapun telah berlaku sedikit perselisihan yang datangnya daripada beberapa murid kanan Syaykh ‘Abdullah sendiri berhubung dengan kekhālifahannya seperti Tuan Haji Hassan bin ‘Abdullah dan beberapa orang yang lain. Bagaimanapun perkara ini telah diselesaikan oleh beliau dengan bijaksananya dengan menghantar beberapa surat dan perbincangan serta nasihat-nasihat yang berharga. Akhirnya mereka ini berdamai atas dasar persaudaraan serta menjauhkan fitnah terhadap perjalanan ḥarīqah Ahmad iyyah ini.

Masalah menentukan syaykh ḥarīqah dalam sesuatu organisasi ḥarīqah seringkali terjadi perselisihan. Petunjuk-petunjuk dari syaykh ḥarīqah yang terdahulu tidak hanya dinilai melalui *zāhiriyah*, malahan dalam banyak hal ianya petunjuk tersebut datangnya melalui hubungan kerohanian. *Sirah Rasulullah s.a.w.* sendiri menunjukkan bahawa jalan *musyāwarah* adalah yang terbaik dalam menentukan siapakah yang layak untuk memimpin melalui *nātijah* serta petunjuk *Ilāhiyyah*.

Lazimnya, syaykh ḥarīqah memberi alamat kepada bakal pemimpin selepasnya dengan pelbagai cara yang tidak dapat dinilai dengan pandangan mata kasar, penuh dengan rahsia dari limpahan ilham kerohanian. Syaykh adakalanya melantik murid kanannya, sebagai penggantinya. Memberi sesuatu berupa tasbih, serban,¹³¹ jubah sebagai satu alamat atau lain-lain isyarat kepada penggantinya. Perkara ini boleh dirujuk kepada peristiwa pengangkatan *khālifah* Sayyidina ‘Abū Bakar dan Sayyidina Umar.

Inilah yang dikatakan sebagai ketaatan dan adab murid kepada guru dan sesama mereka serta kepada pemimpin-pemimpin terkanan syaykh sebagaimana tercatat dalam banyak penulisan-penulisan taṣawwuf. Perlantikan syaykh ḥarīqah adalah berdasarkan tradisi warisan dalam perjalanan ḥarīqah. Adakalanya syaykh berwasiat menentukan beberapa calun yang bakal menggantikannya serta cara-cara penentuan memilih dan melantik bakal syaykh. Begitu juga adakalanya syaykh tidak membuat apa-apa wasiat dan penentuan syaykh adalah melalui *musyāwarah*. Biasanya *khālifah* paling kanan dan berwibawa pada pandangan mereka semasa hayat syaykh lazimnya akan dilantik.¹³²

Sifatnya sebagai seorang pemimpin Islam dan masyarakat sememangnya melalui pelbagai cabaran dan dugaan. Masalah penyelewengan ‘*aqidah*, keruntuhan moral dan pelbagai lagi masalah, memerlukan jalan penyelesaian yang adil dan saksama. Antara masalah yang dihadapi sebaik sahaja semasa memegang jawatan tersebut ialah beliau telah berhadapan dengan golongan yang terpengaruh dengan idea-idea ajaran pembaharuan iaitu gerakan kaum muda.¹³³ Polemik ini masih berpanjangan sehingga berlarutan ke hari ini.

Pandangan-pandangan beliau dalam politik, sosial dan ekonomi dalam masyarakat di Negeri Sembilan adalah jelas berlandaskan kepada prinsip-prinsip agama terutama dalam menghadapi masalah Adat Perpatih, perbezaan ideologi parti politik UMNO dan PAS serta lain-lain hal lagi. Di dalam mengendalikan tanggungjawab beliau sebagai seorang Mufti dan juga pemimpin ḥarīqah Ahmadīyyah, beliau amat berhati-hati dan cermat supaya segala-galanya berjalan dengan baik dan beliau tidak menggunakan kedudukannya itu untuk kepentingan tertentu.

Contohnya beliau melarang para pengikutnya menggunakan masjid sebagai tempat *halaqah dhikir* ḥarīqah Ahmadīyyah melainkan masjid tersebut adalah sebahagian besar jamaahnya terdiri dari *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah dan juga mendapat persetujuan jamaah qariah tersebut atau tradisi masjid tersebut sejak temurun demikian. Beliau juga melarang digantung *dhikir tahlil al-ḥarīqah* Ahmadīyyah di masjid iaitu :¹³⁴

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ
عَدْ مَا وَسَعَهُ عِلْمُ اللَّهِ

Kehidupan beliau dipenuhi dengan khidmat kepada masyarakat setempat dan diantara jasanya yang paling berharga ditinggalkan ialah penulisan serta karya-karyanya terutama dalam bidang taṣawwuf. Ketokohnya dalam bahasa Arab mempengaruhi tulisannya dalam bidang taṣawwuf, *syariāh*, *nahu*, *saraf*, *akhlāk*, *tauhīd*, *syair*, *falak* dan lain-lain. Sepanjang hayatnya lebih dua puluh karya-karya beliau yang berhasil. Diantara karya beliau yang terpenting ialah :

1. *Al-Fara'id al-Marwiyyah Li al-Tariqah al-Ahmadiyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah*
2. *Awrād al-Tariqah al-Ahmadiyyah dan Kelebihannya dan Tukhfah al-Ikhwan Fi Ma Yakhtassu Bi al-Lailah al-Nisfu Min al-Sya'bān*
3. *Al-Fuyūd-at al-Ahmad-iyyah fi Fadl Takhrīj ba'da K'alimat al-Husun al-Māni'at al-Nabāwiyyah*
4. *Al-Qawl al-Waf-i bi mā Thabata fi al-Dhikr al-Jāli wa al-Khāfi*
5. *Raf' al-Hidr al-Amr al-Awlā' wa Sayyidun-ā al-Khadir*
6. *Ith-qf zawi Raghbat bī bayān Qarāmat al-'Awliyā' fi al-Hayāh wa ba'da al-Mamāt*
7. *Kanz al-Mu'id fi Man-āqib al-'Arif Bill-āh al-Syaykh Muhammad Sa'id*
8. *Tukhfah al-Awtān wa al-Ikhwān fi Dhikr ba'da al-Adhkar wa al-Awrād wa al-Ad'iyyat al-Lati Tata'allaqu bī al-Awqāt wa al-Azmañ*¹³⁵
9. *Safin-ah al-Salāmah min Ahwāl al-Dunyā wa al-Barzakh wa al-Qiyāmah*
10. *Nur al-Ibtihāj 'al-a Risālah al-Isrā' wa al-Mi'rāj*

11. *Al-Minhah al-Aḥādiyyah Fi Ḥadl al-Tathabbuth bi al-Tariqah Ahmadiyyah*
12. *al-Qawl al-Sāit fi ḥukm al-Qadha wa al-Ishtighal*
13. *Kitab al-Majmūk*
14. *al-Manhat al-Gharra'*
15. *Al-Bath 'an Dhikr*
16. *al-Ta'alliq*
17. *al-Ifādah*¹³⁶

Di samping penulisan taṣawwuf, beliau juga telah mengarang beratus-ratus bait *syair* yang disulam pada karangan-karangan beliau. Selain dari itu kepakarannya dalam bahasa Arab telah dikesan sejak kecil lagi di mana di sini penulis menukilkan sebahagian *syair* beliau berhubung dengan kematian salah seorang ‘ulamā ketika itu.¹³⁷

*Sesungguhnya telah hilanglah fikiran dalam peringatan
Ketika didengar kehilangan tiga orang pahlawan handalan
Mulanya yang dikasih Tuhan ayahanda kami yang bersih ditempa
Dan bapa saudara kami Abbās kemudiannya Mustafa
Berpindahlah mereka ke dalam rahmat yang bercucuran
Bertempat mereka di dalam Syurga yang berkekalan*

Di akhir hayatnya, beliau sempat meninggalkan beberapa wasiat yang amat berguna untuk perhatian dan tindakan keluarganya serta para pengikutnya. Pada tahun 1964M/1345H dengan kehendak Allah s.w.t, beliau telah meninggal dunia setelah diserang sakit secara tiba-tiba. Jenazahnya disemadikan di perkuburan Islam, Seremban. Kedudukannya sebagai *khalifah* dan syaykh kepada tarīqah Ahmadiyyah Negeri Sembilan mencapai taraf syaykh *mursyid* yang mempunyai martabat wali. Di samping

kesibukannya, beliau juga tidak melupakan soal rumahtangganya dan meninggalkan empat orang isteri dan seramai tiga puluh tujuh orang anak.

Dikatakan lebih 25,000 orang menghantar jenazahnya. Kewafatan beliau meninggalkan kesan mendalam kepada umat Islam di Negeri Sembilan khususnya kepada *ikhwān* ḥarīqah Ahmadīyyah. Semoga beliau berada di saf para anbiā', sahabat dan arwāh para awliā' Allah di jannah. Selepas kematiannya pimpinan ḥarīqah Ahmadīyyah berpindah kepada Syaykh ‘Abdul Rāshid bin Muhammad Sa‘id, adiknya.

Walaupun pusat kegiatan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan, beliau tetap tinggal di Singapura.¹³⁸ Keadaan ini tidak menjelaskan perjalanan ḥarīqah Ahmadīyyah. Beliau mewakilkan kegiatan dan aktiviti *ikhwān* Ahmadīyyah kepada saudara-saudaranya yang juga *ikhwān* kanan ḥarīqah ini seperti Syaykh Muhammad Nor bin Muhammad Sa‘id. Maka Syaykh Muhammad Nor seolah-olah sebagai pemimpin ḥarīqah di Negeri Sembilan ketika itu. Ini kerana beliau memimpin banyak majlis *haul* dan *dhikir* di beberapa masjid dan juga di Pondok Rasah iaitu pusat utama kegiatan ḥarīqah ini.

Apabila Syaykh Muhamamad Nōr meninggal dunia pada 1981M kepimpinan diwakilkan oleh syaykh ḥarīqah kepada Syaykh ‘Abd Rāshid bin Syaykh Muhammad Sa‘id. Selepas kewafatan Syaykh ‘Abdul Rāshid maka Syaykh Muhammad Hamīd menjadi syaykh dan *khālīfah* ḥarīqah Ahmadīyyah. Syaykh Muhammad Hamīd juga sering kali mewakilkan kepada anak saudaranya Syaykh Faiz bin Syaykh Ahmad dalam menjalankan

kegiatan ḥarīqah Ahmad iyyah. Beliaulah yang memimpin majlis *dhikir* dan *hāul* sejak beberapa tahun kebelakangan, dengan keuzuran Syaykh Muhammad Hamīd.¹³⁹

Demikianlah secara ringkas gambaran beberapa tokoh Ahmad iyyah yang terkenal serta sumbangan mereka terhadap dakwah Islamiyyah di Negeri Sembilan. Nyata sekali sumbangan mereka memberi kesinambungan kepada gerakan Islam sejak temurun. Kewibawaan mereka telah memastikan bahawa Islam adalah cara hidup. Satu manhaj yang perlu didokong oleh manusia dalam perjalanan menuju ke negeri yang baqa'.

Pengaruh Kepimpinan Tokoh-Tokoh Ahmad iyyah

Walaupun aliran ḥarīqah Ahmad iyyah ini hanya muncul sekitar awal kurun ke 19, namun begitu ianya mempunyai pengikut yang begitu ramai di seluruh dunia. Mengikut Hamdan Hassan aliran ini mempunyai pengikut yang begitu ramai sehingga menjangkau empat juta orang di seluruh dunia.¹⁴⁰ Dalam masa yang singkat, ia berjaya menarik minat umat Islam untuk beramal dengan ajaran-ajaran taṣawwuf yang terkandung di dalamnya.

Aliran ini bersifat terbuka tanpa mempunyai peraturan-peraturan yang khusus untuk umat Islam menyertainya. Ini menjadikan ianya mudah untuk didekati. Apa yang ingin dijelaskan oleh penulis di sini ialah tentang amalan-amalan *dhikir* dan *awrād* yang diamalkan oleh pengikut ḥarīqah ini adalah juga boleh diamalkan oleh mereka yang bukan mengambil *bai'ah* atau *ijāzah* amalan ḥarīqah ini. Syaykh Ahmad menerangkan :

“ tidak ada syarat-syarat tertentu yang agak berat untuk dilaksanakan untuk menjadi ahli tarīqah ini, seperti berkhalwat atau berpuasa, atau mengetahui fardhu ain dan aqaid al-Iman, memadailah dengan Islam dan beriman sahaja. Orang yang beramal dengan tarīqah Ahmad iyyah ini terselamat dari gangguan syaitan ketika berada di dalam sakratul maut,”¹⁴¹

Kenyataan ini sebenarnya adalah hasil penegasan dari Sayyidi Ahmad bin Idris sendiri dalam *manāqibnya* berbunyi :

النسبة في الأخوان ما يعرفون مقدارا طريقتنا
إلا إذا أغمضت عين الواحد بالموت فيري ما اعد
الله له من أجل هذه الطريقة

*Para ikhwān tidak mengetahui ketinggian darjat tarīqah ini melainkan apabila ia mati, ketika itu ia akan melihat apa yang Allah telah sediakan untuknya, kerana keanggotaannya pada tarīqah ini.*¹⁴²

Jika dibandingkan dengan beberapa ajaran tarīqah sufīyyah lain, *awrād* dan amalan *dhikir* mereka tidak dinyatakan kepada umum. Orang yang tidak berbai'ah atau mengambil *ijāzah* amalan *awrād* dan *dhikir*, tidak akan mengetahui kaedah atau kayfiatnya. Ini untuk mengelakkan mereka dari mempermainkan atau mengejek-ejek cara beramal dan kayfiat amalan yang diajarkan oleh guru-guru tarīqah.

Selain itu, kaedah ini adalah untuk mengelakkan orang ramai dari menyalah tafsirkan amalan dalam ilmu tarīqah. Amalan ini bukanlah sesuatu yang rahsia atau cuba disembunyikan. Tetapi ianya ada kaedah tersendiri dan pelbagai adab serta rahsia yang berdasarkan disiplin ilmu taṣawwuf. Orang yang tidak mengikuti disiplin ini tidak akan

ditunjukkan oleh Allah rahsianya dan kemanisan beramal dengannya. Sebagaimana halnya peristiwa Nabi Allah Mūsā a.s. ingin menuntut ilmu dengan Nabi Khiḍir a.s. Allah menerangkan dalam al-Qurān :

فوجدا عبدا من عبادنا أتى نه رحمة من عندنا
وعلمنه من لدنا علما ، قال له موسى هل اتبعك
على ان تعلمني مما علمت رشدًا ، قال انك لن
 تستطيع معى صبرا ، وكيف تصبر على مالم تحظ به
 خبرا ، فالستجدى ان شاء الله صابرا ولا اعصى
 لك امرا ، قال فان اتبعتنى فلا تسئلى عن شيء
 حتى أحدث لك منه ذكر

Maka didapati keduanya duanya seorang dari hamba-hamba kami, yang telah kami berikan kurnia dari sisi Kami, dan telah kami ajarkan pengetahuan yang ada pada kami kepadanya. Musa berkata: "Bolehkah aku mengikuti kamu dengan tujuan supaya engkau mengajarkan kepadaku kebenaran yang telah diajarkan kepada engkau." Dia menjawab: "Sesungguhnya engkau tidak akan sanggup bersabar bersamaku. Dan bagaimana engkau akan bersabar terhadap sesuatu, yang engkau tidak mempunyai pengetahuan cukup dalam hal itu. Musa berkata: "Insya Allah engkau akan mendapatkan aku seorang yang sabar dan aku tidak akan membantah perintah engkau. Dia menjawab: "Kalau engkau mengikuti aku, janganlah ditanyakan kepadaku sesuatu pun, sampai aku sendiri menerangkannya kepada engkau".¹⁴³

Beberapa syarat dan *adabiyyah* yang ditetapkan oleh Nabi Khiḍir sebagai kunci rahsia perjalanannya adalah menjadi contoh dalam disiplin ilmu taṣawwuf. Ini bukan bermaksud Nabi Khiḍir menyembunyikan ilmu yang dikurniakan oleh Allah kepadanya. Begitu jugalah dalam perjalanan ilmu taṣawwuf dan ḥarīqah ini. Bukanlah sesuatu yang disembunyikan oleh para *syaykh* ḥarīqah sebagaimana yang didakwa oleh sebahagian masyarakat. Ibarat kata pepatah "*emas permata tidak dijual dikaki lima jalan*".

‘Alim ‘Ulamā’ Yang Beramal Dengan Amalan Ahmadīyyah

Adapun ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah ini adalah terbuka kepada mana-mana orang yang ingin beramal dengan amalan-amalan yang diajarkan oleh guru-guru ḥarīqah Ahmadīyyah.¹⁴⁴ Kerana menurut mereka ini, walaupun orang ramai atau orang awam tidak mengamalkan secara khusus *dhikir* atau *awrād* yang terkandung dalam ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah, mereka juga boleh beramal dengan amalan-amalan umum yang disusun oleh guru-guru ḥarīqah. Adapun tujuan para *masyaykh* ḥarīqah ini menyusun amalan-amalan untuk orang awam adalah untuk memberi *tarbiyyah* dan didikan ilmu taṣawwuf secara tidak langsung.

Daripada tidak beramal langsung dengan ajaran Islam yang didapati dari guru-guru yang khusus, sekurang-kurangnya mereka ini boleh beramal dengan ilmu yang mempunyai sandaran dari jalan yang kukuh. Ia juga sebagai satu *wasīlah* bagi orang-orang awam untuk memahami ilmu taṣawwuf khususnya.

Penulis sudahpun membincangkan beberapa kepentingan untuk mencari guru yang *mursyīd* sebelum ini menurut pandangan ilmu taṣawwuf. Kesan dari ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah ini, tampilnya beberapa orang tokoh ‘ulamā’ di Asia Tenggara khasnya di Malaysia. Antara mereka yang terkenal mengamalkan ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah ini ialah ;

- Syaykh ‘Abdul Samad bin Muhammad Soleh yang terkenal dengan gelaran Tuan Tabal (1840-1891M).¹⁴⁵ Beliau mengambil *ijazah tarīqah* Ahmad iyyah ini dari Sayyidi Ibrāhīm al-Rāsyidi. Tuan Tabal juga adalah diantara orang yang pertama membawa ajaran *tarīqah* Ahmad iyyah yang berpusat di Jalan Tok Semian Kota Bharu, Kelantan.
- Tok Shāfiē atau nama sebenarnya Mohd Shāfiē bin Muhammad Sālleh bin ‘Abd Rahmān (w.1950M) adalah seorang guru sufi yang lahir dan terkenal di kota Mekah yang menjadi tumpuan penuntut Melayu yang belajar di sana. Beliau mengambil *ijazah tarīqah* Ahmad iyyah dari Sayyidi Ibrāhīm Rāsyidi dan sezaman dengan Syaykh Muhammad Sa‘id dan Tuan Tabal.¹⁴⁶
- Syaykh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fatāni (w.1908M) iaitu seorang ‘ulamā’ masyhur di Mekah dan mengarang beberapa kitab terkenal antaranya *Mirāt al- Ajib fī Jawābi Suwal al-Majāzib* iaitu surat jawapan kepada persoalan Sultan Kelantan berhubung dengan ajaran *tarīqah* Ahmad iyyah yang dibawa oleh Syaykh Muhammad Sa‘id Jamāluddin al-Linggi di Kelantan. Beliau mengambil *ijazah tarīqah* Ahmad iyyah dari Sayyidi Ibrāhīm al-Rāsyidi.¹⁴⁷
- Syaykh Muhammad Sa‘id Jamāluddin al-Linggi (w.1926) yang terkenal dengan gelaran *Sāhib al-Wilayah al-Tammah*. Beliau adalah murid kepada Sayyidi Ahmad al-Dandarawi yang mendapat perakuan sebagai *Khalifahnya* yang menyebarkan ajaran *tarīqah* Ahmad iyyah di sebelah Asia Tenggara. Penyebaran aliran *tarīqah* ini meliputi negeri Tanah Melayu, Singapura, Kepulauan Riau Indonesia, Siam, Kemboja, Ranggoon dan Vietnam.¹⁴⁸ Beliau juga adalah murid kepada Hj Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zain al-Fathani.
- Syaykh Wan Mūsā bin Haji ‘Abd Samad (1874-1939M) beliau adalah Mufti Kerajaan Negeri Kelantan yang ketiga. Beliau adalah antara ‘ulamā’ yang bertanggungjawab mengembangkan *tarīqah* ini. Beliau mengambil *bai’ah* dari bapanya Tuan Tabal dan Syaykh Muhamad Sa‘id Jamāluddin al-Linggi.
- Syaykh Ahmad bin Muhamad Sa‘id (w.1964M). Beliau adalah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang pertama juga seorang Syaykh *tarīqah* Ahmad iyyah selepas abangnya Syaykh ‘Abdullāh bin Muhammad Sa‘id meninggal dunia. Seorang ‘ulamā’ yang gigih mengarang kitab-kitab tasawwuf dan pernah dipilih sebagai tokoh ‘ulamā’ Semenanjung Tanah Melayu oleh Fakulti Pengajian Islam, UKM di mana bibliografi lengkapnya telah disusun oleh Jawatankuasa Memperingati ‘ulamā’ Silam UKM.
- Tuan Haji Nik Mahyuddin bin Haji Mūsā (w. 1981M) pengetua Kolej Islam dan bekas Yang DiPertua Persatuan ‘Ulamā’ Malaysia (PUM).
- Syaykh ‘Abd. Rāsyid bin Muhammad Sa‘id seorang hafaz al-Quran dan seorang ‘ulamā’ yang juga hafal beribu-ribu hadith Rasulullah s.a.w.dan ‘alim dalam pelbagai madhab feqah. Terkenal dengan kegiatannya mengembangkan aliran *tarīqah* Ahmad iyyah dan seringkali ke Mesir, negara Timur Tengah yang lain, Itali dan Brunei dalam mengembangkan dakwah *tarīqah* Ahmad iyyah.¹⁴⁹
- Syaykh Dāud Omar al-Libadi (w.1976M) salah seorang ‘ulamā’ dan pemimpin

Syaykh ḥarīqah Ahmad iyyah di Bukit Abal, Kelantan. Beliau telah mengambil *ijāzah* ḥarīqah Ahmad iyyah dari Tok Shāfiē ataupun Syaykh Muhammad Shāfiē bin Mohd Saleh bin Abd Rahman. Beliau juga telah mengambil *ijāzah* dan dītalqīnkan juga ajaran ḥarīqah Ahmad iyyah oleh Sayyidi Abu Hassan al-Azhārī (w.1939M) ketika belajar di Mekah.¹⁵⁰

10. Sayyidi ‘Abū Hassan al-Azhārī (w.1939M) adalah seorang ‘ulamā’ dari Mekah yang juga dikatakan salah seorang *khālifah* yang dilantik oleh Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi untuk mengembangkan ajaran ḥarīqah Ahmad iyyah ini.¹⁵¹ Sayyidi Azhārī telah datang di Kelantan pada tahun 1914 dan mengajar di Surau Haji Wan Mūsā bin ‘Abdul Samad. Pada tahun 1920, beliau mula mengadakan pengajarannya bertempat di Kampung Laut, Kota Bharu.
11. Tuan Guru Haji Wan Adam bin Haji Wan ‘Ali adalah salah seorang tokoh ḥarīqah Ahmad iyyah yang berasal dari Kampung Laut, Kelantan. Beliau telah menuntut di Mesir dan kemudiannya ke Mekah. Seorang yang gigih dalam usaha menyebarkan pendidikan Islam dan juga perjuangan ekonomi dan politik orang Melayu sekitar tahun 1950-an. Beliau juga adalah antara murid kepada Tuan Haji Wan Mūsā bin ‘Abd Samad.¹⁵²
12. Tuan Guru Haji ‘Abd Rahmān Sulung dari Manek Urai, Ulu Kelantan, Kelantan.
13. Tuan Haji Ahmad Mahēr bin Haji Ismail (w. 1968M), bekas Mufti Negeri Kelantan. Bapanya Haji Ismail Haji Abd Hamid adalah seorang ‘ulamā’ yang terkenal dengan gelaran Tok Kemuning.¹⁵³
14. Tuan Guru Haji ‘Abdul Wahid Othmān atau dikenali juga dengan Tuan Guru Haji Wahid Sungai Udang, Melaka. Beliau mengambil *ijāzah* ḥarīqah Ahmad iyyah ini dari Haji Wan Mūsā bin Abd Samad semasa belajar selama sembilan tahun di Kelantan. Sekembalinya dari sana beliau telah mendirikan sekolah pondok di Kampung Paya Rumput, Sungai Udang, Melaka.¹⁵⁴
15. Tuan Haji Hassan, bekas Mufti Kerajaan Negeri Melaka.¹⁵⁵
16. Tuan Haji Yusof, bekas Mufti Kerajaan Negeri Perak.¹⁵⁶
17. Tuan Haji Abdullah Sijang, bekas Qadhi daerah Port Dickson, yang juga sekarang sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Beliau mengambil *ijāzah* ḥarīqah Ahmad iyyah ini daripada Tok Shafie di Mekah.¹⁵⁷
18. Lebai Aris bin Ahmad iaitu salah seorang murid yang mengambil *ijāzah* daripada Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa‘id. Beliau ini telah membawa ajaran ḥarīqah Ahmad iyyah ke Siak, Sumatera kira-kira pada tahun 1935M. Sambutan yang diberikan oleh masyarakat Siak amatlah menggalakkan sehingga Residen Siak ketika itu Residen Kasim bin Hashim juga turut mengambil dan beramal dengan ajaran ḥarīqah Ahmad iyyah yang dibawa oleh beliau.¹⁵⁸
19. Syaykh Murtadza bin Ahmad adalah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan sekarang. Beliau telah mengambil *ijāzah* ḥarīqah Ahmad iyyah dari Syaykh Soleh al-Ja’afari dengan beberapa orang lagi penuntut Malaysia semasa belajar di al-Azhar, Mesir.¹⁵⁹

20. Prof Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, bekas pensyarah Universiti Islam Antarabangsa yang juga bersama-sama dengan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan seramai lima belas orang yang lain yang telah mengambil *bai'ah* dan *ijazah tarīqah* Ahmadīyyah dari *Syaykh Soleh al-Ja'afari*. Beliau telah mengarang pelbagai buku yang menerangkan akan perjalanan *tarīqah* Ahmadīyyah juga berkaitan tentang bidang tasawwuf. Beliau kini menjawat jawatan sebagai Penasihat Agama kepada kerajaan Negeri Brunei Darussalam.¹⁶⁰
21. Syaykh Mohd. Faiz bin Hj Ahmad, adik kepada Syaykh Murtadza bin Hj Ahmad yang kini berkhidmat sepenuh masa dengan memimpin majlis-majlis *dhikir*, *hāul tarīqah* Ahmadīyyah dan memberi *ta'līm* untuk kalangan *ikhwan* di Negeri Sembilan. Beliau menghabiskan masa yang lama menuntut di Mesir dan telah tinggal disana begitu lama. Beliau juga mengambil *ijazah tarīqah* Ahmadīyyah semasa menuntut di al-Azhar, Mesir daripada *Syaykh Soleh al-Ja'afari*.
22. Syaykh Mahmud bin Hj Ahmad iaitu salah seorang ahli keluarga besar Syaykh Ahmad Muhammad Sa'īd. Beliau pernah menjawat jawatan pensyarah di Fakult Pengajian Islam UKM. Beliau juga gigih melakukan bidang penulisan terutama memberi ulasan kepada karya-karya bapanya serta datuknya.

Terdapat juga individu yang secara langsung memberi sumbangan terhadap perjalanan *tarīqah* Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Antaranya Tuan Haji Muhammad Hussein iaitu Pengarah Jabatan Agama Islam di Negeri Sembilan sekarang. Bekas-bekas Mufti terdahulu seperti Allayarham Tuan Haji Hassan Sail, bekas-bekas Qadhi daerah Tampin, Kuala Pilah, Port Dickson, beberapa orang pegawai-pegawai di Jabatan agama Islam, kakitangan Kerajaan Negeri, Dato Undang Sungai Ujung, dan lain-lain lagi.

Salasilah Tarīqah Ahmadīyyah Di Malaysia

Syaykh Mursyid dalam *tarīqah* Ahmadīyyah adalah mereka yang memimpin perjalanan *tarīqah* ini dan memberi *ta'līm*, *tarbiyyah* dan *tarqiyah* kepada semua peringkat muridnya. *Syaykh* juga adalah mereka yang telah mendapat izin dari guru yang memberi asuhan dalam perjalanan *tarīqah* dan ini dikenali sebagai *silsilah* (B.M).

salasilah). Salasilah adalah sesuatu yang sangat penting dalam ilmu ḥarīqah. Ia merupakan hujjah yang dapat membuktikan kebenaran sesuatu ḥarīqah. Ianya juga adalah untuk mendapatkan aliran keberkatan dari Rasulullah s.a.w. menerusi ahli salasilah tersebut sehingga sampai kepada mana-mana Syaykh yang mendapat perakuan memimpin dan mendidik murid. Sayyidi Ahmad Idrīs mensifatkan bahawa Syaykh itu adalah *wāsitah* kepada seseorang *salik* dengan tuhannya, kerana jikalau tiada (Syaykh) *murabbi* maka tidak kenal kepada tuhannya dan jikalau tiada *wāsitah* maka binasalah (*salik*).¹⁶¹

Berhubung dengan salasilah ḥarīqah Ahmadīyyah al-Rasyidiyyah al-Dandarawiyah sebagai mana yang disebutkan dalam kitab *Al-Ahzāb Al-Nurāniyyah Wa al-Awraq al-Nurāniyyah* seperti berikut :

و اذ اعرفت هذا اعلم الى قد اخذت الطريق عن
كثير من المشائخ و اخرهم سيدى واستاذى و مربى
روحى الشيخ ابو القاسم الوزير الفازى كان
من كمل الواصليين المحققين فصاحبته و لازمته
ومما حتى فتح الله على باب الطريق على يده و
صرت متمكنا جاما فارقا ثم توفي الى رحمة الله
تعالى بعد جعلنى خليفة ما ذونا فى كل ما يؤذن
به وكان رحمه الله تعالى قد اخذ الطريق عن
الشيخ على بن عبد الله وهو عن الشيخ احمد بن
يونس وهو عن الشيخ احمد بن زروق وهو عن
الشيخ احمد بن عقبة الحضرمى وهو عن الشيخ
يحيى القادرى وهو عن الشيخ على بن محمد وفا
و هو عن والده محمد وفا وهو عن داود الباخلى
و هو عن احمد بن عطاء الله السكندري وهو عن
ابى العباس المرسى وهو عن ابى الحسن الشاذلى
و هو عن سيدى عبد السلام بن مشيش وهو عن
الشيخ عبد الرحمن المدنى وهو عن تقي الدين

الفقير وهو عن فخر الدين وهو عن نور الدين
وهو عن تاج الدين وهو عن شمش الدين وهو عن
زين الدين وهو عن ابراهيم البصري وهو عن
المرداني وهو عن سعيد وهو عن فتح السعدي
وهو عن سعيد وهو عن جابر وهو عن السبط سيدى
الحسن رضى الله عنه عن والده سيد على بن
ابى طالب رضى الله عنه وكرم الله وجهه وهو عن سيد
الخلق سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم

*Maka ketahuilah oleh kamu bahawa aku mengambil ini ḥarīqah
daripada penghulu dan guruku dan murabbi ruhku As-Syaykh Abū
Qassīm al-Wazīrī al-Fāzī, maka bersahabat aku akan dia dan senantiasa
aku bersamanya sehingga satu masa dibukakan Allah atasku pintu ḥarīqah
atas tangannya dan jadiku mentamkin yang jami lagi faraq
kemudian wafatlah beliau selepas menjadikan aku khalifahnya yang
diizinkan pada tiap-tiap barang yang diizinkan akan dia. Dan adalah
sesungguhnya rahimahullāh Ta'ala mengambil ia akan ḥarīqah ini
daripada Syaykh 'Alī bin 'Abdullāh dan ia daripada Syaykh Ahmad bin
Yūnus dan ia daripada Syaykh Ahmad Zarr'uq dan ia daripada Syaykh
Ahmad bin 'Uqbah al-Hadrāmī dgn ia daripada Syaykh Yahya al-Q
adiri dan ia daripada Syaykh 'Ali bin Muhammad Wafa' dan ia
daripada bapanya Syaykh Muhammad Wafa' dan ia daripada Syaykh
Daud al-Bakhili dan ia daripada Ahmad bin Ata-iLlah al-Sakandari
dan ia daripada Abi Abas al-Marsi dan ia daripada Abi Hassan al-
Shādhili dan ia daripada Sayyidi 'Abd Sallam bin Musyisyi dan ia
daripada Syaykh 'Abd Rahmān al-Madanī dan ia daripada Taqi al-Dīn
al-Fuqairi dan ia daripada Fakhr al-Dīn dan ia daripada Nur al-Dīn
dan ia daripada Taj al-Dīn dan ia daripada Syams al-Dīn dan ia
daripada Zain al-Dīn dan ia daripada Ibrāhīm al-Basri dan ia daripada
al-Mardāni dan ia daripada Sa'id dan ia daripada Fath al-Sā'ud dan
ia daripada Sa'id dan ia daripada Jabir dan ia daripada al-Sub'i
Sayyidi Hassan r.a. dan daripada bapanya Sayyidina 'Alī bin Abī Talib
k.w.j dan ia daripada penghulu sekalian makhluk Sayyidina
Muhammad s.a.w.¹⁶²*

Adapun salasilah ḥarīqah Ahmadīyyah Al-Rāsyidiyyah Al-Dandarawīyyah bagi
ikhwān di Negeri Sembilan yang berasal dari Syaykh Muhammad Sa'id Jamāluddin al-
Linggi adalah seperti berikut :

Tuan Haji Ahmad mendapat izin dan sebagai pengganti pemimpin tarīqah daripada gurunya Syaykh ‘Abdullāh,¹⁶³ Syaykh ‘Abdullāh mendapat izin dan ijāzah daripada Syaykh Haji Muhammad Sa‘id, Syaykh Haji Muhammad Sa‘id mendapat izin dan ijāzah dari gurunya Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi, Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi mendapat izin dan ijāzah dari Sayyidi Ibrāhīm al-Rāsyidi, Sayyidi Ibrāhīm al-Rāsyidi mendapat izin dan ijāzah dari Sayyidi Ahmad bin Idrīs dan begitulah seterusnya salasilah ini sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Salasilah lengkap ḫarīqah Ahmadīyyah Al-Rāsyidiyyah Al-Dandarawiyah bagi *ikhwān* di Negeri Sembilan sekarang adalah seperti dalam lampiran A. Dengan merujuk kepada Lampiran A, salasilah yang ketiga puluh sembilan, adalah merupakan syaykh yang baru sahaja dilantik memimpin *ikhwān* ḫarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan sekarang ini. Selain dari keluarga Syaykh Muhammad Sa‘id terdapat satu lagi salasilah melalui jalan *ikhwān* ḫarīqah Ahmadīyyah di Bukit Abal, Kelantan. Susunan salasilah *ikhwān* ḫarīqah Ahmadīyyah di Bukit Abal adalah seperti yang terdapat dalam lampiran B.

Merujuk kepada kedua-dua salasilah ini (Lampiran A dan B), jelas kepada kita salasilah *ikhwān* ḫarīqah Ahmadīyyah Negeri Sembilan dan Bukit Abal, Kelantan bertemu pada Sayyidi Muhammad bin Ahmad al-Dandarāwi. Manakala wakil atau *Khalifah* yang dilantik untuk membawa ajaran-ajaran aliran ḫarīqah Ahmadīyyah yang dilantik oleh Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi di sebelah Asia Tenggara ialah Syaykh Muhammad Sa‘id bin Jamāluddīn al-Linggī. Sebab itu ia berbeza apabila Sayyidi Al-Azhārī termasuk dalam salasilah *ikhwān* ḫarīqah Bukit Abal dengan *ikhwān* ḫarīqah Ahmadīyyah Negeri Sembilan yang mengambil jalan melalui Syaykh Muhammad Sa‘id.

Beberapa pendapat menyatakan Sayyidi Azhārī juga adalah *Khalifah* atau wakil Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi yang ditugaskan untuk menyebarkan *tarīqah* Ahmadīyyah. Bagaimanapun terlebih awal dari itu Tuan Tabal adalah antara ‘ulamā’ yang terawal membawa ajaran-ajaran *tarīqah* Ahmadīyyah di Kelantan. Tuan Tabal mengambil *ijāzah* dari Sayyidi Ibrāhīm al-Rāsyidi ketika menuntut di Mekah. Apabila beliau kembali ke Kelantan sekitar tahun 1860-an,¹⁶⁴ dan menyebarkan ajaran *tarīqah* hanya dikenali sebagai *Tarīqah al-Rāsyidiyyah*.

Apabila Syaykh Muhammad Sa‘īd datang ke Kelantan, ajaran yang dibawanya menjadi persoalan hangat di negeri Kelantan. Sebahagian murid-muridnya memperolehi pengalaman kerohanian iaitu perasaan *dhawq* dan *jadhbah*. Perkara ini menjadi perselisihan di kalangan ‘ulamā’ tentang kebenarannya. Sehingga menyebabkan pemimpin negeri Kelantan meminta fatwa dari ‘ulamā’ Mekah.

Persoalan *dhawq* dan *jadhbah* ini adalah antara persoalan biasa dalam ilmu tasawwuf. Berkemungkinan seseorang *sālik* akan mengalami *dhawq* dan *jadhbah* dengan keberkatan *Syaykh* atau guru *mursyīd* yang memimpin sesuatu majlis *dhikir* atau *tawajjuh*. Perasaan ini hanya dialami oleh mereka yang beramal dengan amalan *dhikir* yang *ditalqīnkan* oleh guru atau *Syaykh mursyīd*. Perkara ini ditegaskan oleh *Syaykh* Muhamad Zain al-Fathani dalam salah satu bait *nadzam* menjawab persoalan Sultan Kelantan berhubung dengan Syaykh Muhammad Sa‘īd :

*Segala wirid sangat baik sangat elok
Sangat betul tidak sekali akan belok
Setengah guru yang tersalah ia helak
Kepada megah dengan kasyaf yang tersamin
Mendakwa-dakwa dengan membukakan rahsia
Oleh jantan dan betina muda belia
Satu karamah tak nampak ada ia
Kasyaf dengan tidak ada barahin¹⁶⁵*

Haji Wan Muhammad Saghīr ‘Abdullah ketika mensyarahkan *nadzam syair* sufi Syaykh Ahmad al-Fathānī ini, menyatakan empat baris pertama syair ini menjelaskan kedudukan Syaykh Muhamamad Sa‘īd yang benar perjalannya. Mendapat asuhan atau *tarbiyyah* beliau sendiri semasa di Mekah. Namun begitu ada juga di kalangan orang ramai yang menyalah-nyalahkan beliau, disebabkan kurangnya pengetahuan tentang ilmu taṣawwuf. Mereka hanya memperolehinya dari pembacaan dan pemahaman sendiri sahaja, tanpa belajar dari guru yang *mursyid*. Akhirnya mereka gagal mengenal *haqiqat* dan *ma'rifat* golongan sufi yang sebenarnya.

Empat baris terakhir menerangkan tentang keadaan murid-murid Syaykh Muhamad Sa‘īd. Di antara muridnya ada yang dikurnia oleh Allah akan sedikit sahaja rahsia keilmuan. Tetapi mendakwa memperolehi *kasyaf*. Pada hal *kasyaf* itu bukanlah sesuatu *natiyah* yang boleh ditafsirkan sendiri bagi seseorang *sālik*, melainkan oleh gurunya sahaja. Adapun dakwaan mereka itu sebenarnya adalah pembohongan semata-mata untuk meraikan dorongan nafsu mereka supaya dipandang tinggi oleh masyarakat. Itulah yang disebut oleh Syaykh Ahmad al-Fathānī “*kasyaf dengan tidak ada barahin*.”

¹⁶⁶

Syaykh Muhammad Sa‘id sebelum kembali ke Negeri Sembilan telah melantik penggantinya di Kelantan iaitu Haji ‘Abdul Rahmān bin Haji Awang ‘Alim. Beliau adalah anak kepada Haji Awang sendiri. Antara tugasnya ialah memimpin majlis *halaqah dhikir* yang diadakan pada setiap malam Jumaat selepas solat Maghrib. Apabila beliau meninggal dunia, Haji Dāud bin Haji Awang, saudaranya, menggantikannya. Kemudiannya, Haji Wan Ja’afar bin Haji Wan Dāud memimpin *ikhwān ḥarīqah* Ahmadiyyah yang berpusat di Jalan Atas Banggol, Kota Baharu Kelantan, sehingga kematianya pada tahun 1946M. Haji Sha’ari Hussein sekarang memimpin perjalanan *ikhwān ḥarīqah* Ahmadiyyah di Jalan Atas Banggol.¹⁶⁷ Beliau juga adalah murid kepada Tuan Guru Syaykh Dāud, Bukit Abal.¹⁶⁸ Selain dari penyambung kembali tugas Syaykh Muhammad Sa‘id, beliau juga adalah antara pemimpin ḥarīqah Ahmadiyyah di Malaysia yang mempunyai hubungan dengan *Usrah al-Dandarāwiyyah* di Mesir.

Selain daripada dua kumpulan ḥarīqah Ahmadiyyah yang telah diterangkan tadi, terdapat satu lagi salasilah kumpulan ḥarīqah Ahmadiyyah iaitu ḥarīqah Ahmadiyyah Ja‘afariyyah yang dipimpin oleh Hj Muhammad Fuād bin Hj Kamāluddīn. Kita akan dapati bahawa bahawa kumpulan ḥarīqah Ahmadiyyah Ja‘afariyyah ini adalah *furu'* Ahmadiyyah yang lain. Seperti juga Dandarawiyah, adalah *furu'* daripada Rashidiyyah manakala Ja‘afariyyah adalah daripada *furu'* Sanūsiyyah.¹⁶⁹ Salasilah kumpulan ḥarīqah Ahmadiyyah al-Ja‘afariyyah di Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Hj Muhammad Fuād bin Hj Kamāluddīn. Adalah seperti dalam lampiran C.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, kemunculan ḥarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan telah membawa kepada beberapa pembaharuan dari segi sosial dan nilai-nilai kehidupan masyarakat Islam di Negeri Sembilan. Antara pembaharuan tersebut ialah pertamanya dari segi dakwah dan penyebaran agama Islam yang tersusun di bawah pendekatan sistem pengajian taṣawwuf. Apa yang dimaksudkan dengan sistem pengajian taṣawwuf ialah pendidikan yang berdasarkan kepada konsep *ta'lim*, *tarbiyyah* dan *tarqiyyah*. Iaitu pendidikan yang menekankan aspek-aspek luaran dan kerohanian secara langsung.

Keduanya ialah, munculnya tokoh-tokoh agama yang berwibawa sekaligus berperanan sebagai ‘ulamā’ yang beramal dengan segala ilmu-ilmu Islam melalui metodologi taṣawwuf. Kemunculan mereka juga telah memberi kesan kepada kemunculan golongan ulama fiqh dan *tauhiḍ*, hasil dari kemajuan pengajian Islam ketika itu. Sebagai bukti beberapa madrasah-madrasah yang diasaskan oleh guru-guru yang ‘alim dalam bidang *fiqh* dan *tauhiḍ*.

Ketiganya ialah ajaran-ajaran ḥarīqah Ahmadīyyah yang berteraskan ajaran Islam yang sebenar disampaikan melalui metod yang boleh menarik minat masyarakat Islam untuk mengamalkan ajaran Islam. Sehingga beberapa metodologi ini menjadi amalan asasi bukan sahaja di kalangan para pengamalnya, malahan juga masyarakat Islam

umumnya di Negeri Sembilan. Amalan-amalan umum ini termasuklah dalam perkara ibadat dan *muāmalat* sehari-hari. Selain itu, kemunculan satu kumpulan yang melakukan amalan *dhikir* dan wirid-wirid secara berterusan dan *istiqāmah*. Ini mencontohi apa yang telah dilakukan oleh umat Islam yang terdahulu seperti golongan *ahl al-Suffah*. Amalan ini diperolehi melalui tunjuk ajar guru yang *mursyīd* atau ‘*ulamā’ bi-Llāh* mempunyai *sanad* atau salasilah yang *mu’tabar*. Sikap dan juga tertib kehidupan mereka yang teratur serta mudah didampingi inilah yang menjadi faktor perubahan nilai-nilai sosial dalam kehidupan masyarakat Islam ketika itu.

Selain dari itu, wujudnya masyarakat Islam yang sentiasa berperanan mengembangkan dakwah Islam khususnya penyebaran ilmu-ilmu Islam seperti *taṣawwuf* atau *ṭarīqah*. Kesannya, muncullah golongan-golongan berpendidikan agama samada dari Timur Tengah atau dalam negeri yang mempunyai aliran faham mendokong aliran *ṭarīqah -ṭarīqah šufiyyah*.

Akhir sekali, peranan guru-guru *ṭarīqah* atau *syaykh mursyīd* yang mempunyai pengaruh besar dalam kehidupan masyarakat Islam. Mereka ini dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat umum. Pendekatan guru-guru *ṭarīqah* ini dalam dakwahnya berjaya membentuk masyarakat memahami aspek-aspek persaudaraan dan silaturrahīm dalam Islam. Kebanyakkan *syaykh ḍarīqah* menjadi tumpuan masyarakat, samada untuk menyelesaikan masalah kehidupan sehari-hari *lahiriyyah* dan *baṭiniyyah* mereka atau mendapatkan pandangan serta nasihat.

¹ Prof. A. Hasjmy, *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Indonesia*, Pt. al-Ma'arif, Indonesia, 1981, hal. 23

² Beberapa sumber penulisan Melayu seperti Kitab *Idharul Haq fi Mamlakatil Peurela*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Sejarah Melayu* serta penulisan yang berhubung dengan kedatangan Islam di Nusantara.

³ Ibn Batutah, *Rehlah Ibn Batutah al-Musmatu Tuhsah al-Nazhar fi Gharaib al-Amsar wa al-'Ajaib al-Asfar*, Kaherah, Misr, 1966, hal.409 - 411.

⁴ Menurut *Adat Atjeh* yang ditraskipsikan oleh Teungku Anzib Lamnyong pada tahun 1971 mengatakan bahawa pada hijrah Nabi Muhammad iaitu pada tahun 601 H, kerajaan Aceh di Islamkan oleh seseorang yang bernama Sultan Jauha Syah yang datang dari negeri atas angin. Ini bermakna bahawa Aceh di Islamkan pada tahun 601 H bersamaan pada tahun 1204/5 M

⁵ S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Malaysian Sociological Institute Ltd., Singapore, 1963, hal. 38

⁶ Mahyuddin Hj. Yahya, *Sejarah Islam*, Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, 1994, hal.594.

⁷ Diasaskan oleh Awijoyo/Awijaya terkenal dengan Ki Jaka Tingkir, Menantu Sultan Demak terakhir iaitu Sultan Terenggono, apabila berlakunya perebutan kuasa antara Susuhunan Prawata (putera sulung Sultan Terenggono) dan Aria Parangsang (anak saudaranya) pada 1549M.

⁸ Beliau berketurunan Arab Selatan yang berkahwin dengan anak perempuan Raja Sipad, pemerintah Sulu ketika itu. Ia bukanlah bukti bahawa pemerintahan Sulu ketika itu menerima Islam sepenuhnya.

⁹ Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hal.78.

¹⁰ *Ibid*, hal.84.

¹¹ *Op. cit*, hal.639

¹² Antara yang masyhur seperti tersebut dalam *Sulalatus Salatin* ialah Maulana Abu Bakar, Maulana Yusuf dan Kadi Munawir

¹³ Kitab ini dikenali juga dengan *Duri'l-Mazlum*. Lihat A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983, hal. 146.

¹⁴ Kitab ini dikarang oleh gurunya Maulana Abu Ishak al-Shirazi yang berasal dari Mekah yang membicarakan tentang ilmu *tauhid* dan *taṣawwuf*

¹⁵ *Op. cit*, hal. 147.

¹⁶ Sultan 'Allaudin adalah gelaran kepada Raja Ali iaitu anak Sultan Mahmud Syah dengan Tun Fa'imah

¹⁷ *Dayah /Zawiyah* iaitu satu tempat markas, pusat kegiatan, atau tempat khusus bagi ahli sufi (tarīqah - tarīqah ṣufiyyah) berkhalwat untuk berdhikir kepada Allah. Dayah di Aceh juga bermaksud pusat pengajian agama tinggi atau seperti pengajian pondok di Malaysia atau pasantren di Jawa yang diajar ilmu *taṣawwuf*, *mantiq*, *mdani*, *bayān*, *badi'*, *usūluddīn* dan *fiqh*.

¹⁸ Mahyuddin Yahya, *op. cit*, hal.606

¹⁹ Kerajaan Perlak diasaskan oleh Dinasti Syeid/Sayyid pada 225H

²⁰ Baginda juga dikenali sebagai Teungku Cut Kala seorang 'ulamā' besar yang terkenal sebelum menjadi sultan yang mendirikan Dayah Cot Kola/Cut Kala di Bayuen, Aceh. Lihat Prof. Madya Dr. Wan Hussein Wan Azmi, "Islam di Aceh Dan Berkembangnya Hingga Abad XVI", Kertas Kerja dalam Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara, 25-30 Sept. 1980 di Aceh Timur.

²¹ A.Hashimy, *loc. cit*, hal.156-157

-
- ²² Surah Ali' Imrān, ayat 190-191
- ²³ Wan Hussein 'Azmi, Prof Madya, *Islam Di Aceh Masuk Dan Berkembangnya Hingga Abad XVI*, dalam *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, PT Al-Maarif, 1981, hal. 196
- ²⁴ A.H. Johns, *Islam In South East Asia: Reflections And New Directions : Islam In Southeast Asia : Problems of Perspective: Essays Presented to D.G.E.Hall*, Ithaca, NY, Cornell University Press, 1976,hal. 302-303
- ²⁵ Azyumardi Azra, *Islam Di Asia Tenggara: Pengantar Pemikiran, dalam Perspektif Islam di Asia Tenggara*, edit; Azyumardi Azra, Yayasan Obor Indonesia, Jakarta, 1989, hal xiv.
- ²⁶ Dr.Burhanuddin al-Helmi, *Simposium Tasawwuf Dan Tariqah*, Maktabah Haji Abdullah bin Muhammad Nordin al-Rawi, Pulau Pinang, 1966. hal. 38
- ²⁷ Antara istilah yang terkenal bagi golongan yang menghayati perjalanan hidup Rasulullah ialah *al-Quran*, *al-Bakka'in*, *al-Nussak*, *Al-Ubbad*, *Al-Zuhhad* dan akhirnya dengan gelaran *al-Sufi*
- ²⁸ Abu Bakar Aceh, *Sejarah Filsafat Islam*, Percetakan Ramadhani, Sala, 1982, hal. 146
- ²⁹ Jahid Hj.Sidek, *Syaykh Di Dalam Ilmu Tariqah*, Disertasi Ijazah Doktor Falsafah (Phd), Jabatan Pengajian Islam , Universiti Malaya, 1994, ms 80-83.
- ³⁰ Abd.Halim Hadi, *Tahzib 'Atraf al-Hadith fi Syarah Ma Fi Mukhtar al-Hadith*, Dar al-Maa'rif, Qaherah, t.t. hal. 143
- ³¹ Pelbagai *ta'rif* yang diberikan oleh para ulama' berhubung dengan istilah sufi ini. Lihat Sulaiman Hj. Yāssīn *Mengenal Ilmu Tasawwuf*, Bangi, UKM,1980, lihat al-Baydawī, *Tārīkh al-Tasawwuf al-Islāmī*,cet.ke-2, Wakalah al-Matbaah, Kuwait, 1978, Lihat al-Bairūzabādī, *Qāmūs al-Muhit*, 4 Jil., Muassasah al-Halaby, al-Qahirah, t.t.Lihat Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, al-Matbaah al-Bahyyah, Misr, t.t.
- ³² *Ibid*, hal. 146., lihat Mohd. Sulaiman Hj. Yāssīn, *Pengantar Falsafah Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hal.200
- ³³ Hamdan Hassan, *Kesan Pemikiran Ahli-Ahli Ṣufi Dalam Penulisan Hasil Sastera Melayu Di Nusantara*, dalam Aruddin Ahmad (penyelenggara), *Sastera Ṣufi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal. 55
- ³⁴ Auni Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Politik Dan Pemerintahan Alam Melayu*,Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1991, hal 75.
- ³⁵ Abd. Rahmān Hj. 'Abdullāh, *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara : Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hal. 77
- ³⁶ Mereka ini dikatakan tokoh-tokoh pewaris Sunnah yang mementingkan adab dan akhlak. Lihat Nawāwī Ismāīl, *Tasawwuf Sunni : Satu Tinjauan Mengenai Konsep, Perkembangan Dan Tokohnya*, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 1981/82.
- ³⁷ Nama beliau ialah Muhammad bin Ahmad Muhyiddin al-Khatamī (560-638H). Disamping aliran pendapatnya itu beliau juga mempunyai tarīqah nya tersendiri iaitu -tarīqah al-Akbāriyyah mengambil sempena gelaran yang diberikan kepada beliau sebagai *Syaykh al-Akhbar*. Lihat, Sulaiman Yassin , *op. cit.* hal. 207.
- ³⁸ Seyyed Hussein Naṣr, *Living Sufism*, Unwin Paperbacks, London, 1980, hal. 82
- ³⁹ Lihat Seyyed Hossein Naṣr, *Islamic Art And Spirituality*, Golgonooza Press, Ipswich, 1987 , terj. *Spiritualitas Dan Seni Islam*, Penerbitan Mizan,Bandung, 1993, hal.20-21.

⁴⁰ Tarikh lahir dan wafatnya tidak dapat diketahui dengan jelas. Bagaimana pun, menurut kajian Syed Naguib al-'Attas, Hamzah Fansūri hidup di zaman sebelum dan semasa pemerintahan Sultan 'Allāuddīn Riāyat Shah (1588-1604). Ada pendapat yang mengatakan bahawa beliau berpegang dengan *madhab* Shāfi'i dalam bidang *fiqh*, dalam bidang taṣawwuf beliau adalah pengamal ḥarīqah Qādiriyah yang dibangsakan dengan Syaykh 'Abd Qādir al-Jilāni. Menurut riwayat yang lain ada mengatakan bahawa beliau juga sempat berdakwah di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan mengajarkan ajarannya di negeri Perak, Perlis, Kelantan, Terengganu dan lain-lainnya. Lihat Hawash 'Abdullah, *Perkembangan Ilmu Taṣawwuf Dan Tokoh-Tokohnya di Nusantara*, Penerbitan al-Ikhlas, Surabaya, 1980. hal. 35-40.

⁴¹ Kemunculan penyair-penyair mistik Islam telah bermula sejak abad ke-12 seiringan dengan kegiatan ajaran mistik Islam di Parsi seperti tokoh penyair Abu Sa'id bin Abi Khair, Abū Ya'akūb Yūsuf al-Hamadāni dan Abū Hassan al-Kaharaqāni. Mereka ini dipercayai membawa fahaman guru mereka seperti Abū Yazid Bistāmi, Junaid al-Baghdādi, Abū 'Alī al-Farmādhī dan lainnya. Perkembangan ini berlarutan pada abad ke-13 dengan kemunculan Farīd al-Dīn Attar, Jalāluddīn al-Rūmī, Omar Khayyām dan sebagainya. Lihat Seyyed Hossein Nasr, *op. cit.* Lihat J.S. Trimingham, *The Sufi Orders In Islam*, Oxford University Press, London, 1973 dan Lihat John Doorenbos, *De Geschriften van Hamzah Pansoeri*, 1933.

⁴² Mahyuddin Hj. Yahyā, *op. cit.* hal. 585-593.

⁴³ *Ibid*, hal. 560.

⁴⁴ Tokoh 'ulamā'-'ulamā' sufi seringkali disebut dalam penulisan Melayu klasik seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Patani* dan lain-lain lagi.

⁴⁵ Abd. Rahmān Hj. 'Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini : Sejarah Dan Aliran*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal. 200.

⁴⁶ HAMKA, *Acheh Serambi Mekah*, Kertas Kerja dalam Seminar *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara*, 25-30 September 1980, di Aceh Timur.

⁴⁷ Semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636) beliau menjadi Mufti Besar Kerajaan Islam Aceh. Antara karya-karyanya yang terkenal ialah *Turjumānul Mustafīid*, *Miraāt Thullāb*, *Kisāyatul Muhtājin*, *Bayān Tajallī*, *Syair Ma'rīfat* dan lain lain lagi.

⁴⁸ Martin Van Bruinessen, *Tariqah Naqyabandiyah di Indonesia*, dalam Hamid Algar, Penerbitan Mizan, Bandung , Indonesia, 1992, lihat H.A. Fuad Sa'id, *Hakikat Tarikat Naqsyabandiyah*, Badan Bookstore Sdn. Bhd. Johor, 1994

⁴⁹ Antaranya ialah Wan Ahmad bin Muhammad Zain Muṣṭafa al-Patāni, Wan 'Alī Kutan al-Kelantani, Ahmad Khātib Sambas, 'Abd. Karīm Dāghestāni, Zainal 'Abidīn Muhammad al-Patāni, Zainuddīn al-Sumbawi, Syaykh Mohd. Arsyād al-Banjāri, lihat Hamdan Hassan, *Tarekat Ahmadīyyah di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hal.231

⁵⁰ Wali Songo adalah para 'ulamā' sufi yang bertanggungjawab menyebarkan Islam di Jawa. Mereka ialah Maulana Mālik Ibrāhīm (Maulana Maghribi/Jumādil Kubra), Sunan Ampel (Raden Rahmat), Sunan Bonang (Maulānā Makhdūm Ibrāhīm), Sunan Giri (Raden Paku), Sunan Derajat (Syarifuddīn), Sunan Kalijaga (Muhammad Sa'id), Sunan Kudus (Syaykh Ja'afar Sādiq), Sunan Muria (Raden Umar Syeid) dan Sunan Gunung Jati (Fatahillāh).

⁵¹ Raden Fattāh (1478-1518M) dikenali sebagai Pangeran Jinbun, putera kepada Raja Majapahit Brawijaya V(1468-1478). Beliau adalah murid kepada Sunan Ampel dan mendirikan pasantren di wilayah Bintoro Demak. Antara kejayaannya, memajukan Demak sebagai pusat pengajian Islam dan kota perdagangan. Tumbangnya Majapahit pada 1478M, para Sunan mengistiharkan beliau sebagai Sultan Demak dengan gelaran Sultan Seri Alam Akhbar al-Fattah. Lihat Mahyuddin, *loc.cit.*, hal. 594.

⁵² Di dalam *Sulalatus Salatin* disebut *Dar'l Mazlum*. Ia dikarang oleh Maulana Abu Ishak dari Mekah

⁵³ Abu Hassan Sham, *Ikatan Aceh-Tanah Melayu*, Kertas Kerja dalam *Seminar Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara*, 1980, hal.375. Lihat Mahyuddin Hj Yahya, *Sejarah Islam*, Penerbitan Fajar Bakti, Kuala Lumpur 1994, hal. 640. Lihat juga Mahmud Saedon Awang Osman, *Intisari Aliran Pemikiran Tokoh-Tokoh Taṣawwuf*, BAHEIS, Kuala Lumpur, 1992, hal.51.

⁵⁴ A. Samad Ahmad, edit., *Sulalatus Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983, hal. 147

⁵⁵ Baginda ialah Phya Nu Nakpa putera kepada Phya Tu Krub Mahajana yang memerintah di satu tempat bernama Kota Mahligai. Phya Nu Nakpa di Islamkan oleh Syaykh Sa'id setelah berjaya menyembuhkan penyakitnya dan memakai gelaran Sultan Ismail Shah seperti dalam *Hikayat Patani*. Beliau juga dikenali dengan *Raja Merkah Dada*, sehubungan dengan penyakitnya yang menyebabkan dadanya pecah-pecah. Dalam *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Raja Antira iaitu putera Phya Nu Nakpalah yang memeluk Islam dari Syaykh Ismail dan memakai gelaran Sultan Muhammad Shah.

⁵⁶ Ahmad Fathy al-Fathani, *Pengantar Sejarah Patani*, Pustaka Darussalam, Alor Setar, 1994, hal. 14.

⁵⁷ Beliau juga dikenali sebagai *Syaykh Awwal al-Islam*, adik kepada Maulana Malek Ibrahim bin Karim al-Makhdum. Lihat Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hal.89. Juga lihat makalah Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi dalam *Seminar Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*, op. cit., hal.210., lihat Cesar Adib Majul, *Al-Islam fi al-Sharq al-Aqs Wusuluhu wa Intisharuhi wa Waqiuhi*, Dar al-'Arabiah, Lubnan, 1966M, hal. 121.

⁵⁸ Balambangan adalah salah satu daerah di Kepulauan Filipina. Ketika inilah gerakan pengislaman secara beramai-ramai bermula.

⁵⁹ Ahmad Fathy al-Fathani, op. cit., hal.96

⁶⁰ Syaykh Ismail adalah orang pertama memperkenalkan ajaran tariqah Naqsyabandiyah semasa pemerintahan Yang di Pertuan Muda Raja Ali. Lihat Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Singapura , 1965, hal. 350

⁶¹ Beliau adalah Raja Ali Haji b. Ahmad (1809-1870M) sepupu serta penasihat kepada Raja Ali iaitu Yang Dipertuan Muda Riau ke-8 (1845-1857M). Terkenal dengan gelaran Engku Haji Tua, cucu kepada Raja Haji atau Marhum Syahid Teluk Ketapang seorang pahlawan Melayu/Bugis terbilang yang syahid pada 1784 berperang dengan Belanda. Karya-karyanya terkenal di Nusantara seperti *Tuhfat an-Nafis*, *Salasilah Melayu dan Bugis*, *Thammarah al-Muhimmah*, *Bustanul Khatabin*, *Gurindam Dua Belas* dan lain-lain lagi. Lihat Muhd.Yusof Ibrahim, *Raja Ali Haji: Sejarawan Kurun ke-19 Dari Empayar Johor-Riau* dalam *Sejarawan dan Persejarahan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hal.245-250. Juga lihat Abu Hassan Sham MA, *Tariqah Naqsyabandiyah dan Peranannya dalam Kerajaan Melayu Riau Sehingga Awal Abad Ke-20*, dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, PSM, Kuala Lumpur, 1980, hal. 74-86.

⁶² Nama lengkapnya ialah Nur al-Din Muhammad bin 'Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid al-Raniry al-Quraisi al-Shafie. Ada riwayat mengatakan bahawa beliau adalah Syaykh tariqah Rifaiyyah. Gurunya bernama Al-Sayyid Abu Hafs Umar bin Abdullah Bai Shaiban dari Tarim. Seterusnya lihat Tudjimah, *Asrar al-Insan Fi Ma'rifah al-Ruh wa al-Rahman*, Penerbitan Universitas, Jakarta, 1960, hal.4 Lihat Ahmad Daudi MA, *Syeikh Nuruddin al-Raniry*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1978, hal.10, Lihat P. Voorhoeve, *Twee Maleische Geschriften van Nuruddin al-Raniry*, Leiden , E.J. Brill, 1955 hal.5-6, Lihat Syed Naguib al-Attas, *Raniry And The Wujidiyyah of 17th Century Aceh*, Singapore, 1966, hal.12-14

⁶³ Berhubung dengan tokoh ini, sebahagian sarjana sejarah meletakkan pada akhir namanya " al-Singkili/Singkel" iaitu sebuah daerah di Aceh Selatan. Nama sebenar beliau ialah Syaykh Aminuddin

⁶³ Abd. Ra'uf bin 'Ali al-Fansuri. Lahir pada 1001H/1592M dan meninggal pada tahun 1693M. Menurut Haji Wan Muhammad Saghir, beliau tidak menemui lagi sebarang pengesahan atau penulisan para 'ulamā' terdahulu yang menambah perkataan *al-Singkili* pada nama Syaykh 'Abd. Ra'uf. Malahan kebanyakkan mereka menggunakan *al-Fansuri* iaitu menisbahkan kepada seorang 'ulamā' bernama Syaykh al-Fansuri. Keturunan beliau inilah munculnya dua ulama' keturunan Parsi yang bersaudara, 'Ali al-Fansuri yang mendirikan Dayah Lipat Kajang, di Simpang Kanan, Sumatera dan Hamzah al-Fansuri yang mendirikan Dayah Obah Simpang Kiri Rundeng di Aceh pada masa pemerintahan Sultan 'Ala-al-Din Riāyat Shah Sa'id Mukammil (997-1011H/1589-1604M). Lihat Hj Wan Muhammad Saghir, *Syaykh 'Abdur Ra'uf 'Ali al-Fansuri : Penyusun Tafsir Quran Pertama Bahasa Melayu dalam Dakwah*, BAHEIS, JPM, Kuala Lumpur, 1993, hal. 48. Lihat HAMKA, *op. cit.* hal. 221-223.

⁶⁴ Mahyuddin Hj. Yahya, *op. cit.*, hal. 612-613

⁶⁵ Hamdan Hasan, *op. cit* hal. 52-54

⁶⁶ Syed Naguib al-Attas, *Some Aspects of Sufism: As understood And Practised Among The Malays*, Malaysian Sociological Research Institute LTD, Singapore, 1963, hal.32.

⁶⁷ Menurut Brunnessein, Syaykh Yusuf ini juga digelar *Syaykh Yusuf Makassar*. Beliau juga telah berbai'ah dengan pelbagai jenis tarīqah antaranya Qādiriyah, Naqsyabandiyah, Syatāriyyah, Ba'alawiyah dan Khalwātiyyah sebagai mana yang disebut dalam kitabnya sendiri *Safinah al-Najāt*. Lihat Martin Van Brunnessien, *Tarekat Naqsyabandiyah di Indonesia*, Pustaka Mizan, Bandung, Indonesia, 1992.

⁶⁸ Tarīqah Ahmadīyyah yang didirikan oleh Ahmad bin Idris ini disebut oleh kebanyakan pengkaji barat sebagai al-Idrīsiyyah untuk membezakan dengan tarīqah Ahmadīyyah yang didirikan oleh Ahmad al-Badawī (1199-1276M) di Mesir. Tarīqah Ahmadīyyah yang dimaksudkan oleh penulis dalam kajian ini adalah yang didirikan oleh Ahmad bin Idris (1760-1873M). Lihat Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Majmuk*, al-Ahmadiyyah Press, Singapura, 1935, selanjutnya lihat J.S. Trimingham, *Islam In Ethiopia*, Frank Cass & Co. Ltd. London, 1965, hal. 242

⁶⁹ Tarīqah Khadiriyyah di Morokko adalah cabang kepada tarīqah Syādiliyyah yang dibawa oleh Abu 'Abbas Ahmad bin 'Isā al-Burnūsi. Salah seorang syaykhnya iaitu Abū Hamid al-'Arabi al-Darqawī telah mengembangkan ajaran tersebut dan menisbahkan kepada ajarannya tersendiri dan muncullah tarīqah al-Darqawiyah yang dikatakan sezaman dan bersaing dengan ajaran Ahmad al-Tijāni (1737-1815). Lihat Jamil M. Abu- Nasr, *The Tijāniyya*, Oxford University Press, London, 1965, hal. 21 Lihat juga Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Farāid al-Ma'thir al-Marwiyyah li al-Tarīqah Ahmadīyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah*, Sg. Ujong Press, t.t. hal. 36.

⁷⁰ Majmuk, *op. cit.*, hal. 75

⁷¹ Hamdan Hassan, *loc. cit.*, hal. 44

⁷² Beliau adalah tergolong dari kalangan ahli keluarga yang 'alim dan soleh. Datuknya Hj. Idris bin Hj. Mu'min al-Lingga bin Muhammad Nakhuda al-Minangkabawi bin 'Umar bin Šalleh bin 'Abdullah dari keluarga Hadramaut. Sebelah ibunya Hajah Sofiah berasal dari Patani, Selatan Thai dan dikatakan mempunyai kemerduan suara dalam membaca al-Quran dan menjadi guru al-Quran di Mekah. Lihat Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Kanz al-Muid*, Matbaah al- Ahmadīyyah , Singapura, 1935, selanjutnya lihat Hj. Wan Muhammad Saghir 'Abdullah, *Penjelasan Nazam Syair Sufi Syeikh Ahmad al-Fathāni*, Khazanah al-Fathāniyyah & Imatera Publisher Sdn. Bhd, 1993 hal. 115-121, juga lihat, Hamdan Hassan, *loc. cit.*, hal. 55-57.lihat Zaini Sa'id, *Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Dandarāwi ; Peranan Dan Sumbangannya, Latihan Ilmiah* , Fakulti Usuluddin Akademi Islam, Universiti Malaya, 1994.

⁷³ Penjelasan lanjut berhubung dengan pengertian Syaykh Mursyid ini telah diperbincangkan dengan

panjang lebar oleh Prof. Madya Dr. Jahid Hj. Sidek dalam disertasinya bertajuk *Syaykh Di Dalam Ilmu Tariqah, Disertasi Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam*, Universiti Malaya, 1994/95.

⁷⁴ Ahmad bin Muhammad Sa'id. *op. cit.* hal. 86

⁷⁵ Ismail Mat, 'Ulamā' Silam Dalam Kenangan, Penerbitan Universiti Kebangsaan malaysia, Bangi, 1993, lihat Hj. Wan Muhamad Saghir, *op. cit.* lihat Hamdan Hassan, *op. cit.*

⁷⁶ Sebahagian besar cerita yang disampaikan kepada penulis menyatakan bahawa Syaykh Hj Muhammad Sa'id terus sahaja balik ke Tanah Melayu tanpa kembali ke kediamannya untuk mengemas pakaianya. Setelah menerima arahan gurunya, dengan pakaianya itu beliau kembali ke Tanah Melayu dengan menumpang kapal yang mengangkut jemaah haji. Kebetulan ramai jemaah haji yang meninggal dunia di Tanah Suci Mekah. Jadi, adalah kcosongan untuk mengganti balik ke Tanah Melayu. Ini lah sebahagian besar cerita yang diperolehi oleh penulis dalam kajiannya. Pada pendapat penulis, cerita ini adalah munasabah kerana taatnya seorang murid itu pada arahan gurunya melebihi dari kepentingan dan keselesaan diri sendiri.

⁷⁷ Temuramah dengan Tuan Haji Abd. Hamid Selatin pada Julai 1997, pengamal tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan mendapat asuhan dari Hj. Mohd. Nor Hj. Muhammad Sa'id dan Hj. Ahmad Hj. Muhammad Sa'id. Lihat juga Muhammad Sa'id, *al-Ahzab al-Irfāniyyah Wa al-Awād al-Nūriyyah*, t.t. hal. 199

⁷⁸ Mohd. Yusof Abd. Hamid, *Gerakan Ittiba' as-Sunnah : Satu Kajian Khusus Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin* Akademi Islam, Universiti Malaya, 1994 dan lihat Buku Cenderamata, *Memperingati Tokoh 'Ulama' Silam Yang Ke-V*, Penerbitan Khas ,Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1980, hal. 7

⁷⁹ *Ibid.*, hal 6-8

⁸⁰ Dengan jawatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, beliau telah membuat satu perubahan dan pemecah tradisi di dalam kepimpinan *ikhwan* tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Sebelum ini, pemimpin-pemimpin *ikhwan* seperti Syaykh Haji Muhammad Sa'id dan Syaykh 'Abdullah adalah bebas dari jawatan-jawatan rasmi kerajaan atau dalam erti kata lainnya mereka tidak makan gaji dengan kerajaan.

⁸¹ Beliau adalah bekas wakil rakyat di kawasan Rantau, Negeri Sembilan. Kebiasaannya, *ijazah* mentalqinkan tarīqah Ahmadīyyah, adalah melaluinya. Mereka yang ingin beramal dengan tarīqah Ahmadīyyah perlu berjumpa dan mengambil *ijazah* dari beliau di rumahnya di Kampung Bemban, Rasah. Semasa kajian ini ditulis, Syaykh Muhammad Hamid telah kembali ke rahmatullah pada tanggal 12 September 1996. Penulis sendiri sempat menghadiri majlis menyempurnakan jenazah beliau sehingga ke upacara pemakaman beliau di *maqām* ahli keluarga Syaykh Haji Muhammad Sa'id di Seremban. Kawasan perkuburan ini juga dikenali *Maqām* Syaykh Muhammad Sa'id mengambil sempena nama pengembang tarīqah Ahmadīyyah di Asia Tenggara, yang mana beliau sendiri di *maqāmkan* di sini. selepas kewafatannya. Syaykh tarīqah Ahmadīyyah telah diambilalih oleh Dato' Mufti Negeri Sembilan sekarang iaitu Syaykh Murtadza bin Syaykh Ahmad cucu kepada Syaykh Haji Muhammad Sa'id.

⁸² Syaykh Faiz bin Ahmad pernah menuntut dan tinggal di Mesir dalam tempoh yang agak lama. Beliau selalu memimpin majlis *haul*, *dhikir* serta *rātib* bagi *ikhwān* Ahmadīyyah. Biasanya beliau akan mengendalikannya dari mula hingga akhir dan syaykh tarīqah berada juga di majlis itu.. Beliau pernah juga disebut-sebut sebagai bakal menggantikan Syaykh Muhammad Hamid yang semakin uzur berdasarkan kepada isyarat-isyarat tradisi di kalangan *ikhwān* yang kanan dalam perjalanan tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan. Hal ini pernah disuarakan kepada penulis oleh Sahib al-Samāhah Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Syaykh Murtadza bin Ahmad sendiri, juga abang kepada Syaykh Faiz semasa penulis berkunjung di pejabatnya pada tahun 1994.

⁸³ Tarīqah Ahmadīyyah yang didirikan oleh Sayyidi Ahmad bin Idrīs ini juga di kenali dengan Tarīqah Ahmadīyyah Idrisiyyah oleh kebanyakkan pengkaji barat. Ia adalah untuk membezakan dengan Tarīqah Ahmadīyyah yang didirikan oleh Ahmad al-Badawī (1199-1276 M) seorang sufi terkenal di Mesir yang di *maqāmkan* di sebuah masjid di Tanta dan terkenal masjid tersebut dengan nama Masjid al-Badawi.

⁸⁴ Kajian tarīqah Ahmadīyyah di Malaysia pernah dijalankan sebelum ini pada tahun 1978 oleh Muhammad bin Samad bertajuk *Tarīqah Ahmadīyyah Di Negeri Sembilan. Satu Tinjauan, Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia UKM, Bangi,. Ini diikuti oleh Mohd. Zain bin Mat Yaman, Tuan Tabal ;Haji Abdul Samad bin Mohd. Salleh al-Kelantani 1840-1891, *Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan dan Kebudayaan Melayu*, UKM, Bangi, 1978/79. Kemudian Zaini Sa'id, *Syaykh Ahmad bin Muhammad Sa'id al-Dandarawī ; Peranan Dan Sumbangannya, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin Akademi Islam*, Universiti Malaya, Sesi 1993/94. Dr Hamdan Hassan, berjaya menerbitkan buku bertajuk *Tarekat Ahmadīyyah di Malaysia* pada tahun 1990, hasil pengumpulan fakta dan maklumat serta kegiatannya dengan *Ikhwan tarīqah Ahmadīyyah* Bukit Abal, Kelantan semenjak tahun 1970an. Kajian seterusnya oleh Che Zarina Shaari (Dr), *Tariqah Ahmadīyyah: Satu Kajian Di Negeri Kelantan Darul Naim*, Disertasi Sarjana Usuluddin, Fakulti Usuluddin Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 1993/94.

⁸⁵ Muhammad bin 'Ali al-Sanūsi dilahirkan di Wasita, Mustaghnam, Oran, Algeria pada tahun 1791M. Berasal daripada keluarga bangsawan. keluarganya dikatakan mempunyai *nasab* keturunan Nabi Muhammad s.a.w. melalui Sayyidina Hassan bin 'Ali r.a. Beliau meninggal dunia di Jaghbub pada tahun 1859M. Lihat Hamdan Hassan. *loc. cit.* hal. 31-37.

⁸⁶ Dr. 'Ali Soleh Karār, *al-Tarīqah Al-Idrisiyyah Fi Al-Sūdān*, Dar al-Jail, Beirut, 1991,hal. 20

⁸⁷ Beliau adalah anak yang ketiga daripada tiga orang anak Sayyidi Ahmad bin Idrīs. Ketika Sayyidi Ahmad Idrīs meninggal dunia beliau berumur tujuh tahun. Dua orang lagi saudaranya ialah Sayyidi Muṣṭafa (meninggal semasa kecil) dan Sayyidi Muhammad berumur tiga belas tahun semasa Sayyidi Ahmad bin Idrīs meninggal dunia. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1305H/1889M. *Ibid*, hal. 23

⁸⁸ *Ibid*, hal. 45

⁸⁹ Menurut riwayat yang lain Sayyidi Muhammad bin 'Ali al-Sanūsi sampai ke Mekah pada pertengahan Zulkaedah 1241H. Lihat Syaykh Soleh al-Jāafari, *A'thar Azhar Aghsān Hadhirata al-Taqdis*, Dar al-Jawami' al-Kalam, 1394H, hal. 39,

⁹⁰ Dr Muhammad Fu'ad Shukri, *Sanūsiyyah Dīn wa Daūlah*, Al-Qahirah, 1938, hal. 22. Lihat juga Evans Pritchard, *The Sanusi of Cyrenaica*, Oxford, 1954, hal. 13.

⁹¹ *Op. cit.* hal. 57.

⁹² Lahir di Sabya pada 1247H/1830. Ketika mengerjakan haji pada tahun 1848/1264H, beliau bertemu dengan Sayyidi Muhamad bin 'Ali al-Sanūsi yang menetap di Libya. Beliau terus berguru dengan al-Sanusi. Ketika itu beliau berumur tujuh belas tahun.

⁹³ *Op. cit.* hal. 70

⁹⁴ *Ibid*, hal. 71

⁹⁵ Beliau meninggalkan enam orang anak iaitu Mirghāni, Ahmad, Hassan, Idrīs, Shamsuddin dan Mu'az

⁹⁶ Beliau dilahirkan pada hari Khamis 10 Jamadil Akhir 1328H di Danqala, sebelah barat Sudan. Beliau meninggal pada petang Isnin 18 Jamadil Awwal 1399H. Lihat Syaykh Soleh Jāafari, *Kanz al-Sa'ādah Wa al-Daawāt al-Mustajabah*, Dar Jawami' al-Kalam, al-Qahirah, 1989,hal. 17-23.

⁹⁷ 'Abd Ghāni bin Ṣoleh al-Ja'afari, *Awrad Wa Ahzāb Al-Tarīqah al-Ja'afariyyah Li Imām al-Azhar Sayyidi al-Saykh Ṣoleh al-Ja'afari*, Dar Jawami' al-Kalam, al-Qahirah, t.t., hal. 3-4

⁹⁸ Ṣoleh al-Ja'afari, *Al-Iḥām al-Nāfi' Li Kulli Qāsīd*, Dar al-Jawami' al-Kalam, Qahirah, 1984, hal. 12

⁹⁹ *Ibid*, hal. 14. Lihat 'Abd Ghāni Ṣoleh al-Ja'afari, *Awrad Wa Ahzāb al-Tarīqah al-Ja'afariyyah*, hal. 6.

¹⁰⁰ Temuramah dengan Musti Kerajaan Negeri Sembilan pada Julai 1977. Menurut Dato Hj Murtadha bin Hj Ahmad, bersama-sama beliau mengambil *bai'ah* beramal dengan amalan tarīqah Ahmadīyyah Ja'afariyyah yang dipimpin oleh Syaykh Soleh al-Ja'afari ketika itu seramai kira-kira lima belas orang penuntut Universiti al-Azhar, Mesir.

¹⁰¹ Hj. Fuad Kamāluddīn adalah cucu kepada Lebai Aris. Lebai Aris adalah *khalifah* kepada Syaykh 'Abdullah bin Muhammad Sa'id. Lebai Aris telah berjaya menyebarkan ajaran tarīqah Ahmadīyyah al-Dandarāwiyyah ke Siak, Sumatera. Disebut bahawa beliaulah antara 'ulama' yang memperkenalkan tarīqah Ahmadīyyah al-Dandarāwiyyah di Sumatera. Hj Fuad adalah wakil Tarīqah Ahmadīyyah Ja'afari di Malaysia ini. Penulis belum menemui *khalifah* Ja'afariyyah di Malaysia ini selain beliau. Menurut Hj Samsūl bin Syarif semasa temuramah pada 1997, Hj Fuad adalah murid kepada Syaykh 'Abd Ghāni Ja'afari dan beliau telah *bermulazamah* dan *bertalaqqi* dengannya selama beliau menuntut di al-Azhar, Mesir. Beliau dilantik sebagai wakil Tarīqah Ahmadīyyah Ja'afari kepada pelajar Melayu yang menjadi pengikut tarīqah Ahmadīyyah Ja'afariyyah ini atau dikenali sebagai *Abna' al-Jaafari*. Hj Fuad sekarang menjadi pendakwah sepenuh masa dan beliau telah mendirikan madrasahnya sendiri untuk mengajar murid-muridnya dari pelbagai lapisan dan peringkat umur. Beliau juga mengajar kitab-kitab di Masjid-masjid dan surau serta madrasah serata Negeri Sembilan dan jemputan dari luar. Penulis telah berjumpa dan menemuramah beliau kerap kali sepanjang tahun 1997 hingga kini..

¹⁰² Penulis terlibat sama dalam menjadi jawatankuasa pada peringkat awal penubuhan Ma'ahad Taufiqi al-Husaini Dato Abdullah, Rembau, Negeri Sembilan.

¹⁰³ Ahmad Hj. Muhammad Sa'id, *Kanz al-Muid fi Manaqib al-'Arif Billah Syaykh Muhammad Sa'id*, Matba'ah al-Ahmadiyyah, Singapura, 1952, hal. 18.

¹⁰⁴ Raja Lamadusalad adalah raja Bugis yang pertama memeluk Islam yang mana baginda mempunyai lima anak terdiri dari Daeng Parani, Daeng Kemboja, Daeng Celak, Daeng Mempateh dan Daeng Marewah. Lihat A. Samad Ahmad, *Kerajaan Johor-Riau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hal. 5-8.

¹⁰⁵ *Op. cit*, hal. 13

¹⁰⁶ Syaykh Ismā'il bin 'Abdullah al-Khalidi al-Minangkabawi adalah disebut sebagai Syaykh Mursyid bagi para pengamal tarīqah Naqshabandiyah al-Khalidiyyah dan menjadi guru bagi golongan bangsawan dan para pembesar bagi kerajaan Riau. Beliau membawa ajaran taṣawwuf sebagaimana yang diajarkan oleh gurunya yang sampai *sanad* salasilah kepada Syaykh Khalid Osman al-Qurdi al-Naqsyabandi. Beliau pernah berguru dengan Syaykh Dāud al-Fatani dan antara muridnya termasuklah Raja 'Alī Haji, Raja Haji 'Abdullah (*Marhum Mursyid*), Yam Tuan Muda Riau IX dan lain-lain lagi. Ajaran Islam tarīqah Naqsyabandiyah al-Khalidiyyah yang dibawanya sampai ke Semenanjung Tanah Melayu seperti di Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang.

¹⁰⁷ Syaykh Muhammad Sa'id telah berguru lebih dari lima puluh orang sepanjang pengajiannya di Mekah dan Madinah. Kesempatan beliau belajar di Universiti Al-Azhar selama lapan bulan telah memahirkkan beliau dengan segala bidang pengajian agama.

¹⁰⁸ *Kanz Muid*, *loc. cit*, hal. 7

¹⁰⁹ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Majmu'*, Ahmadīyyah Press, Singapura, 1935, hal. 86

¹¹⁰ Sebagaimana yang diketahui Sayyidi Ahmad bin Idris (1757M-1873M) adalah pendiri tarīqah

Ahmadīyyah Idrisiyyah mengambil sempena namanya. Beliau menerima beberapa *ijāzah* tarīqah antaranya tarīqah al-Khādiriyah al-‘Azīziyyah, tarīqah Shādiliyyah dan tarīqah Khalwātiyyah. Selepas kewafatannya muridnya bernama Ibrāhīm al-Rāshidi (1813-1874M) meneruskan ajaran tarīqah nya Pada peringkat ini tarīqah ini dikenali dengan tarīqah Ahmadīyyah al-Rāshidiyyah. Di sinilah Tuan Tabal (1840-1891M) bertemu dan berguru dengan Ibrāhīm al-Rāshidi dan ajaran inilah yang dibawanya sekembalinya dari Mekah pada sekitar 1860 di Kelantan dikenali sebagai Tarīqah al-Rāsyidi. Muhammad bin Ahmad al-Dandarawī (w. 1909M) dikatakan menjadi pemimpin tarīqah tersebut selepas kewafatan Ibrāhīm Rāsyidi dan pada peringkat ini tarīqah ini telah disebut sebagai Tarīqah Ahmadīyyah al-Rāshidiyyah al-Dandarawiyah dan disinilah bertemunya sanad salasilah Muhammad Sa’id al-Lingga dan *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan dan Kelantan yang menisahkan tarīqah Ahmadīyyah mereka kepada murid Muhammad bin Ahmad al-Dandarawī yang lain iaitu Sayyidi Abū Hassan Azahāri.

¹¹¹ Hamdan Hassan, *op. cit.*, hal. 59 dan 89-92

¹¹² Muhammad Sa’id juga dikatakan sempat berkahwin dengan penduduk tempatan seperti di Ayuthia dan juga mendirikan sebuah masjid dikenali Masjid Jamaluddin yang masih kekal hingga kini. Beliau juga telah berkahwin dengan seorang penduduk Terengganu tetapi tidak dapat diketahui di daerah manakah pusat dakwah serta zuriat beliau ini. Lihat Wan Muhammad Saghir, *op. cit.*, hal. 121 dan Hamdan Hassan, *op. cit.*, hal 62.

¹¹³ *Jadhbah* dari sudut bahasa bererti tarikan atau dorongan. Di dalam istilah dan amalan tarīqah pula ia bermaksud satu hal yang dirasakan oleh seseorang murid atau *salik* ketika dibukakan *hijab* hatinya untuk mengenal Allah atau dikurniakan sebahagian daripada *ma’rifatullāh*. Orang yang dikurniakan *jadhbah* ini dikenali sebagai “*al-Majdhub*”. Dalam hal ini, keadaan seorang *salik* atau mereka yang ditarikkan Allah kepada beberapa hal yang mulia dan beberapa *maqām* yang tinggi dalam tempoh yang sangat singkat sekali adalah tidak mustahil dengan kurnia Allah. Diwaktu itu, dilenyapkan akalnya maka dilakukan daya atas dan *maqam* dengan kecepatan yang luarbiasa dan luar dugaan dan pengetahuan fikiran manusia. *Jadhbah* biasanya dihubungkan dengan dhikr. Bila seseorang murid atau *salik* itu sentiasa berdhikrullah, maka dengan kemurahan dan kurnia Allah, *hijab* hatinya akan terbuka dan dia akan merasakan satu hal tertentu. Terdapat banyak huraiyan ‘ulama’ sufi berhubung dengan masalah ini. Lihat Wan Muhamamad Saghir, *Sufi Dan Wali Allah*, Pustaka Aman Press, Kota Baharu, 1988, hal. 22-37.

¹¹⁴ Surat Raja Kelantan kepada Syaykh Ahmad al-Fatāni ini dan jawapannya telah diperbahaskan dengan panjang lebar oleh Haji Wan Muhammad Saghir ‘Abdullāh di dalam bukunya bertajuk *Penjelasan Nazam Syair Sufi Syaykh Ahmad al-Fatāni* diterbitkan pada tahun 1993.

¹¹⁵ Hamdan Hassan, *op. cit.*, hal. 63

¹¹⁶ Kitab ini sebenarnya adalah karya Syaykh Ahmad bin Idris al-Dandarawī berjudul *al-Ahzāb al-Tarīqah Al- Ahmadīyyah*. Syaykh Muhammad Sa’id Jamaluddin al-Lingga telah mencetak semula dengan memberi judul *Al-Ahzāb al-‘Irṣāniyyah Wā al-Awraq al-Nurāniyyah* dengan menulis karyanya berjudul *Kunūz al-Jawāhir al-Nurāniyyah*. Lihat juga Mahmud Saēdon bin Awang Osmān, *Aliran Pemikiran Tokoh-Tokoh Tasawwuf*, BAHAEIS, JPM, 1992, hal. 57. Lihat juga Mustafa Ibrahim, *op. cit.* hal. 58.

¹¹⁷ Karya-karya ini adalah seperti yang tercatat dalam penulisan Haji Wan Muhammad Saghir ‘Abdullāh dalam bukunya *Penjelasan Nazham Syair Sufi*. Manakala dalam catatan Hamdan Hassan hanya menukilkan tiga sahaja karya seperti yang tersebut dalam catatan kaki 63.

¹¹⁸ Hal ini dapat dijelaskan dengan pandangan dari Sayyidi Abū ‘Abbas al-Dandarawī (w. 1953M) iaitu anak kepada Ahmad al-Dandarawī (w. 1909M) yang sempat menjadi guru kepada mereka menyifatkan hubungan kedua-duanya seperti ibarat Nabi Mūsā dan saudaranya Harun dalam mempertahankan tarīqah Ahmadīyyah ini.

¹¹⁹Nawawi Haji Indek, ‘*Alim-‘Ulamā’ Negeri Sembilan*, Chang Litha Press, Seremban, 1971, hal.24-26.

¹²⁰Kebiasaan majlis *hāul* besar bagi *ikhwān* di Negeri Sembilan ialah seminggu sebelum kedatangan bulan Ramadhan iaitu tarikh kewafatan Syaykh Muhammad Sa‘id yang diadakan setiap tahun di Pondok Rasah, Seremban. Perhimpunan ini adalah yang terbesar bagi *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah yang mempunyai salasilah kepada Syaykh Muhammad Sa‘id dan kedatangan mereka ini adalah dari seluruh pelusuk daerah dan negeri. Penulis sendiri pernah menghadiri beberapa majlis *hāul* yang diadakan di Rasah. Selain dari itu diadakan juga majlis *hāul* yang kecil diadakan seperti di masjid Semabok, Pedas dan Kampung Penajis, Rembau.

¹²¹Tuan Haji Muhammad bin Haji Muṣṭafa (1900-1950M) adalah salah seorang ‘ulamā’ yang terkenal di Negeri Sembilan dan menjadi guru kepada Tengku ‘Abd Rahmān (1933-1967M) iaitu Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu. Beliau dikenali dengan Tuan Haji Muhammad Jempul dan gelaran Jempul adalah mengambil sempena daerah kelahirannya di Kampung Paya Jempul, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Antara gurunya ialah Tuan Guru Haji Ya‘akob bin ‘Abd Rahmān di pondok Sik, Kedah pada 1914-1917 dan Tuan Guru Haji Mohd. Yūnūs bin Mohd. ‘Akib selama setahun dan melanjutkan pengajian ke Mekah pada 1918-1922.

¹²²*Cenderamata Memperingati Tokoh ‘Ulamā’ Silam ke V*, Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi, edit. Prof. Mahmud Saēdon Awang Othmān, 1981, hal. 23.

¹²³Bahagian Hal Ehwal Islam, *Pendidik*, Jabatan Perdana Menteri, bil.21, 1992, hal. 23

¹²⁴Dikatakan pengajian yang diajar di Madrasah al-Salātiyyah, Mekah adalah rendah bagi beliau sehingga beliau mengambil keputusan meninggalkan al-Salātiyyah dan menuntut di Masjid al-Haram. Mekah.

¹²⁵*Op. cit.*, hal.8

¹²⁶Madrasah al-‘Āliyyah Islamiyyah atau High Islamic School adalah diasaskan pada tahun 1939 oleh al-Maulul Fādhal Maulānā Maādah bin Layang di Pelangai, Kuala Pilah. Lihat Mohd. Yusof Abd. Hamid, *loc.cit.*, hal. 36. Selain dari itu terdapat banyak lagi Madrasah dan pondok pengajian seperti Pondok Tuan Guru Haji Muhammad Jempul di Kuala Jempul (1922), Pondok Tuan Guru Haji Mājid bin Haji Ibrāhīm (1850-1909M), Air Mawang, Johol (1900), Pondok Tuan Guru Haji Ahmad Zain bin Dagang (1866-1959M), Kampung Paya, Johol,(1901M) dan lainnya.

¹²⁷*Cenderamata, op. cit.*, hal. 8

¹²⁸*Ibid.*, hal.9-10

¹²⁹Nawāwi Hj. Indek, *op. cit.*, hal.28

¹³⁰*Ibid.*, hal. 29

¹³¹Keadaan ini berlaku sebelum kewafatan Syaykh Ahmad sebagai Syaykh tarīqah Ahmadīyyah dimana beliau menyerahkan serban dan tasbih kepada Haji ‘Abdul Rashid sebagai isyarat pemimpin selepasnya. Sebahagian *ikhwān* percaya tasbih dan serban tersebut adalah kepunyaan Sayyidi Muhammad bin Ahmad al-Dandarāwi yang diserahkan kepada Syaykh Muhammad Sa‘id sebagai *Khalifahnya*.

¹³²Jahid Sidek, *loc.cit.*, hal. 187-188.

¹³³Gerakan *Islah* di Negeri Sembilan dipelopori oleh Ustaz Hashim Ghani berpusat di *Madrasah Ittiba’ al-Sunnah*, Kuala Pilah. Mereka menggelarkan diri sebagai golongan *as-Sunnah*. Telah berlaku beberapa perdebatan pihaknya dengan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan yang di pimpinoleh oleh Mufti iaitu Syaykh Ahmad sendiri sekitar tahun 1950an. Lihat Mohd. Yusof Abd. Hamid, *loc. cit.*

¹³⁴ *Tahlil* ini adalah biasanya boleh dilihat di masjid-masjid di Negeri Sembilan dan ini menunjukkan bahawa masjid tersebut adalah jamaahnya terdiri dari *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah dan selalu mengadakan majlis *dhikir* atau *rātib* tarīqah ataupun masjid tersebut pernah satu masa menjadi markas *ikhwān*. Penulis seringkali terlihat *tahlil* tersebut di kebanyakkannya masjid di Negeri Sembilan termasuk di kampung penulis sendiri

¹³⁵ Mahmūd Saēdon Othmān, *loc.cit.*, hal. 44-52. Lihat juga Muhammad Murtadha bin Ahmad, *Mengenal al-Tarekat al-Ahmadiyyah*, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan, 1993, hal. 16.

¹³⁶ Lihat Sulaimān bin Ibrāhīm Umar, *Tariqah-Tariqah Sufiyyah di Malaysia Dan kesannya Terhadap Dakwah Islamiyyah Dan Masyarakat Islam*, Disertasi Sarjana, Universiti Al-Azhar, Kaherah, 1996, hal. 275-276

¹³⁷ Madah syair ini ditulis oleh Syaykh Ahmad pada tahun 1927 ketika berumur 15 tahun. Kesedihan beliau amat dirasai selepas kewafatan Syaykh Haji Muhammad Sa'id bin Jamāluddīn (w 1926M) bapanya diikuti oleh bapa saudaranya Lebai 'Abbās bin Zakariā (1862-1926M) salah seorang keturunan Dato' Muda Linggi dan kemudiannya Haji Muṣṭafa bin Haji Ahmad (1866-1927M) seorang 'ulama' serta murid kepada datuknya Syaykh Haji Jamāluddīn (1814-1887M).

¹³⁸ Beliau menetap di Teluk Kurau, Singapura. Pekerjaannya ialah mengajar agama kepada masyarakat Melayu Islam yang tinggal di sekitar kediamannya dan memimpin kegiatan *dhikir* Tarīqah Ahmadīyyah di Singapura. Kerap kali juga beliau keluar negeri seperti Itali dan Brunei keranjang memenuhi jemputan murid-muridnya di sana. Oleh kerana beberapa pembantu kananya berkebolehan dan mendapat kepercayaannya dalam memimpin perjalanan Tarīqah Ahmadīyyah seperti Haji Muhammad Nōr, maka beliau jarang-jarang hadir dalam majlis *dhikir* yang diadakan oleh *ikhwān* Tarīqah Ahmadīyyah di Malaysia khususnya di Negeri Sembilan..

¹³⁹ Penulis selalu menghadiri majlis *hāul* pada setiap bulan Sya'bān beberapa tahun yang lalu di mana Syaykh Faiz bin Syaykh Ahmad memimpin *dhikir* dan *rātib* sepanjang majlis tersebut dan Syaykh 'Abdul Hamid masih memimpin tarīqah Ahmadīyyah berada sama dalam majlis tersebut.

¹⁴⁰ Abū Fadil atau di kenali sebagai Abū Fad, cucu kepada Ahmad al-Dandarāwi menyatakan bahawa keluarga al-Dandarāwiyyah merupakan kumpulan tariqah yang terbesar di dalam dunia Islam masa kini. Lihat *al-Musawwar al-Dandarāwiyyah*, hal. 39. Lihat Hamdan Hassan, *op. cit.*, hal. 49

¹⁴¹ Ahmad bin Muhammad Sa'id, *Farāid al-Ma'thir al-Marwiyyah Lī Tarīqah al-Ahmadiyyah al-Rāsyidiyyah al-Dandarāwiyyah*, Persatuan 'Ulama' Malaysia, Petaling Jaya, Selangor,t.t, hal. 4.

¹⁴² *Ibid.*, hal. 73. Lihat Ahmad bin Idris, *Al-Aḥzāb al-'Irfaṇiyyah Wa Awrād al-Nūrāniyyah*, Misr, t.t. hal. 123.

¹⁴³ Surah al-Kahfī, ayat 65-70

¹⁴⁴ Tarīqah Ahmadīyyah ini dengan kemunculannya sekitar abad ke-19 dianggap sebagai tarīqah yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan istimewa. Kelebihannya dan pembaharuan yang terdapat dalam disiplinnya adalah berlandaskan kepada ciri-ciri disiplin ilmu taṣawwuf. Memang terdapat beberapa perbezaan dengan beberapa sudut ajaran tarīqah dari lain-lain yang telah lama berkembang seperti tarīqah Qādiriyah, Syatāriyyah, Naqsyabandiyah dan lain-lainnya.

¹⁴⁵ Tabal adalah sempena mengambil sempena tempat kelahirannya di Tabal (sekarang terletak dalam wilayah Selatan Siam). Beliau banyak menghasilkan karya-karya dalam bidang taṣawwuf antaranya *Minhāj al-Ghārib*, *Bab Harb*, *Minyatū Ahl Awbāh Fi Bayāni Tawbah*, *Munabbih al-Ghāfiṭīn* dan *Jala' al-Qulūb*. Lihat Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, *Islam Dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara Tahun 1900-1940* dalam *Islam Di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hal.4.

¹⁴⁶ Mohd Murtadha Hj Ahmad, *Mengenal al-Tarekat al-Ahmadiyyah*, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Sembilan, Percetakan Watan, 1993, hal. 13

¹⁴⁷ Haji Wan Muhammad Saghīr ‘Abdullah, *Penjelasan Nazham Syair Shufi*, Khazanah Fathaniyah, 1993, hal. 28

¹⁴⁸ *Ibid.*, hal.24. Lihat juga Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, *op. cit.*, hal. 7 antara lain beliau menyebut Syaykh Muhammad Sa’id juga antara seorang ‘ulama’ yang menyebarkan ajaran tarīqah Ahmadīyyah di Kelantan yang berpusat di Jalan Atas Banggol, Kota Baharu, Kelantan.

¹⁴⁹ *Op. cit.*, hal. 17

¹⁵⁰ Hamdan Hassan, *loc. cit.*, hal. 97.

¹⁵¹ *Ibid.*, hal.97-98

¹⁵² *Ibid.*, hal. 86

¹⁵³ *Ibid.*, hal. 87

¹⁵⁴ *Ibid.*, hal. 86-89

¹⁵⁵ *Loc. cit.*, hal. 26

¹⁵⁶ *Loc. cit.*, hal. 26

¹⁵⁷ *Loc. cit.*, hal. 13

¹⁵⁸ Beberapa pendapat mengatakan bahawa Tuan Lebai Aris mengambil *ijāzah* tarīqah dari Tuan Haji Samad Bongek antara *khalifah* kanan yang mendapat izin dari Syaykh Muhammad Sa’id untuk mengijazahkan tarīqah Ahmadīyyah. Dari Tuan Haji Samad Bongeklah beliau mula mencebur minat berhubung dengan amalan tarīqah. Beliau bagaimanapun telah berguru dengan Tuan Syaykh ‘Abdullah yang ketika itu sebagai pengganti *Khalifah* tarīqah Ahmadīyyah di Negeri Sembilan setelah kewafatan Syaykh Muhammad Sa’id di Ampangan, Seremban. Beliau memusatkan pengembangan ajaran tarīqah Ahmadīyyah di Buruk Bakul, Sumatera. Kemudianya berpindah dan meneroka kawasan bernama Teluk Air setelah mendapat izin dari Sultan Siak VIII, Sultan Sharīf Kassīm. Adapun sebelum itu beliau juga dikatakan telah mendapat sokongan dari Undang Rembau iaitu Haji Ipap dan juga akuan dari Yamtuan Besar Negeri Sembilan iaitu Tunku Abd Rahmān. Surat akuan dari kedua-dua pihak ini dipersembahkan kepada Sultan Siak Seri Inderapura sehingga baginda sultan memberi kepercayaan penuh kepada beliau untuk menjadi Imam Masjid Besar Siak. Lihat Yaakūb bin Idrūs, *Tuan Lebai Aris, Warisan*, Persatuan Sejarah Malaysia ,bil. 6, 1981, hal. 8-20. Bandingkan dengan kenyataan Hamdan Hassan, *op. cit.*, hal. 66

¹⁵⁹ Syaykh Soleh al-Ja‘afari adalah pensyarah di Kulliah Usūluddīn di Universiti al-Azhar, Mesir. Beliau juga adalah Imam Besar di Masjid Jami’ al-Azhar dan telah berkhidmat selama empat puluh tahun. Beliau meninggal dunia ketika umurnya sekitar 85 tahun. Antara kitab-kitab karangannya yang terkenal ialah *Awrād al-Tarīqah*, *Kanzal-Saādah Waal-Irsyād Li al-Māali*, *Mafatih Kunūz al-Salawāt Wa Ard Al-Muntaqī al-Nāfiṣi fi Manāqib Qutub Dāiratu al-Taqdīs* dan *Fath Wa Faid Wa Faḍl Min-Allāh Fi Syarḥ K’alīmat Lailahā ILLA Allāh Muḥammad Rasūlullāh*. Lihat Murtadza bin Ahmad, *loc. cit.*, hal.28-29 dan Wawancara dengan beliau pada 19 Oktober 1996.

¹⁶⁰Wawancara dengan Dato’ Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang juga mempunyai pertalian persemendaan dengan Dr. Mahmūd Saēdon.

¹⁶¹ Muhammad Sa’id bin Jamāluddīn, *Al-Ahzāb al-‘Irfāniyyah Wa A-Awrad Al-Nurāniyyah Li Qutub al-Rāis Sayyidi Ahmad bin Idris*, t.t., hal. 4

¹⁶² *Ibid.*, hal. 4-7

¹⁶³ Syaykh Haji Ahmad adalah *khalifah* kanan kepada Syaykh ‘Abdullah juga abangnya sendiri. Semasa

hayat Syaykh ‘Abdullah, Syaykh Ahmad bertindak sebagai pembantu kanan kepada Syaykh ‘Abdullah yang memimpin pusat kegiatan tarīqah di Ampangan. Sementara Syaykh Ahmad memimpin kegiatan tarīqah Ahmadīyyah disebelah Rasah. Selepas kewafatan Syaykh ‘Abdulrahman pusat kegiatan tarīqah Ahmadīyyah telah berpindah di Rasah. Syaykh Ahmad juga menganggap bahawa Syaykh ‘Abdullah sebagai gurunya dan syaykhnya yang memimpin perjalanan tarīqah. Walaupun beliau sendiri mempunyai murid serta berkebolehan dalam menyusun perjalanan tarīqah ini. Lihat Mahmud Saēdon, *loc.cit.*, hal. 27

¹⁶⁴ Hamdan Hassan, *loc.cit.*, hal. 74. Lihat Mohd. Zain bin Mat Yaman, *Tuan Tabal; Haji ‘Abdul Samad bin Mohd. Šalleh al-Kelantani 1840-1891, Latihan Ilmiah Jabatan Persuratan dan Kebudayaan Melayu*, UKM, Bangi, 1978/79, hal. 38

¹⁶⁵ Haji Wan Muhamad Saghir ‘Abdullah, *Penjelasan Nadzam Syair Sufi*, Khazanah Al-Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 1993, hal. 41-44

¹⁶⁶ *Ibid*, hal. 44

¹⁶⁷ Haji Shaāri Hussein adalah menantu kepada Haji Wan Ja’afar bin Haji Daud. Pada tahun 1978, Haji Ahmad bin Muhammad Šalleh cucu kepada Syaykh Muhammad Sa‘id dari sebelah anak perempuannya bernama Rabiah Adawiyyah telah datang ke Kelantan untuk menyambung taliān *ikhwān* yang terputus. Pada tahun tersebut, Haji Shaāri telah dipilih untuk menyambung kembali tugas memimpin *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah di Jalan Atas Banggol. Sebelum daripada itu, beliau juga telah mendapat pengesahan sebagai pemimpin tarīqah Ahmadīyyah di Kelantan yang berasal dari Syaykh Muhammad Sa‘id apabila beliau di *ijazahkan* oleh Rabiah Adawiyyah dan anak-anaknya seperti Haji Rāsyid dan Haji Mansor sebagai pemimpin *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah di Kelantan. Walau bagaimanapun, sekembalinya dari Mesir pada tahun 1988, beliau lebih tertarik dengan ajaran Usrah Dandarāwiyyah yang ketika itu di pimpin oleh Amir ‘Abdullah bin Abū ‘Abbās, cucu kepada Sayyidi Ahmad al-Dandarāwi. Pada satu muktamar *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah yang diadakan di Kota Baharu pada tahun 1990, Haji Shaāri telah diisytiharkan oleh para *ikhwān* yang hadir dari Singapura, Brunei, Sabah, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Kuala Lumpur dan Thailand sebagai Naib Amir bagi pihak Abū Fadl di Kelantan. Kini *ikhwān* tarīqah Ahmadīyyah di Jalan Atas Banggol juga dikenali sebagai Usrah al-Dandarāwiyyah. Lihat Che Zarina Shaari, *Tariqah Ahmadīyyah: Satu Kajian Di Negeri Kelantan Darul Naim, Disertasi Sarjana Usuluddin*, Fakulti Usuluddin Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 1993/94, hal. 189-192.

¹⁶⁸ *Ibid*, hal. 190.

¹⁶⁹ Antara murid-murid Sayyidi Ahmad bin Idrīs yang berjaya mengembangkan ajaran dan aliran perjalanan tarīqah beliau selain daripada Sayyidi Ibrāhīm Rāsyidi ialah Sayyidi Muhammad bin ‘Alī al-Sanūsi.